



MENGEJAR PELANGI

Tajuddin Saman

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Mengejar Pelangi

Tajuddin Saman

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Diterbitkan Oleh
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
www.islam.gov.my

Cetakan Pertama 2009
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit iaitu Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Tajuddin Saman
Mengejar Pelangi / [Tajuddin Saman].
ISBN 978-983-042-388-3
1. Malay Fiction. I. Judul.
899.2333

Rekabentuk:

FM SECURITY PRINTER SDN. BHD.
Wisma FM Holdings
No. 10, Persiaran 65C
Pekeliling Business Centre
Jalan Pahang Barat
53300 Kuala Lumpur.

Dicetak Oleh:

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
e-mail: print@printnasional.com.my

Episod



1 - <i>Kembara Sejarah</i>	1
2 - <i>Panglima Nayan</i>	7
3 - <i>Setitik Sinar</i>	17
4 - <i>Di Sebalik Sinar</i>	27
5 - <i>Hakikat Sebuah Kembara</i>	41
6 - <i>Hilang Pedoman</i>	50
7 - <i>Kekuatan Semangat</i>	69
8 - <i>Lubang Maut</i>	87
9 - <i>Penemuan</i>	108
10 - <i>Wajah yang Disembunyikan</i>	121
11 - <i>Citra Di Sebalik Topeng</i>	145
12 - <i>Aku Pegganas</i>	160
13 - <i>Anakku Sulaiman</i>	173
14 - <i>Selamat Tinggal</i>	187

1
Kembara Sejarah


*W*arna senja semakin pudar. Tabir kegelapan kian menyelimuti alam. Riuh rendah suara unggas sudah ditelan sunyi sepi. Itulah panorama alam sekitar hutan belantara itu.

Hutan Kepelu yang tadi nampak gagah dikelilingi pohon-pohon liar yang besar dan tinggi-tinggi belaka kini bagaikan tak kelihatan kerana ditelan warna yang semakin hitam. Mata yang tadi melihat kehijauan daun-daun rimbun disuluh panahan cahaya mentari, kini tidak mampu lagi melihat keindahan alam ciptaan Tuhan.

Suasana alam sedemikian mengusik dua hati orang muda yang tidak berpengalaman tentang denak, denai, danau dan bukit bukau. Selama ini mereka cuma biasa dengan kehidupan di kota. Kokok ayam pun jarang sampai pada gegandang telinga mereka.

Dalam kegelapan yang sunyi sepi, nafas mereka semakin jelas kedengaran. Ketika menuruni tanah berbusut, nafas mereka mencungap. Waktu bertembung gon yang tinggi, dada mereka jadi berdebar...

Kegelapan terus mencengkam. Saat itu, mereka lantas menjadi keliru bagai anak tikus diburu kucing. Ada waktu mereka tersasar langkah dalam gelap. Kaki tersadung akar-akar pohon kayu lalu kedua-dua orang muda itu tersungkur ke bumi. Hidung tertenyeh ke bumi dan berdarah, Pada waktu begitu, dentuman debaran yang lebih kencang bergema dalam dada masing-masing.

“Man! Kita dah sesat! Betul-betul kita dah sesat Man...!” Asmadi yang selalu kelam kabut menjadi gelabah benar.

Setakat itu, Yusman masih tabah, Masih tenang. Mungkin sedikit pengalaman dalam pasukan beruniform di zaman pra-universiti dulu

mengajarnya tentang erti ketenangan dalam kekalutan.

“Tenang Madi...Tenang! Jangan kalut!” Yusman terus melangkah perlahan-lahan sambil tangannya memegang sebatang akar besar di tepi badannya.

Tapi Asmadi tidak dapat mengawal perasaan lagi. Paniknya semakin menjadi-jadi. Bunyi nafasnya yang kian kencang terdengar jelas mencungap-cungap. Seseekali suaranya terdengar seperti anak kecil merengek-renek.

“Aku takutlah Man. Di mana kita sekarang??”

“Heh, pegang akar besar ini kuat-kuat. Berhenti. Jangan berjalan lagi. Kita berhenti di sini...” Suara Yusman keras bagaikan seorang kapten memberi arahan kepada anak buahnya. Namun suara gigitan Asmadi semakin kuat bunyinya.

“Heh, tak retikah. Cuba bawa-bawa bertenang sikit. Kita cuma berada dalam gelap. Bukannya kita dalam kubur!” Tengking Yusman.

Tiba-tiba Asmadi menjerit: “Auwww!!” sambil itu dia terus melompat berkali-kali bagaikan orang hilang akal.

“Hoi, kenapa kau ni? Kau nak mampus ke?”

“Auww! Auww!!Auww!! Asmadi terus melompat-lompat.

“Heh kenapa kau ni?” Yusman mula naik angin. Tidak disangka dalam melompat-lompat sambil menjerit-jerit itu, Asmadi terkapuk tubuh Yusman yang tegap. Waktu itu baru dia merasa sedikit lega.

“Kenapa dengan kau Madi?”

“Aku rasa macam terpijak benda licin...Hee! Geli! Geli sangat!”

“Apa bendanya tu?”

“Ish! Tak taulah! Jangan-jangan ular sawa tak?”

“Eh, jangan nak celupar pula. Dah, lebih baik kau diam saja. Ok..sekarang kita berhenti di sini, kita duduk di sini, tidur di sini. Yusman terus memberi perintah.

“Tapi aku takutlah Man. Jangan-jangan kita tidur tepi apa-apa ke nanti....” Asmadi masih belum dapat mengawal perasaan.

“Jangan merepeklah Madi. Kalau tak tidur sini, kat mana lagi kita nak pergi? Bukankah aku dah cakap, projek ini banyak risiko tapi kau ‘ndak juga ikut aku...”

Fikiran Asmadi terkunci apabila dipulangkan paku buah keras begitu oleh Yusman. Memang asalnya Yusman hendak meneroka hutan Kepelu itu seorang diri tapi Asmadi galak sangat mahu ikut bersama. Akhirnya dia benar-benar terperangkap dalam kegelapan hutan itu.

Apa boleh buat. Nasi sudah menjadi bubur. Mahu tidak mahu kenyataan berada dalam kegelapan malam di hutan tebal itu terpaksa ditelan juga.

Asmadi menyesal sendiri dalam sepi. Memang malam itu malam jahanam baginya. Macam-macam lintasan fikiran menjelma dalam benaknya.

Jangan-jangan ada harimau sedang menyedut bau tubuh mereka berdua. Jangan-jangan ular tedung senduk sedang mengintai ibu jari kakinya. Jangan-jangan ada hantu. Ada pontianak. “Hee! Takutnya!” Imajinasi liar itu lebih menyiksa perasaan dan diri Asmadi dari keadaan sebenar waktu itu.

Ketika itu mereka hanya tersesat jalan dalam hutan. Itu saja. Mereka masih beruntung. Meskipun malam gelap gelita, mereka tidak berdepan dengan rintangan yang lebih dahsyat. Tidak ada binatang buas; tiada juga gerila komunis seperti dialami perajurit negara pada zaman darurat.

Asmadi terlupa, dia bernasib baik kerana Yusman lebih tegap dan mantap. Tanpa semangat gigih Yusman, Asmadi mungkin sudah lintang pukang dalam hutan kelam itu. Ternyata Asmadi terpaksa terus menumpang pada semangat Yusman

untuk menunggu mentari esok berkembang lagi di dada langit.

Dalam takut dan bimbang, Asmadi tertanyanya diri sendiri bagaimanalah nasib dirinya dan Yusman sepanjang malam yang hitam pekat itu nanti. Sesekali dia terbayang sedang dia tidur nyenyak, seekor ular sawa atau ular tedung menyelar naik ke tubuhnya....

“Allah! Matilah aku..” hatinya berbisik sendiri. Kalau dibenarkan imajinasi liar terus berlegar dalam diri, Asmadi pasti dia tidak akan melihat mentari esok lagi. Justeru, dia tidak mahu lagi melayan karenah imajinasi liar itu.

“Ya kita duduk sinilah Man. Di tepi akar besar ini rasa macam o.k. juga,” Asmadi merasa bagaikan tidak sanggup lagi melompat tidak tentu arah. Pengalaman sesingkat kegelapan malam yang baru tiba itu mengajarnya agar memisahkan emosi daripada menguasai fikiran pada saat-saat sesulit itu.

Rupa-rupanya dia baru sedar, fikiran manusia boleh dibentuk mengikut susur galur yang dikehendaki oleh manusia itu sendiri.

Kalau kalut yang difikirkan maka kalutlah jadinya nanti. Kalau tenang yang dicari, maka damailah diri sendiri.

2

Panglima Nayan



*K*egelapan semakin menyerukpi alam. Pakaian Asmadi dan Yusman habis kotor comot. Seluar jeans dan baju T berwarna gelap yang melekat ditubuh mereka basah di sana sini. Topi Jepun yang dipakai Asmadi sejak awal pagi tadi tercicir entah di mana.

Pada saat bergelap yang menakutkan itu, Asmadi tidak mahu lagi dirasuk perasaan tidak menentu. Perasaan yang menggila, kalau dibiarkan menguasai fikiran, cukup bahaya untuk sebuah kehidupan.

Biarlah topi Jepun itu tercicir di mana-mana.

Biarlah pakaian habis kotor comot. Itu tidak penting lagi sekarang kerana yang penting waktu itu ialah soal kelangsungan hidup itu sendiri.

Apa yang akan terjadi pada mereka nanti. Bagaimana detik-detik seterusnya sepanjang malam yang gelap gelita itu. Kalau boleh, Asmadi mengharapkan sedikit sinar daripada rembulan atau bintang yang mengerdip di langit boleh membantu mereka melihat sekurang-kurangnya raut atau bentuk tubuh badan masing-masing. Sekurang-kurangnya dengan sedikit cahaya itu matanya mampu membayangi dahan-dahan pokok kayu di sekelilingnya. Tapi harapan itu terus terapung-apung begitu saja tanpa pangkalan yang pasti untuk berhenti.

Kekadang bila merasa terlalu kurang senang, Asmadi meraba-raba tubuh badan kawannya disebelah. “Mana kau Man?”

“Sini...Aku di sinilah!” sahut Yusman yang hanya sejengkal saja daripada Asmadi.

Yusman masih seperti sewaktu melangkah keluar dari rumahnya Subuh tadi. Topinya, seluar kelabu dan baju T berwarna merah tua bertulis “Za’aba” masih melekat pada tubuhnya. Walaupun ia tidak sebersih ketika berjalan meninggalkan rumahnya, pakaian Yusman tidaklah sekotor pakaian Asmadi.

Beg sangkut berisi sedikit pakaian, tuala, berus dan ubat gigi, pisau belit, sabun dan beberapa alat keperluan harian lain masih tersangkut pada bahu masing-masing.

Alam amat sunyi. Tiada lagi nyanyian cengkerik sebagai halwa telinga. Segalanya dirasakan seperti mati. Segalanya kaku dan beku macam sepi dalam kubur.

Asmadi benar-benar takut. Sebenarnya Yusman pun begitu. Sekadar, Yusman mungkin lebih matang kerana faktor usia berbanding dengan Asmadi yang masih kanyiar. Usia Yusman sekarang 27 tahun, lima tahun lebih tua daripada Asmadi.

Pada usia semuda itu, Asmadi benar-benar kosong pengalaman tentang selok belok pengembaraan dalam hutan. Sebaliknya, Yusman sudah banyak kali menyertai misi kembara di hutan. Lantas, dia tidak begitu gabra sangat apabila menemui saat-saat hitam dalam sebuah kembara seperti itu.

Itulah gunanya pengalaman. Dan pada saat sesulit itu, Asmadi sebenarnya sedang melalui suatu denai bernama pembelajaran. Dia sedang menempuh detik-detik pengalaman yang akan menjadi batu bata pada keunggulan hidup di masa depan.

Tapi pada saat dan ketika itu, Asmadi tidak pernah menyadari hakikat malam yang gelap gelita, hakikat kesesatan dalam sebuah hutan belantara. Fikirannya belum pernah menjamah sebuah pengertian yang hakiki bahwa dalam kegelapan itu terkandung cahaya dan dalam kesesatan itu ada jalan yang luas untuk dilalui dengan mudah belaka.

Kesunyian terus menggigit hati dan perasaan. Pada saat yang terlalu menyeksakan itu, Yusman terdengar bunyi suara menggeliat Asmadi. “Kenapa Madi?”

“Lengohlah...akar besar ini bonjol sana bonjol sini, susah nak berlunjur...” Asmadi masih bebal.

“Sabarlah...kita bukan duduk di hotel. Kita dalam hutan sekarang...!”

“Ish! Nyamuk banyak betul. Tak tahanlah Man...”

“Habis nak buat macam mana? Sabar sajalah. Esok pagi, kita cari jalan keluar...”

Asmadi tidak menjawab. Tapi bunyi tangannya menampar nyamuk di tubuhnya meletup-letup kecil, diikuti bunyi bergeruk-geruk dia menggaru tempat gigitan nyamuk pada kulit tubuhnya.

“Ish! Nyamuk apa ini, bisa, gatal betul kulit aku...”

“Inilah nyamuk hutan Kepelu!” sindir Yusman.

“Hai, aku serik betul Man...Kalau macam inilah gayanya, lain kali tak ingin aku ikut engkau lagi..”

“Itulah...Bukankah aku sudah cakap.Bukan senang nak jadi pengkaji sejarah. Ini, baru nak cari bahan sejarah dalam hutan begini pun, kau dah menyerah kalah...”

Asmadi membisu. Sebenarnya dialah yang beria-ia mahu mengikut Yusman. Dia memang meminati sejarah. Tapi dia tidak menyangka realiti minat itu boleh menghantarnya hingga ke tengah hutan Kepelu itu.

Di situlah, kononnya, terletak kubur Panglima Nayan, seorang yang dianggap pejuang keadilan sosial di utara pada suatu zaman dulu. Asmadi pernah mendengar cerita itu.

Hidup Panglima Nayan dikatakan seperti *Robin Hood*. Dia merompak dan menyamun harta orang kaya untuk ditaburkan kepada golongan miskin.

Sejauh mana kebenaran kisah sejarah itu, Yusman juga tidak dapat memastikannya. Tapi itulah ceritanya. Kononnya juga, kubur Panglima Nayan terletak dalam hutan Kepelu itu. Siapa membunuhnya atau adakah dia mati kerana proses kehidupan biasa? Yusman dan Asmadi tidak tahu.

Namun benarkah kubur Panglima Nayan berada dalam hutan Kepelu? Benar atau tidak, belum tahu lagi. Tapi jika berhasil pencarian dua pengkaji muda itu, kembara sejarah mereka berdua pasti akan menjadi bahan utama media massa. Masyarakat akan gempar dengan berita penemuan luar biasa kajian Yusman dan Asmadi.

“Kubur Panglima Nayan ditemui di Hutan Kepelu!”. Demikian barangkali tajuk laporan media sekiranya mereka berjaya menemui kubur Panglima Nayan nanti. Semua peminat sejarah di seluruh negara pasti gempar.

Sudah tentu ramai wartawan akan mengejar mereka. Sudah tentu ramai ahli dan tokoh sejarah negara akan tertanya-tanya bagaimana anak muda berdua itu mendapat sumber penerokaan sejarah yang begitu menakjubkan.

Mereka menjadi orang pertama yang menemui kubur atau makam Panglima Nayan - seorang tokoh lagenda yang selalu disebut-sebut dalam cerita rakyat di utara.

Kedua-dua pengkaji sejarah itu merasa yakin mereka akan berhasil melahirkan suatu versi baru tentang kisah Panglima Nayan - ia bukan cerita dongeng tapi ia sejarah yang mengandungi fakta dan data.

Kalau harapan itu menjadi realiti, Yusman tentunya akan mendapat kredit yang lebih baik daripada Asmadi kerana dialah yang terlebih dulu mengumpul fakta dan data kisah Panglima Nayan. Sudah bertahun-tahun dia “bertapa” dalam perpustakaan negeri dan perpustakaan negara untuk mengumpul segala data dan fakta berkaitan Panglima Nayan. Kalau segala itu dapat dibuktikan dengan penemuan kubur panglima itu, maka sudah pasti satu lagi penemuan terbaru akan tercatat dalam sejarah moden negara.

Barangkali seluruh dunia juga akan menjadi gempar jika kubur Panglima Nayan berjaya ditemui dua pengkaji sejarah muda itu.

Mimpi indah itu terus berulit selama beberapa bulan dalam fikiran Yusman dan Asmadi. Mereka lalu membina harapan untuk bersama-sama mencari kubur Panglima Nayan.

Akhirnya Yusman mengambil keputusan mahu meneroka hutan Kepelu pada musim cuti semester yang terbaru sekarang. Sekalipun seorang diri, tanpa Asmadi, Yusman pasti akan meneroka sejarah hutan Kepelu itu.

Dia amat yakin akan menemui kubur Panglima Nayan di situ. Justeru, sebuah kamera yang baru turut dibelinya dengan harga agak mahal untuk

digunakan dalam kembara sejarah itu. Apabila kubur itu benar-benar ditemui, dia pasti akan merakam gambar segala yang berkaitan dengan kubur atau makam itu untuk dibawa pulang ke pangkuan masyarakat.

Sewaktu mengumpul bahan keperluan mahu meneroka hutan Kepelu itulah, tiba-tiba saja Asmadi tampil. Mendengar program luar biasa itu, Asmadi tidak mahu ditinggalkan begitu saja. Dia juga mahu ikut bersama Yusman dalam kembara sejarah itu. Lagipun, Yusman tentu memerlukan seorang kawan, sahabat sepertinya dalam kembara serumit itu.

“Baik engkau jangan ikut kerana kembara ini banyak rintangannya...bahaya Madi.” Awal-awal lagi Yusman sudah menasihati Asmadi tapi dia tetap berdegil.

“Jangan pandang sebelah mata. Usia mungkin muda tapi tenaga ada, beb!” Pada peringkat awal, orang muda selalu begitu; lompat kuda muda selalu begitu - pada saat awal pagi lompatnya gagah dan suaranya nyaring tapi menjelang petang, lompat itu menjadi longlai dan suaranya selalu pula menjadi serak-serak.

Yusman memang bimbang terhadap keinginan Asmadi mengikut jejaknya dalam kembara sejarah itu.

Dia takut Asmadi menjadi “gangguan” kepada kerjanya.

Meskipun dia memerlukan seorang teman seakrab Asmadi untuk kembara itu tapi dia tahu benar sifat Asmadi. Perangai Asmadi kadang-kadang sukar dibaca. Ada ketika dia nampak keras macam batu tapi dalam kekerasan itu kadang-kadang dia mudah pula cair.

Inilah masalah Asmadi. Sikapnya masih tidak menentu. Yusman sudah arif dengan sikap kawannya. Sejak mengenali Asmadi beberapa tahun lalu di kampus universiti, Yusman tahu benar perangainya.

Tinggal lagi Asmadi bukanlah orang yang mudah melupakan jasa kawan. Kekadang dia sanggup bertegang urat dengan sesiapa saja yang memperlekehkan kawannya. Yusman tertambat pada semangat setiakawan Asmadi yang kental. Satu ketika, Asmadi hampir bergaduh dengan seorang mahasiswa yang merendah-rendahkan usaha Yusman untuk meneroka sejarah Panglima Nayan.

“Cerita dongeng...mana ada *Robin Hood Melayu*? Tak habis-habislah kau orang ini, apa orang putih buat, semua mahu tiru,” mahasiswa tahun akhir itu menempelak usaha Yusman dalam sebuah kantin.

Ketika itu, Asmadi bingkas bangun dari kerusinya. “Mulut kau jangan celupar sangat. Kalau kau tak tahu sejarahnya, kau jangan cuba nak tunjuk pandai!” Rupa-rupanya gertakan balas Asmadi menjadi. Mahasiswa yang celupar itu terus menikus dan lama-lama menghilangkan diri daripada kantin itu. Sejak itu Yusman menjadi lebih akrab dengan Asmadi. Budi Asmadi membela kerja dan usahanya tidak pernah dilupakan.

Itulah sebab utama kenapa Yusman sukar menolak keinginan Asmadi mahu mengikuti kembaranya menjejak Panglima Nayan di hutan Kepelu. Tanpa pembelaan Asmadi satu ketika dulu, Yusman sendiri mungkin berasa tawar untuk meneruskan kajian sejarah yang diperlecehkan oleh mahasiswa celupar itu. Yusman mungkin mantap dalam banyak hal tapi sejak ibunya meninggal beberapa tahun lalu, perasaannya cukup mudah tersentuh.

3 *Setitik Sinar*



*M*alam terus merangkak tanpa gangguan. Badan Yusman dan Asmadi semakin lesu. Mereka terlalu penat. Masing-masing meletakkan kepala di atas akar kayu yang berserabut dengan rencahan hutan - duri, daun, ranting, pelepah, segalanya mendatangkan bau-bauan rumpai yang masam-masam tapi segar dan harum. Tilam mereka hanya tanah lembab beralaskan rumput rumpai serta serbuk dedaun kering yang sudah sebatu pada bumi.

Takut bukan kepalang. Tapi Yusman tahu, itulah risiko sebuah kembara mencari jejak sejarah bangsa.

la meminta pengorbanan yang terlalu besar. Mungkin nyawa juga turut menjadi taruhan.

Kesedaran Asmadi mungkin belum sampai ke tahap itu. Asmadi hanya ingin belajar sesuatu daripada Yusman. Dan Yusman tahu, kejayaan bukan mudah dicapai kerana ia adalah hakikat kepada kegagalan yang bertubi-tubi.

“Jangan fikir banyak-banyak sangat Madi... Badan pun letih sangat ni...kita tidur sajalah... serah segalanya pada Allah,” suara Yusman seperti orang berbisik saja bunyinya. Asmadi amat letih. Dia mendengar suara Yusman itu. Tapi mulutnya terasa bagai dikunci. Berat saja mahu membukanya. Apa lagi mata pun sudah menjadi kuyu benar. Dalam keadaan itu, bila-bila masa saja mata itu boleh tertutup lelap.

Demikian pula mata Yusman. Terasa semakin berketat dan melekat-lekat. Pandangannya juga kian berbinau-binau. Kalau perut, jangan ceritalah. Lapar sangat. Bekalan makanan tidak banyak. Biskut yang dibawa sudah tinggal setengah tin saja lagi. Beberapa bungkus roti benggali pun sudah hampir langcai. Kacang goreng habis dikunyah, kuih kering cuma tinggal beberapa keping saja lagi.

Yusman menjangka bekalan itu cukuplah untuk

mengalas perut mereka untuk malam itu dan esoknya. Bekalan air minuman juga semakin meruncing; yang tinggal hanya sebotol dua saja lagi.

Kalau habis nanti, keadaan tentu akan menjadi lebih seksa. Keadaan akan menjadi lebih rumit apabila bekalan makanan benar-benar habis. Yusman tahu, tanpa makanan biasa, mereka terpaksa mengubah cara hidup menjadi “ orang hutan” - makan buah-buah kayu, umbut ubi, buah kelubi, buah rotan atau apa-apa saja.

Berapa hari mereka boleh bertahan dalam keadaan begitu? Yusman tidak khuatir sangat tentang dirinya. Tapi Asmadi bagaimana? Dia tidak biasa dengan keadaan itu. Sekalipun Yusman pernah meneroka satu dua kawasan hutan dan bukit bukau tidak jauh dari kawasan tempat tinggalnya tapi pengalaman itu hanya ibarat setitik air di lautan. Apa yang sedang dialami sekarang amat menggerunkan. Ia suatu kesesatan yang belum pernah tercanai dalam pengalaman hidupnya sendiri.

Ketika ralit berfikir tentang makanan dan pengalaman itu, mata Yusman semakin kuyu. Pergerakan kelopak matanya semakin lesu; antara terbuka dan tertutup semakin perlahan jadinya.

Yusman terasa bagaikan terawang-awang. Dia belum benar-benar tidur. Tapi matanya bagaikan kehilangan kuasa. Kelopak mata terasa malas mahu dibuka dan ditutup.

Dalam keadaan itu, mata yang kian malas itu tiba-tiba terbuka sedikit luas. Mata Yusman terlihat nun jauh di ufuk sana, dalam kegelapan malam yang gelap gelita itu, ada setitik sinar cahaya seperti bara api yang kemerah-merahan warnanya.

Melihat titik bara yang kemerah-merahan itu, mata yang letih itu kembali segar. Yusman memaksa mata letihnya itu terbuka lebih luas. Dia menggenyeh-genyeh kelopak mata untuk menghilangkan rasa, mengantuk yang melampau.

Yusman membetulkan letak duduk dirinya. Kemudian dia membuka mata lebih luas untuk merenung sebutir cahaya bara api yang kemerah-kemerahan jauh di ufuk sana, entah di mana tempatnya, dia tidak tahu.

Tapi Yusman pasti, cahaya itu pasti berada dalam alam hutan Kepelu itu sendiri. Apakah bendanya itu? Bara api atau kelip-kelip malam yang berwarna merah? Memang bara api itu kelihatan seperti berkelip-kelip. Sekejap menyala dan hidup; sekejap lagi redup dan bagaikan tiada.

Cahaya bara yang kemerah-merahan di ufuk sana itu kelihatan bergembut-gembut bagaikan ada orang yang meniupkan angin kepadanya.

Hati Yusman bergolak-golak sendiri. Perasaannya bercampur baur ketika itu. Cahaya bara api apakah itu? Sinar merah itu dari mana datangnya? Fikirannya tepu dengan segala macam soalan.

Akhirnya dia tidak dapat menyimpan apa yang disaksikannya itu seorang diri. Dia memerlukan seseorang untuk diberitahu mengenai apa yang dilihatnya. Lalu tangannya meraba-raba akar kayu di sekelilingnya. Ketika itu, Yusman terpegang kepala Asmadi. Dia cuba menggoyang-goyang kecil kepala orang muda itu.

Malangnya, Asmadi sudah *ghuyub* entah ke mana. Dia mungkin sudah hanyut di alam mimpi yang terlalu indah. Dengkurannya pula semakin galak berbunyi. Yusman terasa kasihan. Biarkanlah Asmadi tidur sepuas-puasnya dulu. Bila dia sudah terjaga nanti, Yusman boleh ceritakan apa yang dilihatnya itu.

Dia cuba bersabar. Biarkan Asmadi tidur dulu. Biar dia tafsirkan sendiri dulu apakah sebenarnya benda yang disaksikannya itu. Roma tengukunya sesekali meremang.

Perasaannya menjadi sedikit gabra apabila sinar bara api yang dilihat jauh di ufuk sana itu sesekali menjadi besar sedikit. Masakan itu sinar sebuah pelita.

Mustahil. Di tengah hutan, di tengah rimba, mana ada pelita. Tapi cahaya apakah itu? Yusman sukar membuat tafsiran yang tepat. Kekadang dia seperti tidak mahu mempercayai matanya sendiri.

Yusman berharap apa yang dilihatnya itu bukan suatu mimpi lalu dicubit-cubit tubuhnya sendiri. Memang sakit. Memang dia tidak bermimpi. Tapi itulah realitinya.

Setitik sinar cahaya jauh di ufuk sana yang gelap gelita. Dalam kegelapan, setitik sinar pasti dapat dilihat dengan jelas.

Dan sinar bara kemerah-merahan itu terus bergembut-gembut dalam kegelapan itu. Pelbagai tafsiran menjelma dalam fikiran Yusman. Mungkin itu suatu ujian alam terhadapnya.

Sebelum mengenali dunia kembara di hutan, Yusman selalu mendengar berbagai-bagai jenis cerita orang mengenai hutan. Sesetengah daripadanya sampai ke tahap khurafat.

Dunia hutan dan belantara memang ada kisahnya sendiri. Dan sinar bara kemerah-merahan jauh di ufuk sana yang gelap gelita itu terus menjadi tanda tanya Yusman.

Masa terus berlalu. Yusman tidak tahu waktu itu sudah pukul berapa. Keletihannya yang melampau akhirnya diganti oleh kesegaran yang menerpa di luar waktu yang sepatutnya.

Pada waktu jauh malam itu, semua manusia sepatutnya tidur. Tapi Yusman tidak dapat melakukannya kerana kecamuk fikiran kesan daripada suasana yang mengelilinginya di dalam hutan tebal itu.

Yusman serba salah ketika itu. Mahu menggerak Asmadi untuk berkongsi panorama luar biasa itu, dia kasihan pula pada sahabatnya yang keletihan.

Tapi sehingga saat itu, dia merasa seperti tidak sanggup lagi menanggung apa yang dilihatnya seorang diri. Dia perlu memberitahu orang lain apa yang disaksikannya. Jika tidak, tubuh badan bertambah teruk dicengkam tekanan perasaan dan fikiran.

“Madi... Madi...!” Akhirnya dia bersuara juga dan Madi terus berdengkur.

“Madi, bangun! Madi, bangunlah...!” suara Yusman bagaikan meminta simpati.

Sejurus kemudian, terdengar suara Asmadi merengek-rengok. “Eh, ada apa ni? Orang nak tidur, engkau kacaulah...”

“Eh, bangunlah, bangunlah sekejap.. engkau tengok tu, ada cahayalah, nun di sana, kau tengok...eh, bangunlah...” Madi kemudian terlena semula. Yusman menjadi bengang. Kali ini dia menggoncang tubuh Asmadi dengan lebih kuat.

“Heh, bangunlah, engkau ni, asyik nak tidur saja. Bangun, cuba kau tengok tu, api apa pula tu...”

Mendengar perkataan “api” itu menyebabkan Asmadi terus bingkas bangun.

“Mana? Mana? Api apa?” Asmadi menggenyeh-genyehkan matanya dengan tangannya yang masih kotor.

“Itu...di sana tu, cuba kau tengok, kau nampak tak? Bukankah itu cahaya api? Macam setitik bara, nampak tak?” Asmadi terus merenung ke arah benda yang disebutkan oleh Yusman. Di tenyeh-tenyehkan matanya berkali-kali. Dia juga bagaikan tidak percaya kepada apa yang dilihatnya.

“Eh, api apa pula tu? Pelek betullah...Takkan dalam hutan belantara begini ada api pula? Jangan-jangan api itu dinyalakan oleh pengganas komunis tak?”

Logiknya memang ada. Yusman bersetuju juga dengan pendapat Asmadi itu. Tapi bukankah

parti komunis pun sudah dibubarkan? Bukankah komunis sudah meletakkan senjata di negara ini?

“Tak adalah...mana ada komunis lagi? Komunis pun dah tak mahu tinggal dalam hutan lagi sekarang”

“Habis, itu cahaya api dari mana? Jangan-jangan ada rumah orang asli dalam kawasan hutan ini tak?” Asmadi pandai pula berfikir. Tapi Yusman tidak fikir begitu. “Orang asli sekarang pun kalau boleh tidak mahu lagi berada di hutan...”

Fikiran mereka buntu. Kalau semuanya bukan, cahaya bara apakah yang mereka lihat bergembut-gembut jauh di ufuk malam itu?

Naluri ingin tahu Yusman membara sebaik-baik melihat setitik bara api di tengah hutan itu.

“Jangan-jangan itu bara api yang dihidupkan oleh anak cucu Panglima Nayan?” hati kecilnya berbisik sendiri.

Yusman fikir kalau benarlah Panglima Nayan itu wujud, tentulah panglima itu sudah tidak ada di dunia ini lagi sekarang kerana kewujudannya sudah melampaui banyak zaman.

Manusia hanya boleh hidup paling tinggi 100 atau 150 tahun. Itu rekod usia manusia di dunia. Tapi bilangannya hanya seorang dua saja daripada keseluruhan penduduk dunia. Dan itupun, pada usia

sedemikian, seseorang sudah terlalu daif untuk menjalani kehidupannya yang normal.

Maka andaian paling tinggi yang boleh dikaitkan dengan sinar bara api itu tentulah ia mungkin kerja yang dilakukan oleh anak cucu Panglima Nayan, kalaulah benar panglima yang dikatakan pernah membela golongan marhain itu, benar-benar wujud di dunia.

4
Di sebalik Sinar



*K*epala Yusman terus dilanda tsunami keserabutan baru. Tidak pasal-pasal, Asmadi juga terpaksa memikirkan panorama setitik sinar bara yang kemerah-merahan di tengah ufuk malam yang gelap gelita di tengah hutan Kepelu itu.

Setakat itu, fikiran kedua-dua orang muda itu tidak dapat menjangkau makna dan rahsia di sebalik sinar cahaya yang mereka lihat itu. Kalau bukan sinaran cahaya, apakah sebenarnya yang menjelma sebagai setitik noktah merah di tengah gugusan malam yang hitam kelam itu?

Yusman dan Asmadi merasa seperti tidak sabar lagi mahu mengetahui jawapan kepada panorama yang sedang disaksikan itu.

Nampaknya kembara sejarah mencari jejak Panglima Nayan terpaksa diletakkan di sebelah tepi dahulu kerana secara tiba-tiba saja, ada suatu panorama baru yang perlu diteroka jawapannya terlebih dulu.

“Eh, mari kita jalan perlahan-lahan ke situ, mahu tak Man?” Orang muda berjulung keris itu tetap bersedia untuk melompat-lompat saja. Yusman menggeleng-geleng kepala. “Madi, Madi...macam mana kita nak ke sana? Kan gelap gelita ni? Kau nak cari nahas?”

“Iyalah, aku cakap saja...tak ‘ndak, sudahlah..”

“Kau ni, lain kali kalau nak bercakap tu, fikirilah sikit...”

Persilangan pendapat yang kecil itu menyebabkan tubuh badan kedua-dua orang muda itu kembali bertenaga walaupun perut terasa juga kosong, lebih-lebih lagi pada waktu jauh malam begitu.

Kalau di rumah, waktu begitu memang waktu berdengkur, kecuali pada bulan puasa. Bagusnya di taman perumahan tempat mereka tinggal

di ibu kota, setiap malam sepanjang Ramadan, ada beduk yang dibunyikan bagi mengejutkan orang bersahur.

Namun bagi Asmadi, bunyilah beduk sekuat mana pun, kalau sudah tidur, memang susah untuk menyedarkannya, kecuali digerakkan oleh ibu atau keluarga yang lain. Begitulah sikap anak bongsu yang dimanjakan keluarga.

Yusman pula tidak begitu. Sesudah bertugas di universiti, dia lebih suka tinggal sendirian, sedikit jauh dari keluarga. Rumah sewanya terletak berhampiran universiti. Justeru, segala urusan diri perlu dikendalikan tanpa bantuan orang lain.

“Kita tunggu esok siang sajalah Madi...” suara Yusman kembali memecah kesepian malam.

“Iyalah...tapi kalau siang, mana kita boleh nampak cahaya itu lagi?” Asmadi menjolok suatu persoalan.

Yusman baru terfikir. Cahaya hanya dapat dilihat pada waktu malam, lebih-lebih lagi kalau ia cuma setitik cahaya bara nun jauh di ufuk sana.

Cahaya memang jelas kelihatan pada waktu malam, kecuali cahaya mentari yang menjadi raja segala cahaya dan menguasai seluruh waktu siang.

Ini persoalan rumit. Bagaimana mahu mencari setitik cahaya yang jelas kelihatan malam itu pada esok siangnya? Bukan mudah menjejak setitik cahaya itu di bawah suluhan raja segala cahaya mentari.

Mahu meranduk kegelapan malam menuju ke titik cahaya itu, sudah tentu mereka berdua tidak berdaya. Cabarannya terlalu besar. Hanya jin atau makhluk halus yang lain saja mungkin mampu berbuat demikian.

Yusman dan Asmadi hanya manusia biasa. Mereka dikurniakan tulang empat kerat dan fikiran untuk bergerak dalam sebuah kehidupan. Lebih dari itu, tidak ada.

Kalau ada kuasa ghaib, Yusman atau Asmadi tentu saja mahu menggunakannya untuk terbang ke titik cahaya yang menakjubkan mata memandang itu.

Harapan nampaknya terlalu tipis. Mereka mungkin “kehilangan” titik cahaya malam itu pada siang hari esok. Yusman atau Asmadi memang menyedari hakikat itu. Tapi kedua-dua orang muda itu seperti tidak mahu tunduk kepada kenyataan yang ada. Mereka terlalu ingin mengetahui titik cahaya apakah yang dilihat itu.

“Mari kita cuba berjalan perlahan-lahan sekarang juga Man..” Tiba-tiba Asmadi bersuara. Semangat orang muda itu tetap tinggi. Namun Yusman bukan tidak mahu tapi pada waktu yang sama lintasan bahaya yang mungkin mendatang kerap melintasi alur-alur dalam fikirannya.

“Bahayalah Madi... Aku bukan tak mahu. Tapi orang tua-tua selalu cakap: Musuh jangan dicari, bahaya jangan ditempa...” Faktor perbezaan usia antara mereka berdua mungkin menyebabkan Yusman nampak lebih berhati-hati sewaktu membuat sesuatu keputusan dan tindakan.

“Iyalah, cakap engkau memanglah betul tapi soalnya kalau kita nak tahu apa sebenarnya yang ada di sebalik sinaran cahaya itu, kita kena bergerak sekarang juga. Kalau tunggu esok, mana nak nampak setitik cahaya merah itu lagi. Hah, kalau kau nak juga, kita terpaksa tunggu malam esok pula lagi dan esok siang kita perlu berjalan ke arah kawasan di mana kita nampak cahaya itu.”

Asmadi berhenti berkata-kata. Dia terpaksa menampar nyamuk yang hinggap pada tubuhnya. Kemudian dia berkata lagi: “Itupun kalau hari dah cerah esok, kita mungkin dah tak tahu dari arah mana cahaya yang kita lihat itu datang?”

Bernas juga fikiran si orang muda ini, fikir Yusman. Memang ada logiknya kata-kata Asmadi. Tapi sebagai orang yang lebih dewasa, hati Yusman tidak dapat membenarkan pergerakan dalam malam kelam begitu.

Antara bergerak dalam malam kelam dan keinginan mencari jawapan terhadap setitik sinar cahaya kemerah-merahan yang dilihat itu, Yusman pula menjadi buntu.

Dia merasa terlalu sukar untuk membuat keputusan. Duduk diam di tempat sekarang, mereka mungkin lebih selamat. Tapi kalau terus bergerak juga, mungkin banyak bahayanya. Apa lagi, waktu malam kelam di dalam hutan setebal itu.

“Ah, susah-susah kita lupakan saja sinaran cahaya merah itu Madi. Lagi pun, tujuan kita masuk hutan ini bukan untuk mencari cahaya itu. Kita sampai sesat di sini kerana mahu mencari pusara Panglima Nayan. Kita tidak boleh ketepikan tujuan asal kita datang ke sini...” Pendapat Yusman itu berbunyi seperti satu perintah terakhir seorang Jeneral.

Di hati Asmadi terdetik: Rupa-rupanya Yusman tidak berani. Dia juga takut menghadapi sesuatu yang bernama risiko. Dalam hidup ini, manusia tidak

boleh takut pada risiko, sama ada baik atau buruk, itu ketentuan Tuhan. Manusia hanya perlu berikhtiar. Tuhan yang menentukan segala-galanya.

Asmadi pula tidak dapat menyelami sedalam-dalamnya fikiran rakannya yang lebih berpengalaman. Yusman merasakan dia berfikir secara matang. Kalau sudah tahu atau sekurang-kurangnya sudah menjangka di situ ada telaga buruk, kenapa mahu terus berjalan juga ke telaga itu. Sudah tentu padahnya nanti akan celaka badan sendiri.

Namun antara pertimbangan fikiran yang matang Yusman dan keberanian menghadapi apa jua risiko Asmadi, kedua-duanya saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Mereka tidak boleh berpecah belah hanya kerana perbezaan pendapat. Memang fitrah alam, manusia dijadikan berbeza-beza. Tiada insan yang benar-benar serupa dan sama tepat belaka pada bentuk rupa, perasaan dan fikirannya. Apa yang penting manusia perlu berada dalam satu kesatuan besar yang harmonis. Jika tidak, dunia pasti menjadi lubuk neraka paling jahanam.

Itulah resipi sebuah persahabatan sejati. Manusia boleh berbalah dan berbeza pendapat mengenai apa saja tapi matlamatnya biarlah untuk

mencari kejernihan bersama dalam sebuah kehidupan yang terlalu singkat ini.

Yusman memahami kemahuan Asmadi. Jika dia tidak mengejutkan Asmadi untuk melihat titik sinaran cahaya itu, mungkin mereka tidak berbalah mengenai hasrat mahu menjejak apa yang disaksikan dengan mata kepala sendiri pada malam itu.

Tapi seketika tadi, Yusman tidak tahan menyimpan pada dirinya sendiri apa yang dilihatnya itu. Nalurinya menggesa dia segera memberitahu Asmadi mengenai perkara itu.

Lalu apabila diberitahu, Asmadi yang berjulung keris itu lantas mahu bergerak pada waktu itu juga, tanpa mengira malam yang kelam, tanpa rasa takut, dia sanggup berjalan menuju ke arah titik cahaya yang dilihat bergembut-bergembut di ufuk sana.

Soal jauh, bukan menjadi ukuran Asmadi. Dia tidak peduli itu semua. Apa yang penting dia mahu menjejaki cahaya itu dan kemudian mengetahui cahaya apakah sebenarnya yang mereka lihat itu.

Dan sekarang Yusman yang membangunkan Asmadi untuk melihat cahaya itu mengambil keputusan untuk bergerak pada esok siang yang lebih selamat. Esok, ya esok mungkin lebih

selamat, fikir Asmadi. Tapi esok yang cerah tidak memungkinkan mereka menemui setitik cahaya merah itu lagi.

Asmadi diam membisu. Hatinya meronta-ronta mahu bergerak waktu itu juga. Tapi apa boleh buat, Yusman sudah membuat keputusan. Yusman lebih tua. Asmadi terpaksa akur pada keputusan orang yang dianggap “abang” dalam hidupnya.

Ada saatnya terlintas dalam fikiran Asmadi keinginan untuk mengambil keputusan sendiri. Jika ini dilakukan, ia bermakna mereka perlu berpecah. Seorang tinggal di situ, seorang lagi akan bergerak ke arah titik cahaya misteri itu.

Tapi Asmadi masih ingat dia seorang anak Melayu. Sekalipun ada yang kurang menyenangkan hati, dia tidak boleh biadap kepada orang yang lebih tua. Anak Melayu, kalau berbicara, lembut petah menjadi gembala. Kalau menyanggah, masih bersopan dengan madah.

Sedang melayan fikiran begitu, Asmadi teringat sesuatu. Alangkah baik kalau dia tidak terlupa membawa toslet. Dan alangkah baik, kalau toslet yang dibawa oleh Yusman tidak tercicir dan jatuh entah di mana di sebalik gaung-gaung yang mereka lalui di tebing bukit dalam hutan Kepelu ketika senja tadi.

Kalau ada toslet, mereka tidak akan tunggu lama di situ. Kalau ada toslet mereka pasti berjalan sekalipun malam kelam begitu. Mereka pasti meneruskan perjalanan sekalipun ada orang beranggapan toslet tidak boleh digunakan dalam hutan belantara pada waktu malam.

Realitinya sekarang toslet tidak ada. Jadi mereka terpaksa membungkam di situ untuk sekian jam lagi sementara menunggu cahaya mentari esok hari bersinar semula. Lebih penting, realitinya apabila hari esok menjelma, mereka pasti akan terlepas peluang untuk mendekati cahaya misteri itu.

Kalau mengikut keputusan awal, Yusman mahu saja mencari jalan keluar ke tempat mula mereka masuk ke hutan itu semalam. Sekalipun kali ini mereka mungkin gagal menemui makam Panglima Nayan, mereka perlu mencari jalan keluar itu terlebih dulu.

Sesudah kembali ke pangkal jalan, mereka nantinya boleh merangka program dan untuk memasuki hutan Kepelu buat kali yang kedua. Kembara kali kedua mungkin lebih berkesan kerana segala pengalaman yang dikutip dalam kembara pertama ini amat berharga sekali.

Begitulah rancangan awal yang difikirkan Yusman ketika mentari hampir terbenam tadi. Tapi

kenyataannya sekarang mereka masih terdampar di celah-celah akar kayu yang besar di dalam hutan tebal itu. Setakat itu, segala rancangan cuma tinggal dalam ingatan semata-mata. Ia mungkin tidak dapat diwujudkan dalam bentuk kenyataannya.

Sejuk badan tidak terkira. Yusman dan Asmadi hampir menggigil dibuatnya. Angin tidak begitu kuat. Hembusan bayu lembut sesekali menikam sampai ke tulang sum-sum, Pohon kayu dan segala tumbuhan di dalam hutan itu menyumbang kesejukan hawa sesejuk bilik menyimpan ikan yang baru dikaut dari perut kapal.

Mereka berdua tidak membawa selimut yang tebal. Hanya ada beberapa helai kain pelikat yang dibawa. Itulah perisai untuk menahan tubuh ditusuk kesejukan malam.

Ada waktu Asmadi merasa malam itu terlalu panjang. Bilakah siang akan menjelma. Memikirkan soal itu, hatinya menjadi resah. Seketika Asmadi menjerit kecil.

“Ada apa Madi?” Yusman meraba-raba tubuh rakannya.

“Entahlah Man, rasa macam tikus keturi...”

“Macam-macam engkau ni..”

“Eh, dia gigit aku ni ha...terasa sakit ibu jari kaki akulah...”

“Ambillah minyak gamat yang kau bawa tu. Sapukan. Duduk diam-diam sikit. Tikus pun tak suka dengan engkau ni...” Yusman ketawa kecil.

“Janganlah nak bergurau tengah malam buta dalam hutan ni...” Asmadi melumur-lumur minyak gamat pada hujung ibu jari kaki kanannya.

Dia agak tikus menggigitnya. Tapi sakitnya tidaklah terlalu kuat. Cuma pedih-pedih saja. Tapi semakin lama, sesekali terasa pula seperti bentan begitu.

Diraba-rabanya ibu jari kaki itu. Rasa-rasa macam bengkak sedikit. Hatinya mula bimbang. Ini bukan gigitan tikus. Ini mesti kena gigit benda lain.

“Aku ingat bukan tikuslah Man.”

“Habis apa pula?”

“Lipan tak?”

“Boleh jadilah, lipan bara mungkin. Kau dah sapu minyak gamat ke belum?”

“Sudah.”

“Oklah tu...sabarlah, esok kita tengok macam mana...Pada aku ada sedikit iodine ni. Mungkin boleh digunakan...Eh, berdarah tak?”

“Rasa, tak ada kut.”

“Boleh jalan tak?”

“Bolehlah...”

Mereka kembali diam. Kebimbangan sentiasa

bermain dalam diri masing-masing. Kalau setakat tikus dan lipan, masih boleh tahan lagi. Tapi kalau terjumpa yang lebih hebat - harimau, gajah, ular - Allahu Akbar, habislah kita, fikir Yusman. Tapi segala itu tidak boleh dizahirkan kepada rakannya itu. Kalau disebutkan, mungkin juga Asmadi akan lari lintang pukang waktu itu juga.

Justeru, lebih baik Yusman berdiam diri. Kalau Asmadi cabut lari, Yusman sendiri turut susah. Dia akan tinggal seorang diri. Risikonya tentu lebih besar. Makanya dalam keadaan dan suasana sedemikian, Yusman tidak mahu mencipta cerita yang bukan-bukan. Lebih baik dia mengawal perasaan seutuhnya agar segalanya tidak disalahmengertikan oleh Asmadi.

Malam merangkak seperti biasa. Kedua-dua pengkaji sejarah muda itu terus terperangkap dalam kegelapan hutan Kepelu yang menyimpan seribu satu rahsia serta misteri alam.

Fikiran Yusman dan Asmadi tepu dengan jalur-jalur masalah semasa yang sukar diselesaikan. Banyak ledakan kejutan berlaku di luar rancangan asal mereka.

Kembara sejarah itu tidak semudah yang disangka. Sebaliknya ia dipenuhi ranjau-ranjau dugaan yang amat mencabar. Tanpa kecekanan

yang sejati, segala usaha mungkin berkecai di tengah jalan.

Yusmadi terfikir, bagaimanalah insan-insan agung dalam sejarah seperti Marco Polo, Laksamana Cheng Ho dan manusia lain seagung mereka mengatur langkah pengembaraan mencari fakta dan kebenaran alam untuk dimanfaatkan oleh penduduk dunia sepanjang zaman beratus-ratus tahun dahulu?

Pada zaman mereka dulu, keadaannya tentu lebih rumit. Keupayaan teknologi boleh dikatakan kosong langsung.

Tapi mereka pernah bangun dalam kekosongan itu. Bagaimana? Soalan itu timbul dalam benak Yusman. Dan soalan itu menjelma bagaikan suatu azimat yang menggerakkan keberanian luar biasa dalam diri Yusman agar tidak mudah berputus asa dalam kembara mencari jejak Panglima Nayan.

“Aku pasti tidak akan berpatah balik,” bisik Yusman kepada dirinya sendiri. Keasyikan Yusman berfikir tiba-tiba diganggu oleh dengkur kuat Asmadi. Akhirnya si orang muda itu tertidur juga. Biarkanlah dia terus berdengkur, kalau tidak, dia asyik galak mahu bergerak mencari titik merah di tengah kekelaman malam di ufuk sana dalam hutan tebal itu.

5

Hakikat Sebuah Kembara



*Y*usman tidak sedar waktu mana dia terlelap malam tadi. Ketika menyeh-nyeh pelupuk matanya dengan tangan, dia bingkas bangun kerana melihat sinaran mentari pagi baru mula menyelinap di celah-celah daun pokok kayu.

Dia cuba melihat jam tangan. Tapi kemudian dia menggeleng-geleng kepalanya. Waktu itu, baru dia teringat beberapa peralatan, termasuk jam tangan dan telefon bimbit miliknya dan Asmadi yang disimpan dalam sebuah beg terhumban bersama-sama tosletnya ke dalam gaung sewaktu

mereka coba melangkah sebuah akar besar di tebing yang curam.

Waktu beg itu bergolek laju ke bawah curam yang tajam itu, mereka berdua hanya mampu melihatnya sahaja. Pada saat di luar jangkauan itu, mereka benar-benar tidak berdaya.

Sesudah itu, mereka terus terputus hubungan dengan dunia luar sejak senja semalam. Pada saat awal kehilangan itu berlaku, perasaan Yusman sendiri agak tergugat.

Kalau Asmadi jangan dikiralah. Dia hampir luluh seketika. Tapi nasib baik Yusman cepat pulih dan terus menanamkan semangat baru kepada Asmadi.

“Jangan panik Madi. Dalam kembara begini, kita mesti bersedia menghadapi saat-saat macam ini. Hal serupa ini memang tidak dapat dielakkan dalam kembara begini. Apa yang penting, mulai sekarang kita mesti banyak menggunakan akal,” Yusman menghentak berbagai-bagai kata semangat agar Asmadi tidak mudah lemah.

Yusman merasakan kembara itu sama seperti suatu perjuangan. Dalam perjuangan, orang lemah tidak mungkin sampai kepada matlamatnya. Ternyata, semangat Asmadi juga kemudiannya segera pulih. Tanpa semangat yang

tinggi, kembara itu pasti hancur. Lalu dengan semangat yang baru, mereka meneruskan perjalanan hingga ke tahap itu.

Pagi itu terasa bersih benar. Udara sekeliling terlalu segar. Daun-daun merimbun di mana-mana. Sese kali terlintas dalam fikiran Yusman, siapa yang menanam pohon-pohon di hutan? Siapa pula yang membajainya hingga sesubur itu jadinya? Benarlah, fikir Yusman: kembara itu sebenarnya suatu pencarian. Dalam kembara, manusia akan bertemu dengan suatu titik hakikat yang sebenarnya mengenai kehidupan ini.

Asmadi asyik menikmati sinaran cahaya mentari pagi lembut damai yang menerobos di celah-celah kerenggangan dedaun pohon-pohon kayu yang rimbun. Keindahan alam sedemikian boleh menyebabkan insan terleka seketika. Yusman dan Asmadi benar-benar terpesona dengan keindahan alam semula jadi - hutan yang tebal, rimba belantara, angin dingin memuput hujung-hujung telinga - segalanya menjanjikan keheningan serba damai.

Pada saat-saat sedamai itu, mereka terlupa perut belum berisi apa-apa. Keasyikan menikmati keindahan flora dan fauna dalam belantara sepi itu membuai dua orang muda yang bersemangat waja itu.

Sewaktu menyedut sedalam-dalamnya hawa pagi yang dingin itu, Asmadi memejamkan matanya seketika.

Kemudian kelopak mata yang disegarkan oleh kedinginan bayu dan panas-panas suam mentari pagi itu dibuka perlahan-lahan.

Alangkah nyamannya. Asmadi belum pernah menikmati kenikmatan alam sedamai itu. Begitu juga Yusman. Tapi kedamaian itu tiba-tiba terusik.

“Allah!” pekik Asmadi sambil melompat ke arah rakannya. Yusman terkejut dan terkapa-kapa.

‘Eh, kenapa ni??’

“Tuuu...!” Asmadi menudingkan jarinya ke arah seekor ular punti berwarna hitam berbelang-belang kuning yang menyelar di dahan seponh pokok yang rendang.

Yusman mendongak memerhatikan ular sebesar lengannya sedang menyelar di dahan yang tidak begitu tinggi sangat. Dia lantas merasa geli dan seram.

“Heh, baik kita cabut sekarang juga...” Yusman bertempik sambil menauk langkah sambil diikuti oleh Asmadi.

Keindahan alam yang dinikmati hanya seketika. Segalanya lenyap dengan tiba-tiba sebaik-baik mereka terpandang ular yang sedang menyelar di dahan pokok kayu itu.

“Nasib baik ular itu tidak naik ke dada engkau malam tadi, Madi!” Sambil berjalan agak cepat, Yusman cuba mengusik rakannya.

Asmadi malas mahu menjawab. Nafasnya terdengar mendengus-dengus kesan daripada langkah yang dipercepatkan. Mereka terus melangkah menuju ke depan. Dalam perjalanan itu, kedua-dua orang muda itu terpaksa mengatasi banyak halangan. Ada ketika jalan berbukit dan ada waktu mereka terpaksa melangkah laju menuruni jalan yang mencuram. Akar kayu sebesar tubuh manusia bergelimpangan di sana sini. Semak dan duri tidak terkira, bersepah merata-rata. Demikian itulah wajah belantara.

Pagi itu mereka terpaksa menambah satu lagi agenda dalam kembara itu. Selain mencari makam Panglima Nayan, naluri Yusman dan Asmadi dipenuhi suatu keinginan baru. Mereka mahu mencari titik cahaya merah yang dilihat berkelip-kelip di kejauhan gelap gelita malam tadi? Cahaya apakah sebenarnya itu?

Perjalanan pagi itu terasa lebih selesa. Semangat untuk meneroka khazanah hutan atau mungkin rimba Kepelu itu semakin meninggi dalam diri mereka berdua.

Yusman terus yakin dengan kewujudan pusara atau makam Panglima Nayan di hutan tebal itu. Demikian pula Asmadi. Keyakinannya juga terus mendalam. Dan mereka yakin akan menemui jawapan kepada soalan yang baru timbul malam tadi.

Mereka yakin akan menemui jawapan kepada senario titik bara merah yang dilihat jauh di ufuk malam itu. Yusman dan Asmadi terus melangkah. “Man, kita berhenti sekejap, boleh?” Asmadi bersuara.

“Kenapa pula?”

“Sudah jauh kita berjalan...Aku terasa laparlah.”

“Ok, kita berhenti...di situ.” Yusman menunjukkan perdu seponon pokok yang sederhana besarnya.

“Eh, jangan di situlah Man. Ada duri di tepi-tepi pokok tu...kau tak nampak ke?”

“Hah, di sinilah.” sekali lagi Yusman mengesyorkan “Di sini nampak ok...” Mereka berhenti melepak di tepi beberapa pokok hutan yang tidak begitu banyak daunnya. Di situ, lebih banyak cahaya mentari. Mereka juga mahu memanaskan badan.

Selepas duduk di tanah yang lembab itu, Yusman mengeluarkan saki baki bekalan makanan

yang masih ada. Mereka mengunyah-ngunyah roti perancis dan meneguk air galian yang masih ada sebotol dua itu.

Asmadi tidak merungut lagi. Pengalaman semalam mengajarnya tentang erti kembara hutan yang sebenarnya. Dalam pengembaraan begitu, segalanya harus diterima seadanya. Kalau mahu makan sedap-sedap, lebih baik jangan masuk hutan. Makan sedap hanya ada di restoran dalam pekan atau bandar.

Yusman kerap mengingatkan Asmadi. Keadaan mereka sekarang bagaikan zaman darurat. Asmadi jangan terlalu memikirkan kesengsaraan kerana tanpa kesengsaraan manusia tidak mungkin mengenali kebahagiaan.

Waktu mula mendengar leteran Yusman di permukaan hutan itu semalam, Asmadi berasa seperti mahu muntah. Yusman, fikir Asmadi, perasan satu badan. Masuk saja hutan, cakupnya mula berbunga-bunga banyak falsafah!

Mula-mula Asmadi berasa loya. Tapi lama-lama dia semakin biasa dengan segala falsafah Yusman itu. Pada waktu-waktu lain, Asmadi berasa kata-kata Yusman boleh membantunya untuk menjadi dewasa dalam kembara hutan begitu. Kekadang Asmadi berbisik sendiri:

“Jangan-jangan, lama-lama esok, aku pun jadi ahli falsafah macam Yusman! Masuk hutan saja, cakap pun jadi falsafah...minta-minta janganlah!”

Waktu fikiran asyik melayang ke sana sini dan mulut mengunyah-ngunyah roti itu, tiba-tiba sebatang ranting reput jatuh dekat mereka. Mereka bingkas bangun.

“Nasib baik tak timpa kepala.” kata Asmadi.

“Sudahlah Madi, mari kita bergerak sekarang.”

“Ke mana arah kita Man?”

Yusman mendongak-dongak ke kanan dan ke kiri. Matanya liar mencari arah baru yang hendak dituju. Namun, jalan atau denai yang diharapkan tidak kelihatan langsung. Alam sekeliling dipenuhi pohon-pohon kayu rimba. Tiada sedikit pun petunjuk yang boleh membantu mereka untuk bergerak dengan selesa.

Yusman buntu. Tapi dia tidak boleh menunjukkan kebuntuannya kepada Asmadi. Antara mereka, Yusmanlah yang mesti menjadi kepala. Asmadi yang lebih muda tentu lebih banyak bergantung kepada Yusman. Sebagai abang tua, Yusman tidak boleh lemah. Sebaliknya dia perlu mempamerkan keyakinan terunggul untuk mengukuhkan semangat Asmadi.

“Ok Madi...kita redah arah ke utara di depan kita.” Yusman sadar kata-katanya tidak mengandung sebarang kepastian. Dia sekadar meluncurkan kata-kata yang kosong tanpa sebarang asas keilmuan hutan. Tapi demi kelangsungan sebuah kembara, dia perlu meyakinkan Asmadi. Apa lagi, dia sadar, Asmadi sendiri banyak bergantung kepada kekuatannya.

Tanpa banyak bicara, Asmadi mengikut jejak Yusman. Mereka melangkah ke depan. Tapi apakah ia menuju ke utara atau ke selatan? Ke barat atau timur? Sebenarnya Yusman sendiri tidak begitu pasti. “Jalan sajalah,” bisik hati kecilnya.

Pada Asmadi, Yusman itu gurunya. Guru dalam kembara hutan. Pada zahirnya dia melihat Yusman cukup perkasa dalam bicara sejarah. Dia tidak tahu, antara mahir sejarah dan kembara hutan itu adalah dua perkara yang berbeza.

6

Hilang Pedoman



*S*ari masih awal. Panas mentari terasa masih lembut. Mereka berdua bergerak semula ke suatu arah yang tidak diketahui ke mana. Dalam hutan setebal itu, siapapun tidak mungkin mengetahui ke mana arah tujuan sebenar mereka, kecuali mungkin orang asli yang tahu selok belok sebuah belantara yang menjadi dunia kehidupan mereka.

Sewaktu berjalan, fikiran mereka berdua terus dilanda pelbagai imaginasi. Apakah mereka akan terus sesat hingga berminggu-minggu dan berbulan-bulan? Apakah mereka mungkin dikerkah

harimau bintang? Mampukah mereka bertahan dalam kembara yang nampak kian goyah itu?

“Ya, Allah! Selamatlah kami berdua.” bisik hati kecil Yusman.

Asmadi sebenarnya lebih gementar daripada ‘abang tua’ itu. Ada ketika dia mahu saja memberitahu Yusman, “Maafkan aku Man. Aku tidak sanggup lagi ikut bersamamu. Biarlah aku balik dulu.”

Tapi bagaimana Asmadi mahu berpatah balik? Ke arah mana dia harus tujui? Ketika itu, dia sendiri tidak pasti di mana mereka berada? “Ya Allah! Selamatkanlah aku dan Yusman...!” Hati kecil Asmadi juga berbisik sendirian.

Waktu berjalan, sesekali mereka tersandung akar-akar pokok yang besar dan kecil yang membonjol di celah-celah daun-daun kayu kering. Ada ketika, mereka terpaksa berhenti sejenak di tepi-tepi pokok *ibus* yang menguasai suatu kawasan yang agak tinggi, untuk melepaskan lelah.

“Kau fikir kita boleh jumpakah makam Panglima Nayan?” Tiba-tiba saja Asmadi menyoal rakannya sewaktu mereka melepaskan lelah di tepi pokok *ibus* itu.

Soalan itu menyebabkan Yusman menangkap suara hati Asmadi. Yusman sedar, melalui soalan itu,

pendirian Asmadi sebenarnya belum stabil. Dia kurang yakin terhadap kembara sejarah yang sedang diharungi itu.

“Kita mesti yakin, Madi. Tanpa keyakinan, tak guna kita adakan kembara ini, tak guna Madi.” Suara Yusman terdengar seperti kata-kata seorang guru yang menyesal.

“Bukan apa, aku hanya bertanya.”

“Dalam kembara begini, kita tidak boleh lemah semangat. Sebaliknya, kita mesti bergerak dengan semangat yang tinggi, semangat waja!”

“Ok, ok Man.”

Sepi seketika. Waktu itu bunyi siulan bebung sayup-sayup kedengaran. Udara yang sejuk dalam hutan tebal dan suara siulan bebung begitu menyebabkan hati diguris perasaan sayu.

Meski baru sehari dua meninggalkan rumah dan kampung halaman, hati Asmadi terasa sayu dan syahdu dibuai lagu siulan bebung hutan itu.

Mata Yusman yang tajam cepat menangkap gerak geri rakannya. Dia bagaikan sedar Asmadi memerlukan motivasi yang intensif setiap waktu. Asmadi tidak boleh dibiarkan terpengaruh dengan suasana alam sekeliling yang meronta-ronta manusia untuk turut merasa warna-warna kesayuan alam dalam hutan yang tebal itu.

Justeru, Yusman merasakan dia perlu menyuarakan sesuatu. “Madi, aku percaya, apa yang kita lihat malam tadi itu sebenarnya suatu perbuatan manusia, bukan jin atau syaitan.”

Kata-kata Yusman itu membuatkan wajah Asmadi yang sedikit bujur pada hujung dagunya itu terdongak ke atas sesudah beberapa minit tadi menunduk saja kerana kepenatan.

“Isy, apa pula yang kau cakap ni. Apa maksud kau?”

“Yalah, cahaya api merah yang berkelip-kelip malam tadi itu bukan kerja jin atau syaitan.”

“Sudah tu, kau ingat apa dia benda itu?”

“Aku fikir dalam hutan ini ada manusia lain.”

“Manusia lain? Manusia jadian? Jelmaan?”

“Karut kamu ni. Maksud aku, cahaya api itu mungkin juga kerja orang macam kita. Mungkin mereka juga pengembara atau mungkin mereka juga sedang mencari makam Panglima Nayan.”

“Kalau orang, mungkin orang asli, itu aku percaya. Tapi kalau kau katakan mereka juga sedang kembara mencari makam Panglima Nayan macam kita, itu aku fikir tak mungkin.”

“Kenapa?”

“Kerana, setakat ini aku fikir orang yang tahu kisah Panglima Nayan dan mempunyai minat yang mendalam tentang sejarahnya, hanya kita

berdua saja di Malaysia ini. Orang lain tak ada.”

“Isy, jangan sombong sangat Madi!”

“Tidak. Apa yang aku cakap itulah kenyataan.”

Yusman tersenyum. Bibir atasnya yang dihiasi kumis halus menipis itu nampak manis sekali. Dia gembira, pertama, kerana semangat Asmadi tidak diratah perasaan lemah lagi. Keduanya, dia gembira kerana apa yang dikatakan Asmadi itu memang sesuatu yang logik.

Yusman sendiri akur, setakat waktu itu, hanya mereka berdua saja yang menaruh minat yang mendalam untuk meneroka sejarah sebenar Panglima Nayan. Orang lain, sekalipun guru sejarah di seluruh negara, tidak pernah berminat melakukan kembara seperti itu.

Kembara seperti itu, bagi kebanyakan orang, mungkin satu kerja yang bodoh. Mana ada Panglima Nayan. Siapa kata Panglima Nayan itu penyelamat keluarga Melayu yang miskin di zaman penjajah?

Pada Asmadi pula, ramalan Yusman kemungkinan ada manusia lain, termasuk orang asli, yang menyalakan setitik bara api kemerah-merahan yang mereka lihat malam tadi itu, memang boleh terjadi.

Kalau bukan manusia yang melakukan kerja seperti itu, siapa lagi? Hati kecil Asmadi bersuara.

Sebagaimana Yusman, Asmadi sendiri sebenarnya tidak percaya kalau cahaya api yang dilihat malam tadi itu dikatakan “kerja jin, hantu atau jembalang”.

Dia akui memang jin, hantu, syaitan dan jembalang itu juga makhluk yang dijadikan Allah tetapi mereka tidak mungkin menjelma sebegitu rupa dalam bentuk yang nyata memperlihatkan daya maya kepada manusia di alam yang nyata.

Hutan belantara Kepelu itu kini menjelma menjadi guru kepada pengembara sejarah berdua itu. Hutan itu mengajar mereka tentang erti kehidupan sebenarnya.

Bagi mereka, hutan itu kini meneroka hakikat kehidupan dengan lebih mendalam dan unik hingga sampai kepada pembahagian dunia antara dwi-makhluk Allah yang berbeza - jin dan manusia.

Maha Kaya Allah. Dijadikan dwi-makhluk yang berbeza dengan pelaksanaan tugas dan fungsi masing-masing yang berbeza dalam dunia mereka yang berlainan. Itulah kebesaran Allah yang ditemui Yusman dan Asmadi dalam kembara sejarah di belantara Kepelu yang tebal itu.

Apa pun berlaku, Yusman berbangga kerana dapat menyemai semangat baru ke dalam diri

Asmadi. Rakan mudanya itu tidak lemah lagi. Kekuatan Asmadi akan menjadi petanda baru kepada kelangsungan kembara sejarah itu.

Yusman lebih gembira kerana pada diri rakannya yang beberapa tahun lebih muda daripadanya itu terkandung keinginan mendalam untuk mencari, meneroka dan mencapai sesuatu dalam kehidupan.

Manusia tidak boleh malas berfikir atau malas berkerja, fikirnya. Apa lagi kalau anak muda seperti Asmadi. Mereka tidak boleh membiarkan kehidupan berlalu tanpa sebarang pengisian yang bermakna.

Kekadang Yusman berbangga kerana di-pertemukan dengan Asmadi. Dia masih ingat bagaimana pertemuan awal dengan Asmadi berlaku dalam sebuah perpustakaan di pusat pengajian tinggi di ibu kota beberapa tahun lalu.

Ketika mahu meminjam buku sejarah yang sama berjudul “Panglima Nayan” itu, mereka berdua tersenyum serentak. Ketika itu, Yusman cepat mengalah, “Awak pinjam dulu buku ini, nanti saya pinjam lain kali saja.”

Tidak lama selepas peristiwa di perpustakaan itu, Asmadi terpaksa berkata: “Alangkah sempitnya dunia ini. Terasa seperti semalam saja

saya berebut buku dengan Encik Yusman, tiba-tiba hari ini saya terpaksa masuk dalam bilik kuliah Encik Yusman pula.”

“Ah, jangan nak berencik-encik pula dengan saya, anggap saya ini macam abang awak sudahlah.” Itulah kata-kata yang menjalin hubungan akrab antara dua insan yang memiliki hobi yang sama itu.

Mereka amat menyintai sejarah. Sejarah bangsa, agama dan negara, perlu dihargai dan dipelihara sepanjang hayat dari generasi ke generasi yang lain.

Tanpa kesedaran terhadap sejarah, sesuatu bangsa akan menjadi miskin di tengah kekayaan materialisme dan kemodenan. Yusman pernah menurunkan prinsip falsafah itu kepada Asmadi menyebabkan anak muda itu semakin kental menyintai sejarah bangsanya sendiri.

Kulit wajah Yusman yang kemerah-merahan seperti terbakar panas terasa sedikit perit apabila digigit suluhan mentari yang semakin meninggi. Ketika itu semua lintasan fikiran yang melayang-layang dalam benaknya lenyap. Dia mengerling ke arah Asmadi yang nampak sedikit keletihan. Mungkin keadaan itu berpunca daripada kekurangan makanan.

Yusman sedar, jika mereka betul-betul berjimat cermat, makanan yang dibawa itu hanya boleh bertahan setakat satu malam saja lagi. Selepas itu, mereka mungkin terpaksa memakan daun kayu dan seumpamanya.

Yusman terbayang beg yang berisi pelbagai peralatan dan beberapa jenis makanan di dalamnya. Beg itu terhumban ke bawah gaung. Habis lesap semuanya.

Ah, tapi Yusman tidak boleh melayan ingatan seperti itu kerana ia boleh melemahkan fikiran dan tubuh badan. Apa yang penting dia mesti berfikir positif bagaimana cara untuk meneruskan kelangsungan hidup untuk beberapa hari seterusnya. “Madi...” Yusman tidak mahu berleka-leka dengan fikiran yang boleh melemahkan tubuh badan, “Mari kita teruskan perjalanan” Sambil itu dia melangkah ke depan.

“Ok. Tapi dari sini kita mahu tuju ke mana?”
Tanya Asmadi.

Seperti biasa, Yusman berhenti seketika, mendongak ke langit. Di kawasan itu, langit sukar dilihat kerana dedaun rimbun segala macam pepohon kayu merendang di atas sana seolah-olah dedaun kayu itulah lapisan langit yang awal sebelum langit yang sebenarnya. Wajah langit

tersembunyi di balik rimbunan dedaun kayu dalam hutan itu.

Kemudian Yusman menunduk ke bumi, menoleh ke kiri dan ke kanan. Lagaknya bagaikan maha guru silat yang penuh ilmu di dada. Dia kemudian memandang ke arah depan yang berserabut dengan rimba.

“Kita ke depan...” katanya penuh yakin dan mereka terus melangkah. Ketika berjalan itu, Yusman berdoa agar perjalanan itu berada di lorong yang betul meskipun segala sesuatu dalam hutan itu kelihatan sama saja. Tolehlah ke kanan atau ke kiri, segalanya serupa - hutan belantara.

Agaknya kalau dibandingkan dengan lautan, keadaan di tengah hutan itu mungkin sama dengan keadaannya di tengah lautan. Segalanya mendatar dan serupa. Ke mana harus ditujui dalam keadaan begitu?

Hanya kepada Allah jualah tempat memohon pertolongan dan perlindungan, bisik hati kecil Yusman.

Selain itu, apa yang mampu dilakukan saat itu hanyalah “bertawakal ‘*alallah*’ jua. Selain daripada itu manusia tidak mampu melakukan apa-apa. Dalam keadaan seumpama itu, kudrat manusia tidak mungkin mampu mengatasi segala cabaran yang ada.

Namun apa yang perlu dilakukan manusia, fikir Yusman, ialah terus berusaha. Manusia tidak boleh berputus asa dengan rahmat Allah SWT. Justeru, sekalipun diuji dengan hebat, manusia perlu berusaha keras untuk mengatasi segala rintangan yang ada. Yusman masih teringat pidato seorang guru agama di sebuah surau di kampungnya dulu. Untung juga kalau seseorang rajin ke surau, fikir Yusman. Pidato seorang ustaz seperti itu boleh menjadi seteguk penawar pada saat-saat yang sulit seperti yang dihadapinya ketika itu.

Mereka terus meredah belantara Kepelu yang tebal. Penat mencungap menggigit jantung kedua-dua peneroka sejarah muda itu. Mereka memang berasa letih kerana kekurangan makanan dan minuman. Tapi kekuatan dalaman yang dimiliki masih mampu mengawal perasaan masing-masing.

“Man, kita berhenti sekejap. Aku dahaga.” Tiba-tiba Asmadi bersuara. “Ok Madi. Di sini, boleh.” Lalu kedua-duanya membuka botol minuman. “Air pun dah sikit ni Madi. Minumlah.”

Tanpa lengah, Asmadi meneguk air itu. Tapi hanya sedikit. Dia berhenti lalu memberikannya kepada Yusman.

Yusman menyambut cepat botol itu lalu meneguknya. Cuma sedikit saja.

Kedua-dua mereka menarik nafas dalam-dalam bagi menghilangkan rasa penat. Kemudian melangkah semula ke arah depan. Depan - itu hanyalah pada sangkaan mereka semata-mata. Hakikat sebenarnya mereka sendiri tidak tahu apakah langkah mereka itu untuk ke depan atau ke belakang. Tapi itu semua tidak menjadi soal. Apa yang penting, mereka terus melangkah.

Mahu bergantung kepada kompas, alat itupun mungkin sudah hancur lebur bersama-sama alat lain di bawah gaung sana. Dan kini segala gerak langkah dua peneroka sejarah itu hanya bergantung kepada budi bicara sendiri semata-mata.

Peluh terus bersimbah di dahi. Yusman mengesatnya dengan sehelai sapu tangan yang sudah lusuh. Asmadi pula menyirip keringat di dahi dengan jari telunjuk. Kemudian diketis ke tanah.

Semangat mereka berdua tetap tinggi. Mereka berjalan dan terus berjalan. Tiba-tiba Asmadi berhenti. "Matahari semakin tinggi. Perut terasa laparlah, Man. Apa nak makan ni..?"

"Eh, kau lapar sangat ke?"

"Yalah Man.."

"Tak boleh tahan langsung ke?"

"Nak tahan tu boleh, tapi kalau makan sikit, baru berjalan sedap sikit."

“Ok lah, mari kita tengok apa yang tinggal dalam beg ini.” Yusman membuka begnya. Ada sekeping dua roti yang berbaki. Mereka mengunyah-ngunyah makanan itu sambil meneguk sedikit air. Sebentar saja di situ. Mereka bergerak semula. “Aku ingat...kita berjalan di jalan yang betul ini Madi.”

“Harap-harap begitulah.”

Mereka terus melangkah. Yusman sendiri berharap mereka akan sampai ke suatu destinasi yang mampu memberi petanda atau petunjuk ke arah sesuatu penemuan. Sama ada bertemu petunjuk ke arah makam Panglima Nayan atau kepada petanda cahaya kelip-kelip merah yang mereka lihat malam tadi atau terus ke arah jalan keluar dari hutan tebal itu - semuanya akan menjadi rahmat terbesar dalam hidup mereka berdua.

Peluh mereka berdua banyak keluar. Ini menjadikan tekak cepat dahaga. Tapi mereka tidak boleh kerap minum air kerana bekalan semakin berkurangan. Mereka terpaksa menahan diri daripada lapar dan dahaga. Saat itu benar-benar menguji mental dan fizikal.

Yusman terus melangkah diikuti Asmadi di belakangnya. Pada saat seperti itu, mereka saling perlu memerlukan antara satu sama lain.

Bahaya menanti setiap saat. Setakat itu, mereka bernasib baik kerana belum bertembung binatang buas. Hanya seekor ular punti yang hitam berbelang-belang kuning itu saja yang mereka pernah terserempak.

Kalau ingat cerita-cerita pemburu yang pernah masuk hutan, terasa ngerinya bila mereka menyebut: “Waktu sampai di tepi sebuah lereng bukit, kami terserempak dengan beberapa ekor pak belang!”

“Allah! Selamatkanlah kami...” Tidak putus-putus Yusman berdoa di dalam hati sambil membaca Ayatul-Kursi berulang kali.

Asmadi sendiri membayangkan, kalau terserempak binatang buas sejenis pak belang itu, habislah mereka. Secara senyap-senyap dia pun berdoa di dalam hati agar mereka tidak bertemu halangan yang paling menakutkan itu.

“Kalau tak jumpa juga, macam mana Man?” Sambil berjalan itu, Asmadi terpaksa meluahkan isi hatinya lagi kepada rakannya.

Yusman terus berjalan. Begitu juga Asmadi. Soalan itu dibiarkan berlalu tanpa sebarang jawapan seketika. Sebenarnya Yusman pun tidak tahu apa rancangan selanjutnya. Sampai ke saat itu, apa yang sedang dilakukan hanyalah mengikut kehendak serta merta pada saat itu jua.

Kembara itu diduga terlalu awal. Pada hari pertama saja memasuki hutan Kepelu, sebahagian besar bekalan barangan yang dibawa sudah terhumban ke dalam gaung. Peristiwa di luar dugaan itu berlaku terlalu pantas. Sepatutnya ia tidak berlaku terlalu awal. Tapi itulah takdir yang harus diterima sebenarnya.

“Jangan risau Madi. Aku yakin kita akan berjumpa juga dengan makam Panglima Nayan.” Yusman tidak mahu mengalah. Sebaliknya dia mahu terus menanam semangat dan harapan ke dalam jiwa rakannya.

“Kalaulah...misalnya...kalau kita tak jumpa juga sampai petang ni, makanan pun dah nak habis, macam mana?”

“Kita mesti yakin, Madi. Kalau tak jumpa makam itu pun, aku yakin kita akan bertemu dengan ‘rahsia’ cahaya kelip-kelip merah yang kita lihat malam tadi.”

“Tapi cahaya tu hanya boleh dilihat waktu malam, siang mana nampak.”

“Ya, kita tunggu sampai malam ini. Aku rasa kita sudah hampir dengan kawasan cahaya kelip-kelip merah itu..”

“Maksud kau, kita kena bermalam lagi dalam hutan ini? “

“Habis tu, kita nak buat macam mana?”

Asmadi menelan air liurnya sendiri. Kepalanya mula berserabut semula. Dia bimbang terpaksa bermalam dalam hutan lagi. Esoknya entah bagaimana pula. Apa akan terjadi malam nanti?

“Jangan risaulah Madi. Kita akan berjaya, insya-Allah.” Yusman cuba melunakkan perasaan rakannya.

Tapi Asmadi agak gabra lagi. Perangai lamanya mula datang semula. Bimbang dan ragu bermain-main semula di kepala.

“Masalahnya aku macam tak sanggup bermalam dalam hutan ini lagi, Man...” Asmadi tidak dapat berselindung lagi.

Langkah Yusman terhenti. Dia menoleh ke belakang. Dilihat wajah Asmadi seperti pucat. Orang takut memang begitu.

Sikap Asmadi bagai anak-anak, sekejap berani sekejap takut.

“Kau jangan bimbang Madi. Bukankah kita ini berdua. Selagi aku bersama kau, insya-Allah kita akan selamat. Aku yakin akan berjaya menemui makam Panglima Nayan.”

Dia berhenti seketika. Nafasnya sendiri sedikit mencungap. Penat berjalan sejauh itu. Sudah berapa batu mereka berjalan sejak panas mentari masih lembut lagi pada awal pagi tadi.

“Sekalipun kita terpaksa bermalam lagi di sini malam ini, paling kurang aku yakin, malam ini kita akan temui sesuatu. Kau tengok sajalah nanti. Kau tengok malam nanti, kita akan tahu ‘rahsia’ yang tersembunyi di sebalik cahaya kelip-kelip merah itu.” Kata-kata Yusman itu bagaikan masuk telinga kanan dan keluar telinga kiri Asmadi.

Asmadi bukan tidak percaya pada kata-kata itu. Tapi kekadang dia merasa seperti kurang yakin pada sesuatu. Semangat manusia boleh luntur tanpa makanan dan minuman yang cukup. Semangat manusia juga mudah tergugat kerana keadaan sekeliling yang memeritkan.

Tapi Yusman tetap tidak mahu mengalah. Dia tidak mahu membiarkan semangat Asmadi lumpuh atau tewas pada bisikan naluri yang negatif. Dia perlu sentiasa membina semangat baru dalam diri sahabatnya itu.

“Yakinlah Madi. Aku fikir kita sudah semakin dekat dengan tempat atau kawasan kelip-kelip api merah yang kita lihat malam tadi. Kalau diizinkan Allah, malam ini kita mungkin dapat mengesan cahaya merah itu.” Yusman terus menanam keyakinan baru kepada Asmadi.

Rakan yang muda itu menggeleng-geleng kepala sendirian. Dia masih sangsi. Bagaimana

Yusman merasa begitu yakin akan menemui rahsia di sebalik cahaya kelip-kelip merah yang mereka lihat malam tadi ada di kawasan itu?

“Bagaimana Man? Bagaimana kau tahu cahaya itu ada di kawasan ini?” Asmadi terus menggelengkan kepalanya.

Tapi Yusman tidak merasa kkuatir terhadap soalan itu. “Aku fikir kita sudah memasuki kawasan cahaya itu Madi.”

“Ya, macam mana kau tahu? Apa buktinya?”

“Kita sudah berjalan hampir sehari suntuk. Sekarang pun, hari dah nak petang semula. Kalau cahaya itu boleh dilihat, sudah tentu ia tidak begitu jauh daripada kita. Tentu ia dekat-dekat sini atau di sekeliling sini juga.”

Asmadi terdiam. Logiknya memang ada. Yusman tidak perlu berhujah lebih jauh. Cukup dengan logiknya tadi. Kalau betul-betul jauh, bagaimana cahaya itu boleh dilihat? Sesuatu yang boleh dilihat atau dipandang mata, tentu berada berdekatan dengan mata yang memandang.

Mentari semakin condong ke sarangnya. Redup mula menawan semula hutan belantara Kepelu. Badan kedua-dua peneroka sejarah itu letih tidak terkira. Petang itu masuk hari kedua atau ketiga mereka berada dalam hutan Kepelu.

Perhitungan hari bagaikan semakin luput daripada ingatan mereka berdua.

Kekadang hari yang datang dan pergi terasa begitu cepat peredarannya. Ada ketika ia dirasakan terlalu lambat sangat bergerak.

Segalanya menjadi tidak menentu lagi. Kekadang pula, mereka juga bagaikan hilang arah pedoman. Hidup dalam kembara begitu, apa saja boleh berlaku. Dan kemuncak dari segalanya, nyawa terasa bagaikan di hujung nafas.

7

Kekuatan Semangat



*H*ari kian petang. Tapi suasana dalam hutan Kepelu sudah seakan-akan malam. Rimbunan pokok-pokok hutan rimba menyebabkan cahaya mentari sukar menembusnya hingga unggas-unggas mula membising menyambut ketibaan kegelapan petang yang disangka malam.

Hati Asmadi tinggal cuma sejemput. Dia mula gelabah lagi. Kalau unggas-unggas hutan riuh rendah menyambut “malam”, Asmadi bagaikan menerima “malam” itu seperti sebuah hari kiamat yang menutup segala cahaya kehidupan.

“Sabar Madi, percayalah apa yang kita lalui ini akan membawa banyak buah, banyak harapan dan banyak faedahnya kepada kita di kemudian hari.” Yusman terus membina semangat sahabatnya.

Asmadi hanya diam. Dalam kegelapan yang mula menangkap sekitar tempat mereka berada itu, Asmadi merasakan badannya yang sederhana sasanya itu seperti menggigil. Kebimbangan Asmadi yang meronta-ronta daerah fikirannya memberi kesan kurang enak kepada tubuh badan sendiri.

Ditambah pula dengan perut yang hanya separuh diisi dengan keperluan biasa menjadikan tenaga fizikalnya sedikit lemah. Pada saat-saat tubuh yang lemah begitu, alam pemikiran juga mudah ditokak kelemahan. Kelemahan tubuh badan dan pemikiran boleh menyebabkan insan terdampar dan tersadai di tepian segala perjuangannya.

Yusman cepat menangkap perasaan sahabatnya. Suara gigitan kecil Asmadi yang menendang anak telinganya menyebabkan Yusman tahu riak perasaan Asmadi.

“Jangan khawatir Madi. Malam ini, kita tentu dapat mengesan cahaya kerlipan merah yang kita

nampak malam tadi. Aku pasti esok kita sudah tahu jawapannya.” Dia cuba memujuk dan menenteramkan perasaan sahabatnya.

Tapi perasaan dalaman Asmadi kian tergugat. Gigilan badannya bertambah kasar.

“Eh, kenapa dengan kau Madi?”

“Entahlah Man..Badan aku rasa macam sejuk saja.” Yusman masih mampu melihat bayangan tubuh Asmadi di dalam keadaan yang samar-samar gelap itu. Dia terus meraba-raba dan memegang tubuh sahabatnya.

“Eh, sejuklah badan kau ni..Tapi jangan bimbang, kau ambil kain pelekat aku ini..” Yusman terus meraba-raba kain itu di dalam beg kecil yang tadi digalas pada bahunya.

“Nah, selimut dengan kain ini. Kuatkan semangat kau, sabarlah untuk malam ini saja. Insya-Allah esok, kalau tak berjumpa juga makam itu, kita akan cari jalan keluar sajalah.” Yusman terpaksa memujuk rakannya itu dengan kata-kata yang nampak seperti mahu mengalah.

Tapi hakikatnya, Yusman hanya mahu memujuk Asmadi. Dia tahu dalam keadaan begitu, dia tidak boleh terlalu menekan hati dan perasaan Asmadi. Orang yang sedang dirundung kedaifan tidak boleh terus ditekan, kiranya tekanan itu nanti membawa padah yang buruk.

Pada saat seperti itu, Asmadi tidak lagi terlalu memikirkan misi kembara itu. Apa yang penting baginya saat itu ialah menenteramkan gelodak perasaan dalamannya sendiri yang bergolak amat kuat.

Dia sebenarnya tidak terlalu bimbang pada makanan dan minuman yang semakin sedikit. Tapi dia bimbang sekali pada misi yang menjadi tidak menentu itu.

Mereka sepatutnya tidak datang berdua saja, fikirnya. Mereka sepatutnya tidak harus tamak untuk meneroka sejarah bangsa yang terlalu besar itu. Mereka sepatutnya membawa sekumpulan lima atau 10 orang lagi menyertai kembara sebesar itu.

Hutan Kepelu bukan calang-calang hutan. Ada cerita kononnya di hutan itulah, tentera Melayu bertempur dengan tentera Jepun dalam Peperangan Dunia Kedua. Mayat-mayat mangsa peperangan bergelimpangan di dalam hutan itu.

Makam Panglima Nayan pula bukan sebarang makam. Setakat mereka berdua saja mahu mencari makam yang bersejarah itu mungkin tidak setara dengan bahan sejarah yang mahu diterokai.

Mengingati semua itu, Asmadi berasa seperti menyesal. Kenapa dia tidak mengajukan pendapat seperti itu kepada Yusman sejak awal lagi. Sesudah separuh jalan meneroka hutan belantara itu, baru dia teringat segala-galanya.

Sejurus kemudian, badannya terasa sejuk lagi. Tubuhnya menggigil semula. Gigilan itu menyebabkan suaranya berbunyi terketar-ketar seperti orang demam kura.

“Madi, sabar Madi...sabar...” Yusman terus memujuk sahabat yang dianggap seperti adiknya sendiri.

“Agak-agak sekarang dah pukul berapa Man”

“Aku ingat dah masuk Maghrib Madi.”

“Kita solatlah Man.” Suara Asmadi terketar-ketar.

Bulu roma Yusman meremang. Lain benar bunyi permintaan sahabatnya itu. “Ya, boleh Madi, tentu boleh...kita tayyamum saja...”

“Tapi kiblatnya ke mana?”

“Ya, mana-mana pun boleh Madi. Kita dalam hutan...darurat ni.” Yusman menjadi gugup dibuatnya.

Dan di dalam samat-samar gelap itu, mereka terus bersolat Maghrib dijamak dengan Isya' sekali.

Beberapa ketika sesudah bersolat itu, berlakulah keajaiban itu. Yusman dan Asmadi

tiba-tiba terkejut melihat titik cahaya kelip-kelip kemerah-kemerahan itu bernyala-nyala semula. Tapi kali ini ia bukan lagi dilihat sebagai setitik cahaya tetapi ia nampak lebih besar - sebesar cahaya api sebuah pelita minyak tanah. Cahaya itu kini berada tidak jauh daripada mereka.

“Madi! Kau nampak tak cahaya itu??”

Yusman bersuara seperti orang berbisik.

Asmadi sendiri seperti orang baru kebah daripada demam, terus membisik kembali, “Ya, Man, Itulah cahaya bara api yang kita nampak malam tadi.”

Seketika selepas itu, mereka berdua merapatkan diri antara satu sama lain. Kejutan yang dirasai mereka bertambah hebat apabila melihat bayangan lembaga manusia berdiri berdekatan cahaya api itu.

“Madi! Kau tengok tu. Kau nampak tak, ada orang dekat cahaya itu.” Yusman berbisik lagi.

“Man, aku ingat, mungkin itu orang asli di sini.”

“Tak pasti, mungkin, tapi mungkin juga dia anak cucu Panglima Nayan.”

“Eh, kau.... Masih tak habis lagi dengan Panglima Nayan. Tapi bagaimana dia boleh nyalakan cahaya api itu? Ini jauh di tengah hutan belantara.”

“Tak pasti, Madi.”

Kedua-dua peneroka sejarah itu kaget. Mereka merasa amat takjub terhadap apa yang disaksikan dengan mata kepala sendiri. Yusman dan Asmadi amat pasti sekali. Apa yang disaksikan itu bukan hantu atau jembalang. Tetapi itulah hakikat lembaga manusia di dalam sebuah belantara yang tidak pernah diduga akan ada penghuninya di situ. Bagaimana mereka mahu menceritakan kisah itu kepada dunia luar nanti? Siapa agaknya yang akan mempercayai kisah yang mahu diceritakan itu?

Hah, biarlah dunia sukar mempercayainya. Tapi detik itu akan menjadi sejarah yang agung dan abadi dalam kehidupan mereka berdua. Mereka yang terlalu ingin menjadi peneroka sejarah bangsanya sendiri.

“Man, kita bergerak ke situ sekarang juga, mahu tak?” Asmadi tidak sabar menanti mentari esok lagi. Dia mahu segera terus ke punca objek yang dilihat itu.

“Nanti Madi. Bahaya kalau kita terus celapak begitu saja. Mana tahu di sekeliling kawasan ini diletakkan dengan segala macam jerat dan sebagainya, tersilap langkah, kita kena nanti.” Nasihat itu termakan juga oleh Asmadi.

Asmadi harus dibawa bertenang. Anak muda berjulung keris itu cukup mudah terpesona dengan sesuatu yang dilihatnya. Melihat lembaga manusia di tepi cahaya bara berkerlipan itu membuatkan tubuhnya yang sejuak tadi terus kembali normal.

Kini hasrat Asmadi meronta-ronta dirinya untuk menjejaki lembaga manusia itu pada waktu itu juga. Perasaannya tidak sabar-sabar lagi mahu mengetahui lembaga manusia jenis apakah yang dilihatnya itu. Mahu mengatakan lembaga itu jin, hantu atau jembalang, sudah tentu ia bukan makhluk halus seperti yang pernah difikirkan sebelum itu. Apa lagi mata kepalanya sendiri menyaksikan lembaga manusia itu bergerak-gerak menyalai tangan dan tubuh di tepi bara api itu.

Malam tadi, keadaanya mungkin berbeza. Malam tadi mereka hanya melihat titik cahaya bara yang merah itu dari jarak yang agak terlalu jauh. Tapi malam itu, jarak cahaya bara merah itu nampak terlalu dekat. Bahkan, di tepi cahaya bara itu, mereka nampak susuk lembaga manusia.

Jarak antara mereka dan lembaga manusia di tepi cahaya bara itu hanya beberapa langkah saja. Asmadi mula terfikir, Yusman memang seorang pakar hutan dan pakar sejarah.

Pengiktirafan itu diberikan hanya melalui suara hatinya saja. Jauh di sudut hatinya Asmadi bersyukur kerana mendapat seorang sahabat yang berkebolehan tinggi. Yusman juga mampu membina semangat waja dalam dirinya. Tanpa Yusman, Asmadi mungkin sudah cabut lari lintang pukang di dalam hutan yang tebal itu.

Dan mengatasi segala itu ialah kehebatan Yusman menjangka sesuatu. Berkali-kali dia mengatakan kepada Asmadi, “sabarlah kerana dalam kesabaran ada kejayaan.”

Berkali-kali Yusman mengingatkan Asmadi, jangan terburu-buru membuat sesuatu keputusan. Sebaliknya, manusia perlu berfikir panjang sebelum bertindak melakukan sesuatu kerana dalam pemikiran yang mendalam, manusia akan menemui hasil yang paling bernilai.

Segala pesanan dan pengajaran Yusman sememangnya amat berharga bagi Asmadi. Paling dikagumi Asmadi tentulah nasihat Yusman yang sentiasa memujuknya agar terus bersabar kerana Yusman yakin akan bertemu sesuatu dalam kembara sejarah itu.

Jangkaan Yusman memang benar. Buktinya apa yang sedang disaksikan sendiri oleh Asmadi pada saat itu. Tidakkah Yusman terlalu hebat

baginya? Apa yang dilihatnya sekarang adalah hasil jangkauan Yusman.

“Bagaimana kau yakin akan menyaksikan apa yang kita lihat sekarang ini, Man?” Asmadi bertanya kepada ‘gurunya’ itu.

Yusman tidak terus menjawab. Dia menyapunya mukanya sendiri sambil hatinya mendetakkan perkataan, “Alhamdulillah... dia hanya bersyukur kepada Allah kerana segala sesuatu yang dikurniakan dalam kehidupan ini adalah milik Allah jua.

“Madi, selepas aku melihat titik cahaya merah malam tadi, aku yakin ia bukanlah suatu fantasi tapi ia suatu kenyataan yang wujud di kawasan ini, sebab itu aku mengajak kau supaya terus mencarinya.”

“Kau benar-benar yakin tentang kewujudannya.”

“Ya, sudah tentu aku amat yakin. Kenapa tidak? Kerana aku dan kau yang melihatnya sendiri, bukan?”

Asmadi mengangguk-angguk kepala seolah-olah ia mudah dilihat Yusman. Kini kesejukan badan Asmadi bagaikan luput sendiri. Dia berasa amat gembira kerana menyaksikan suatu keajaiban di tengah belantara Kepelu.

Siapa sangka di tengah belantara Kepelu yang tebal itu ada manusia di dalamnya? Mungkin

manusia itu saki baki anggota komunis yang enggan keluar dan menyerah diri kepada pihak berkuasa? Itu juga satu kemungkinan yang terfikir oleh Asmadi.

Segalanya serba mungkin. Mungkin juga ia makhluk *Big Foot* yang sesekali dihebohkan dalam media tempatan. Asmadi pernah terbaca berita seperti itu.

Tapi kata-kata Yusman lebih menyakinkannya sekarang. Lembaga manusia itu mungkin juga orang asli yang menjadi penghuni asal hutan belantara Kepelu.

Jika itu telahannya, Asmadi boleh percaya. Tapi jika ia dikatakan cucu cicit Panglima Nayan, Asmadi sukar mahu menerimanya.

Panglima Nayan dikatakan hidup pada beberapa abad yang lalu. Dan dia dikatakan berasal dari sebuah desa di utara. Hanya ketika hampir meninggal dunia dia melarikan diri seorang diri ke dalam hutan yang tebal. Masakan ketika meninggal dunia dia sempat berumah tangga di tengah belantara itu. Episod ini sukar dipercayai.

Aliran fikiran Yusman juga pernah dilintasi versi yang sama. Tapi dia lebih suka berfikir secara terbuka. Memang pada segi logiknya, lembaga manusia yang mereka lihat itu tidak mungkin

anak cucu Panglima Nayan. Tapi siapa yang tahu kisah sebenarnya?

Kemungkinannya ia suatu kebenaran tidak dapat ditolak mentah-mentah begitu saja tanpa sebarang bukti yang nyata.

“Sabarlah dulu Madi, biar kita di sini dulu. Awal pagi esok, kita terus saja bergerak kepada lembaga itu.” Yusman kembali mengarahkan rakannya bagaikan seorang jeneral tentera mengarahkan anak buahnya.

Mahu tidak mahu Asmadi terpaksa belajar bersabar lagi. Dalam hidup ini, sesuatu keinginan perlu dirawat dengan baik agar ia dapat dipenuhi secara maksimum. Kalau terlalu gelojoh, mungkin membawa padah yang buruk.

Yusman bersandar di perdu sepohon pokok. Sambil itu hatinya terus berdetik dengan zikrullah yang memanjang dan bertali-tali. Dia sendiri pernah berpesan dengan Asmadi agar jangan lalai daripada berzikir di dalam hati bagi mendapat perlindungan Allah SWT.

Malam benar-benar merangkak menutupi hutan Kepelu. Semakin gelap suasana, semakin jelas cahaya api seperti jamung itu kelihatan. Sesekali apabila ditiup angin unggun api itu melenggok-lenggok ke kiri dan kanan seperti gaya tarian lemah gemalai.

Sesekali mereka masih dapat melihat susuk tubuh lembaga manusia mendekati cahaya api itu. Tapi dedaun kayu di depan mata sedikit mengganggu. Mereka tidak dapat melihat susuk tubuh itu sepenuhnya.

Asmadi merasakan kalau melangkah, mungkin 30 atau 40 langkah saja, mereka boleh sampai kepada objek yang dilihat itu. Tapi dia terpaksa menunggu cahaya mentari pagi esok untuk bergerak bersama Yusman. Dalam gelap, risikonya terlalu tinggi.

Malam terus mengesot ke arah siang. Tapi siang yang dinanti dirasakan masih terlalu jauh. Dan malam itu rasanya cukup menyeksakan bagi kedua-dua orang muda itu.

Malam itu sudah tentu bukan untuk tidur lena seperti kebiasaannya di rumah sendiri. Sebaliknya, malam itu merupakan malam kedua mereka beradu di tengah belantara. Sekeliling mereka tiada sebutir keselesaan pun. Di seluruh sisi diri Yusman dan Asmadi hanya bahaya yang menanti. Sekadar mereka terus bernasib baik kerana beberapa hari di situ, tidak pernah sekali pun bertembung dengan binatang buas.

Yusman yakin zikrullah itu besar manfaatnya. Itulah yang berkali-kali dipesankan kepada Asmadi.

Dia percaya Allah sentiasa melindungi hamba-Nya yang tidak pernah melupakan keagungan Ilahi.

Waktu melayan segala macam ingatan yang mengalir dalam fikiran masing-masing, sekonyong-konyong Yusman melihat suatu pergerakan oleh lembaga manusia di tepi sinaran cahaya kekuningan bercampur merah-merah biji saga itu.

“Madi, cuba kau lihat...itu macam gerakan orang bersolat saja. Aku rasa orang itu seorang Muslim,” Yusman membuat telahan lagi.

Melihat gelagat lembaga yang dilihat dari jarak yang agak jauh dalam suasana gelap dan dilindungi rimbunan pokok kayu itu, Asmadi sendiri merasa pelik.

Mungkinkah lembaga manusia itu seorang wali? Di tengah rimba belantara begitu, lembaga itu bersolat di tengah malam buta, bertahajudkah dia? Fikiran dua orang muda itu diterpa pelbagai persoalan yang sukar dijawab.

Asmadi merasa seperti benar-benar tidak sabar lagi. Dia mahu saja terus celapak kepada lembaga manusia itu. Dia ingin benar mengetahui siapa sebenarnya dia.

“Kau tengok tu...nampak tak?” Ujar Yusman lagi, “dia sedang bertakbir, nampak tu...”

“Ya, ya...” Asmadi terus melopong.

Malam itu benar-benar kacau bilau. Meski badan terlalu letih tapi mereka tidak boleh berehat langsung. Perhatian mereka sentiasa tertumpu kepada lembaga manusia yang dilihat itu. Tanda tanya terus bergema dalam diri masing-masing.

“Nampaknya kita mungkin tersasar sementara Madi,” sekonyong-konyong Yusman bersuara.

Asmadi bingung. Fikirannya mula bercelaru. “Apa maksudmu?” Suara mereka saling tembus menembusi kelopak telinga masing-masing.

“Nampaknya esok kita perlu berikan perhatian kepada orang itu dulu. Panglima Nayan kita lupakan buat seketika.”

“Oh itu...yalah, ini nampaknya lebih menarik dan penting. Apa yang kita saksikan ini mungkin menjadi sejarah masa depan.” Kata-kata Asmadi itu meluncur keluar daripada mulutnya tanpa banyak fikir lagi.

“Kalau boleh aku nak cari juga makam Panglima Nayan. Tapi kalau kita temui sesuatu daripada lembaga manusia yang kita nampak ini, biarlah kita cari jalan keluar dari hutan.”

“Aku ingat pun begitulah Man.”

“Kita bawa dulu hasil dapatan ini. Esok-esok nanti kita masuk lagi ke sini untuk mencari makam Panglima Nayan.”

“Ya, aku setuju. Tapi kalau kita masuk lagi ke sini, kita mesti buat persediaan yang lebih lengkap, lebih rapi.”

“Sudah tentulah Madi.”

Pada saat itu dua peneroka sejarah itu menemui titik persamaan mengenai hasrat mereka bersama. Yusman merasakan apa yang disaksikan malam itu adalah panorama yang tidak kurang pentingnya daripada kisah Panglima Nayan. Ia perlu dikaji dengan mendalam. Dan dia percaya hasilnya nanti tidak kurang menakjubkan.

Asmadi turut merasa lega. Dia lega dalam kebingitan alam sekeliling di malam hari begitu. Asmadi merasakan percubaan pertama dia dan Yusman akan menghasilkan sesuatu yang menggalakkan. Dia hampir pasti lembaga manusia yang dilihatnya malam itu membawa kisah yang tidak kurang hebatnya daripada Panglima Nayan.

Sebaliknya, sekelumit pemikirannya itu dicuri oleh perasaan bimbang pula. Apakah lembaga manusia itu tahu berbahasa Melayu? Di tengah belantara seperti hutan Kepelu itu mustahil pula ada manusia yang tahu berbahasa Inggeris.

Segala macam imiginasi menyelinap masuk ke dalam fikiran Asmadi. Pada ruang waktu sebegitu,

fikiran Yusman dan Asmadi lebih terdedah kepada landaan pelbagai cetusan perasaan dan fikiran.

Letih badan tidak terhurai. Dalam keadaan sedemikian, fikiran juga turut letih kerana pelbagai dimensi sudah dijelajahi. Akhirnya dua orang muda itu terlelap seketika.

Tapi ia cuma seketika. Sekonyong-konyong mereka terjaga pula. Dalam tempoh kegelapan yang singkat itu, Asmadi masih sempat bermimpi kononnya bertemu seorang wali.

“Aku melihat dia berjambang putih tapi pakaiannya serba hitam seperti lembaga yang kita lihat itu.” Asmadi membisikkan apa yang muncul dalam tidurnya yang hanya sesaat dua itu.

Yusman tidak tergugat dengan mimpi Asmadi itu. “Biarkan saja Madi. Itu cuma mainan tidur. Lagi pun badan kita terlalu letih. Kau jangan ambil pusing semua itu.” Dia cuba menenteramkan Asmadi yang seakan-akan terpengaruh dengan mimpi itu.

Asmadi masih tidak berpuas hati. Gambaran mimpi itu masih menguasai dirinya. “Aku ingat, lembaga itu mungkin penunggu kawasan inilah Man. Dia tu wali agaknya.”

“Dah, jangan melalut lagi Madi. Rehat dulu, esok kita tuju kepada sasaran yang baru ini.” Bisik Yusman agak keras seperti seorang jeneral dalam tentera.

Asmadi akur kepada perintah gurunya itu. Fikir-fikir pun, apa yang disuruh Yusman itu memang betul. Apalah ada pada mimpi. Kalau mahu dihitung, berbilion-bilion manusia di seluruh dunia sentiasa bermimpi – siang atau malam – tidak terkira.

Dalam khayalan dan mimpi itu, mereka terlelap lagi. Tidak lama kemudian, terjaga pula. Begitulah malam itu tidak pernah tenteram bagi kedua-dua orang muda bercita-cita tinggi itu.

Dan malam terus mengesot ke destinasi yang entah bila akan kelihatan paras rupanya. Mereka benar-benar kehilangan detik-detik saat yang bergerak dalam sebuah alat yang bernama jam. Asmadi terfikir apakah yang akan terjadi kepada mereka jika terus tinggal di dalam hutan Kepelu itu hingga berbulan-bulan atau bertahun-tahun lamanya.

“Mungkin aku jadi seorang tarzan, orang asli, atau...” bulu roma Asmadi berdiri mencacak. Dia tidak berani meneruskan imaginasi liar itu. “Biarlah Allah saja menentukan nasib aku dan Yusman. Segala ketentuan Tuhan adalah takdir.” Asmadi berbisik pada diri sendiri. Dalam melayani pelbagai karenah fikiran itu, dia terlelap semula. Ketika itu, dia tidak tahu apa yang terjadi pada Yusman. Lembaga itu juga entah bagaimana, dia tidak sedar apa-apa lagi.

8

Lubang Maut



*K*etika sadar, Yusman merasa ada sesuatu yang sejuk pada lengan kanannya. Dia membuka kelopak mata. Rupa-rupanya hari semakin cerah. Tapi kabus masih tebal. Mentari pun belum menyimbahkan sinaran panas pagi yang lembut.

Ketika menoleh ke kanan, Yusman terkejut besar. Matanya terbeliak. Di atas lengannya itu dia melihat seekor lipan bara sebesar ibu jari, barangkali sedang nyenyak tidur. Sepanjang malam itu lipan bara itu tentu bertuah kerana tidur ‘bertilamkan’ lengan Yusman yang tentunya empuk sekali.

Mahu menjerit, takut didengar oleh lembaga manusia yang dilihat malam tadi. Mahu menggerakkan Asmadi yang sedang nyenyak dan berdengkur kecil itu, bimbang dia akan melolong tidak tentu arah nanti.

Mahu tidak mahu, dia mengangkat tangannya sendiri dengan perlahan-lahan. Kemudian dia melibaskannya dengan kuat ke dalam semak samun berhampiran tempat perhentian mereka.

Yusman menarik nafas lega. Dia kemudian menyapu-nyapu, menggaru-garu lengan kanannya yang menjadi tempat tidur lipan bara tadi. Dia meraba-raba lengannya. Tiada sebarang bekas gigitan di situ.

Menoleh ke kiri, dia melihat Asmadi masih lena. Memikirkan masa yang singkat, dia terus saja mengejutkan Asmadi. “Sudahlah, bangun, hari dah subuh, dah pagi ini. Mari kita bergerak semula.”

Asmadi masih menggeliat. Terasa malas benar mahu bangun. Tapi Yusman terus menggesa. “Eh, bangunlah. Ini hutan. Bukan rumah kau. Nak tunggu apa lagi di sini?”

Mendengar gesaan itu, Asmadi terus bingkas bangun. Tanpa mencuci mulut, gigi dan lain-lain rutin harian selepas bangun tidur, mereka terus saja mengeluarkan sedikit sisa-sisa makanan sekeping

dua roti dan air minuman yang masih tinggal, mereka terus makan dengan lahap.

Sesudah mengunyah makanan dan meneguk air, mereka bersiap sedia mahu meneruskan perjalanan. “Masih adakah orang itu di situ Man?” Asmadi bertanya.

Yusman mengorek-ngorek sekelumit tahi mata dan meludah-ludah air liur basi yang masih berbaki di dalam mulut. Kebiasaan baru, bangun pagi tanpa gosok gigi dan mandi, menjadikan badannya amat tidak selesa. Tapi segalanya adalah darurat belaka ketika itu. Suka atau tidak, itulah hakikatnya. Yusman dan Asmadi perlu menerima hakikat dan kenyataan semasa. Mereka berada dalam hutan. Bukan di pekan atau dalam rumah sendiri.

“Aku ingat orang itu masih di situ. Ke mana dia nak pergi, hari masih terlalu awal. Pagi-pagi begini dia belum boleh keluar cari makan.” Yusman menghulurkan pendapat.

Dan Asmadi akur pada pendapat itu. Ketika itu, udara terlalu dingin. Bayu awal pagi yang bertiup lembut itu menyucuk sampai ke tulang hitam. Alang-alang tahan, badan mahu saja terus menggigil. Yusman dan Asmadi melakukan senaman ringkas untuk memanaskan badan.

Untungnya, suasana waktu itu tidak segelap malam yang hitam pekat. Tapi mentari masih belum bersinar sepenuhnya.

Dalam suasana begitu, mereka sudah boleh bergerak. Mata sudah boleh melihat keadaan sekeliling. Kalau mahu berjalan, memang sudah boleh meskipun ia masih kurang selesa. Tapi mereka berdua tidak boleh membuang masa di situ lagi. Jika terlewat, lembaga yang dilihat malam tadi mungkin sudah bergerak ke tempat lain. Mereka perlu pergi ke situ sekarang.

“Mari.” Yusman mengajak Asmadi. Mereka melangkah ke depan. Beberapa ela saja berjalan, mereka ternampak sebuah alur kecil. Rupa-rupanya tidak jauh daripada tempat mereka ‘beradu’ malam tadi, ada air mengalir dalam sebuah alur dekat situ.

Airnya sungguh jernih. Anak-anak ikan jelas kelihatan berenang-renang damai dalam alur sejernih kolam air zam-zam itu. Di kiri kanan alur itu pula dihiasi flora yang menyejukkan mata memandang.

“Wah, cantik betul tempat ini, Man. Macam dalam filem Hindustan!” Asmadi masih ada waktu untuk bergurau.

Yusman sendiri tidak menafikan keindahan alam yang terpeta di kawasan itu. Ia memang sesuatu yang menakjubkan. Mungkin itulah kawasan yang disebut sebagai “Taman Inderaloka” di dalam kitab Sejarah Melayu dulu.

Tapi minda Yusman cepat memental kembali matlamat asal mereka memasuki hutan yang tebal itu. Mereka ke situ bukan untuk menikmati keindahan alam semula jadinya. Mereka ke situ untuk menjejaki makam Panglima Nayan.

Sesudah sehari dua berada di dalam hutan Kepelu, sasaran matlamat mereka tiba-tiba berubah ke luar jangkauan mereka berdua. Cahaya setitik bara api yang dilihat malam kelmarin menjadikan perhatian mereka kini bersilang arah.

Pada saat itu, mereka perlu membuat pilihan baru - antara makam Panglima Nayan dan mengesan setitik cahaya bara api kemerah-merahan itu - mereka perlu memilih mana satu yang lebih penting. Kedua-dua peneroka sejarah itu bersetuju: Untuk sementara ini, mereka perlu menukar plan asal untuk menjejaki makam Panglima Nayan kepada mengesan ‘rahsia’ yang tersembunyi di sebalik setitik cahaya bara yang baru mereka lihat.

Cahaya itu kini berada terlalu dekat dengan mereka. Ia hanya di sisi saja. Jika ia tidak dijejaki segera, lembaga manusia yang dilihat di tepi cahaya api itu mungkin akan lenyap buat selamanya.

Gerak langkah Asmadi kelihatan lebih pantas daripada Yusman. Kekadang dia bergerak seperti orang berlari-lari anak. Ini mudah dilakukannya di kawasan berhampiran alur kecil itu.

“Airnya tidak dalam Man. Kita randuk sajalah. Lagi pun, alur ini tak luas sangat, dua kali langkah sudah boleh sampai ke seberang itu.” Kata Asmadi.

Yusman bersetuju. “Tapi hati-hati Madi. Kawasan ini mungkin kawasan larangan.”

“Larangan siapa pula?”

“Jangan tak tahu. Bukankah kau lihat ada penghuninya di sini? Sudah tentu kawasan ini menjadi miliknya pada waktu ini.”

Asmadi tidak begitu memahami kata-kata Yusman itu. Dia terus meranduk saja air yang separas pahnya itu. Mereka berdua mudah saja melintasi alur kecil yang cangkat dan jernih itu.

Tapi selepas mereka naik ke tebing sebelah sana, Asmadi melihat sejalur air sungai itu habis kotor. Airnya menjadi kelabu asap bagaikan disimbah air cat berwarna kelabu.

Di tebing sebelah sana, Yusman dan Asmadi memakai semula kasut jenis but kain yang ditanggalkan sewaktu meranduk air dalam alur kecil itu. Seluar mereka basah sedikit. Yusman dan Asmadi memerah-merah kain seluar itu untuk cepat mengeringkannya.

Di seberang alur itu, mereka nampak sesuatu dengan lebih jelas. Beberapa ela ke depan, Yusman dan Asmadi nampak satu kawasan yang agak lapang. Di sekelilingnya kelihatan pelbagai tumbuhan yang kedudukannya seperti diurus dengan baik oleh seseorang. Di situ ada tanaman kontan seperti jagung, ubi kayu, cili dan beberapa jenis pokok-pokok ulaman - ulam raja, daun selom. Semuanya tumbuh dengan subur.

Yusman dan Asmadi bersembunyi di sebalik pokok-pokok hutan yang besar itu. Mereka perlu berhati-hati. Kawasan itu pasti didiami oleh lembaga manusia yang mereka lihat di tepi cahaya api kemerah-merahan malam tadi. Orang itu mungkin seorang diri atau kumpulan. Mereka tidak pasti. Mungkin juga dia itu orang hutan atau orang asli. Itu juga mereka tidak pasti.

“Bagaimana sekarang Man?” Asmadi cuba memecah kesunyian dengan bisikan soalan yang amat perlahan sekali bunyinya.

Yusman menoleh ke arah Asmadi yang kelihatan sedikit kesejukan. Hari masih terlalu pagi dan pada saat seperti itu, mereka terpaksa meranduk alur kecil yang airnya terlalu dingin. Sudah tentu tidak tertahan badan Asmadi menanggungnya.

Inilah perbezaannya dengan Yusman. Cara Yusman melintasi alur itu sedikit berbeza daripada Asmadi. Dia bergayut pada dahan sebatang pokok yang rendah.

Dari situ dia bergerak menggunakan tangan untuk sampai ke tebing sebelah sana. Tapi di hujung dahan dia terjatuh sedikit ke dalam air di alur itu. Seluarnya basah juga. Tapi tidak selencun kebasahan seluar Asmadi.

Beberapa ketika berselindung di balik pohon-pohon kayu itu, seluar mereka masih terasa lembab. Ketika itu, Asmadi mahu saja terus menuju ke kawasan di sebalik ‘kebun’ tanaman kontan yang dilihat itu.

“Aku nampak macam ada bumbung rumah atau pondok di sebalik pokok-pokok tanaman kontan itu. Aku fikir, kawasan ini tentu didiami orang yang kita nampak itu,” Asmadi cuba mengatur kata-kata untuk mempercepatkan tindakan mereka bergerak ke destinasi yang ditujui.

Tapi Yusman tetap berhati-hati. Sekalipun dia tahu Asmadi mahu sampai segera ke tempat kediaman ‘orang hutan’ itu, dia masih mencongak suatu perkiraan mengenai penemuan baru itu.

“Siapakah ‘orang hutan’ ini sebenarnya?” Dia bertanya diri sendiri. Tapi kepada Asmadi, dia berkata: “Kita tunggu sekejap di sini Madi, nanti sekejap saja lagi, sebaik-baik panas matahari bermula, pada waktu yang sesuai, kita akan melangkah ke pondok atau rumah orang itu.”

Kata-kata Yusman yang tersirat dengan sesuatu petua dan tamsil itu menyebabkan Asmadi tidak berani langsung menyanggahnya. Yusman lebih tua. Tentu dia lebih tahu selok belok pergerakan dalam hutan setebal itu.

Justeru, mereka terus menunggu di balik pokok-pokok kayu yang rimbun itu. Beberapa ketika di situ, mereka tidak nampak langsung kelibat manusia lain di situ.

“Kalau kau lihat orang itu, bolehkah kau cam dia? Yalah, sekurang-kurangnya bentuk tubuh badannya seperti yang kita lihat malam tadi?” Yusman bertanya.

“Aku tidak berapa ingat. Aku rasa, dari kejauhan yang kita lihat, orang itu berambut panjang...”

ya...rambutnya panjang. Itulah orang asli, aku rasa,” Asmadi sendiri tidak begitu pasti.

Ketika asyik berbisik-bisik itu, tiba-tiba Yusman mengangkat jari telunjuknya ke mulut. “Shiiiiitt!” Dia memberi isyarat supaya Asmadi mendiamkan diri.

Dari jarak tempat mereka berselindung - kira-kira 20 atau mungkin 30 ela - mereka nampak kelibat seseorang melintasi kawasan di celah-celah daun kayu di situ.

Tapi orang itu bergerak terlalu cepat macam lipas kudung menyebabkan mata mereka tidak sempat menangkap kelibatnya dengan jelas. Mereka tidak tahu, apakah itu orang yang sama dengan apa yang mereka lihat malam tadi atau ia seorang manusia lain.

Naluri Asmadi semakin memuncak untuk mengetahui siapa sebenarnya manusia penghuni belantara yang mereka nampak kelibatnya itu.

“Kita bergerak saja ke situ Man. Tunggu sini pun nak buat apa? Paling tinggi, aku ingat, orang itu ialah bekas penganas komunis dulu atau mungkin juga dia saki baki tentera Jepun waktu menyerang Malaya dulu.” Asmadi sudahpun bersiap sedia mahu bergerak.

Yusman faham sangat sikap rakannya yang masih berjulung keris itu. Bila-bila pun Asmadi memang cepat melenting. Dia selalu saja tidak sabar-sabar kalau mahu melakukan sesuatu.

“Sabar Madi. Kita tengok caranya dulu. Aku takut bahaya. Sekurang-kurangnya kita perlu tahu dia ada berapa orang.” Yusman suka sekali berfikir panjang.

“Alah, tak jadi hal pun Man. Kau tengok dia juga bercucuk tanam di sekeliling kawasan ini. Maknanya dia ini bukan orang hutan tapi dia juga ada tamadun. Tengok dia tanam ubi kayu tu, sebaris saja, tersusun elok. Ini cara orang ada tamadun.” Asmadi terus mendesak.

Susah bagi Yusman untuk berbicara dengan Asmadi dalam keadaan sedemikian. Apabila muncul sesuatu hajat dalam dirinya, Asmadi pasti terkinja-kinja mahu melakukannya dengan segera tanpa memikirkan segala kemungkinan dan risikonya lagi.

“Betul kau nak pergi juga?” Tiba-tiba Yusman bersuara agak tegas. Mungkin juga dia sedikit meradang.

“Ya!” Asmadi juga tetap tegas dengan kemahuannya.

“Baiklah. Mari kita ke sana sekarang.” Kedua-dua anak muda itu terus bergerak perlahan-lahan

ke arah barisan tanaman kontan yang melindungi sesuatu di belakangnya.

Tapi Yusman dan Asmadi pasti di sebalik pokok-pokok itu ada sebuah pondok atau dangau tempat tinggal manusia misteri itu. Mereka kini semakin rapat dengan barisan pokok-pokok tanaman kontan itu.

Sewaktu tiba di situ, Yusman dan Asmadi mendapati rupa-rupanya pokok-pokok itu ditanam secara berlapis-lapis. Mungkin ada lima enam lapis baru boleh sampai ke sebelah sana.

Sebelum memasuki lapisan pertama barisan pokok-pokok itu, Yusman memberikan isyarat tangannya supaya Asmadi berhenti dulu di tepi pokok-pokok itu. Ketika di situ, seekor dua burung merbah terbang keluar dari sarangnya, mungkin terkejut dengan kehadiran ‘tetamu’ baru di situ.

Yusman memberi isyarat supaya Asmadi duduk mencangkung di tepi barisan pokok-pokok tanaman kontan itu, Kemudian dia berbisik: “Kita tidak boleh masuk melalui barisan pokok ini, nanti dia cepat dengar kesan bunyi laluan badan kita yang tersentuh dengan daun-daun tanamannya itu.”

Asmadi mengangguk-anggukkan kepala tanda mengerti. Tapi seiring itu dia menunjukkan jari

telunjuknya ke arah satu lorong yang terentang di antara barisan tanaman jagung dan pokok-pokok pisang berdekatan tempat mereka berdiri itu. Melihat lorong kecil itu, Yusman menganggukkan kepala tanda bersetuju sambil mengangkat ibu jarinya ke arah Asmadi. Mereka kemudian merangkak perlahan-lahan menuju ke lorong kecil antara barisan tanaman jagung yang rapat-rapat dengan pokok-pokok pisang itu. Ketika sampai di permukaan lorong kecil itu, Yusman melihat jalannya dipenuhi daun-daun kayu. Di situ dilihat ada pelepah nyior kering dan upih pokok pinang yang sudah lama tersadai berserakan di lorong itu.

Yusman tidak bimbang apa-apa untuk melalui lorong kecil itu. Sekadar, dia bimbang kalau-kalau di celah daun kayu dan semak samun itu, tersembunyi ular kapak. Jika kaki dipatuk ular kapak, alamatnya tamatlah riwayat mereka berdua di situ juga.

Tapi oleh kerana sebuah perjuangan untuk menjejaki sesuatu yang bernilai pada sisi sejarah bangsa, Yusman cuma memejamkan matanya saja terhadap risiko yang mungkin wujud di lorong kecil itu.

Asmadi terus mengangkat kedua belah telapak tangannya ke arah Yusman. Isyarat itu

seolah-olah bertanya: “Bagaimana sekarang?” Dan Yusman yang memahaminya memberi isyarat yang bermaksud: “Kita bergerak seiring bersama-sama melalui lorong kecil ini.”

Asmadi mengangguk-nganggukan kepala. Dia faham dan bersetuju. Lalu mereka terus merangkak bersama-sama menuju ke arah depan melalui lorong kecil yang dipenuhi sampan sarap daun-daun kering itu.

Lorong itu cukup untuk meloloskan mereka berdua. Dan jaraknya dari tempat mereka berada hingga ke hujung sana mungkin antara 10 atau 20 atau 30 ela. Yusman dan Asmadi percaya di hujung sana itulah letaknya pondok atau dangau pemilik kawasan itu - lelaki berjanggut panjang yang mereka lihat kelibatnya malam tadi dan baru sekejap tadi kelibat lelaki itu sekali lagi dilihat menyelinap di celah-celah pokok-pokok kayu.

Yusman dan Asmadi terus merangkak perlahan-lahan. Tiada suara yang kedengaran. Hanya bunyi desiran dedaun kering yang bergesel dengan kaki mereka yang diseret untuk bergerak ke depan itu saja yang menusuk-nusuk ke gendang telinga masing-masing.

Mereka terus bergerak dengan harapan akan bertemu lelaki berjanggut panjang itu. Mereka

merangkak sederap demi sederap. Kira-kira separuh jalan, tiba-tiba kedua-dua peneroka sejarah itu terpaksa menjerit sekuat hati.

Rupa-rupanya mereka merangkak di atas bilah-bilah buluh yang lembut yang ditutupi dengan dedaun kayu kayan.

Di bawahnya ada lubang sedalam dua kali ganda ketinggian tubuh mereka sendiri.

“Allahhhh!!” Jeritan mereka berbunyi serentak.

Dan seiring itu, tubuh kedua-duanya tersembam ke lubang itu. Di bawahnya kering kontang. Lubang itu tidak terlalu dalam. Tapi sukar bagi mereka berdua untuk memanjat naik ke atas.

Mereka jatuh tersembam. Muka, dada dan perut bertembung dengan tanah. Sakitnya tidak terperi. Yusman sendiri beraduh-aduh -mengerang kesakitan. Asmadi selop seketika. Tiada suara yang terbit darinya. Dia mungkin hampir pengsan. Tingginya tidak seberapa, mungkin 15 atau 20 kaki tapi kejutan kerana terjatuh ke dalam telaga buruk galian atau jadian itu menyebabkan Asmadi dimamah perasaan gementar yang melampaui kemampuannya untuk menerima mala petaka itu.

Seketika kemudian, baru terdengar suara Asmadi mengerang kesakitan. “Aduh...aduh...” sakitnya tidak tercerita. Habis urat saraf terasa

bingit sekali akibat kejatuhan yang agak teruk itu.

Sejurus kemudian, mereka berdua baru mampu bangun duduk sambil memicit-micit tubuh badan masing-masing. Yusman mendongak ke atas - hanya selubang langit yang dapat dilihat dalam bulatan mulut lubang itu.

“Kita sudah terjebak, Man!” Asmadi bersuara panik sekali.

Mata Yusman berkelip-kelip lambat - berfikir dan menahan sakit yang tiba-tiba menggigit di seluruh badan. Melihat sekeliling lubang dan dedaun kering yang menguasai lubang itu, Yusman berkata: “Kita masih bernasib baik, Madi.”

“Nasib baik? Terjebak dalam lubang begini, kau kata nasib baik?” suara Asmadi agak tinggi nadanya.

Yusman faham perasaan sahabatnya. Asal mulanya pun, Asmadi juga yang berkeras mahu cepat menemui lelaki berambut panjang yang mereka nampak kelibatnya di situ. Tapi Yusman tidak mahu memulangkan paku buah keras kepada Asmadi. Pada saat-saat segenting itu, perasaan tidak boleh dibiarkan tanpa kawalan. Tidak ada maknanya tuding menuding jari mencari kesilapan orang lain ketika kita sama-sama menghadapi bahaya dalam hidup.

“Maksud aku Madi...” suara Yusman amat rendah sekali bunyinya, “maksud aku, kita masih bernasib baik kerana dalam lubang ini tidak ditanam dengan ranjau yang tajam. Kalau ada ranjau, kita dah habis sekarang!”

Mendengar penjelasan Yusman mengenai “nasib baik” itu, barulah Asmadi mengerti apa yang dimaksudkan oleh Yusman. Saat itu dia berasa malu sendiri. Kenapa mesti meninggikan suara kepada ‘gurunya’? Itulah, hati kecil Asmadi mengakui, manusia seringkali terlupa dan alpa.

Apa pun Asmadi tidak pernah berburuk sangka kepada Yusman. Di hati kecilnya, Yusman itu ‘abang dan gurunya’. Sekadar, kadang Asmadi mudah melenting dengan segala sesuatu di sekelilingnya. Itu sifat semula jadinya.

Dan seperti biasa, Yusman sendiri tidak pernah mengambil hati terhadap kelakuan Asmadi. Dia faham. Kekadang sikap Asmadi agak kasar dan celupar. Tapi itu memang tabiat orang muda berjulung keris. Dia faham.

Sesudah berasa sedikit lega, Asmadi cuba berdiri. Lengoh-lengoh sendi memang terasa di mana-mana. Tapi digagahi juga bangun dan berdiri. Yusman juga cuba berdiri semula. Dia nampak masih boleh bertahan, cuma urat kaki kirinya terseliuh sedikit.

Kemudian mereka berdua duduk semula. Mulanya fikiran agak buntu. Tapi beberapa ketika, Yusman terfikir: “Nasib baik lagi, hari masih terlalu awal. Kalau takdirnya aku dan Yusman terjatuh ke lubang ini pada waktu senja, hah, nampaknya bermalam dalam lubang kubur inilah.”

Sambil duduk itu, Yusman memegang dan menepuk-nepuk dahinya dengan tangan kanan beberapa kali. Dia cuba berfikir bagaimana cara mahu keluar dari lubang kubur yang dalam itu?

“Apa yang kau fikirkan Man?” perasaan ingin tahu tetap tebal dalam diri Asmadi.

“Kau fikir lubang ini kerja siapa, siapa yang gali lubang ini, Madi?”

“Sudah tentulah ‘orang hutan’ itu. Zalim betullah. Senang-senang saja dia mahu membunuh orang.”

“Aku tak fikir lubang ini untuk manusia. Tapi ini jebak atau jerat untuk menangkap binatang, bukan orang, Madi.”

Memang pendapat Yusman itu logik. Tapi mulai saat itu, sedikit perasaan benci mula tersemam dalam hati kecil Asmadi terhadap manusia misteri yang sedang mereka jejak itu.

“Ah, biarkanlah semua itu Madi; yang penting sekarang kita kena fikir bagaimana mahu keluar

dari lubang maut ini sebelum hari petang dan kemudian malam,” sambil itu Yusman mendongak-dongak lagi ke atas.

Paras permukaan lubang yang bulat itu terasa payah mahu dicapai. Bagaimana mahu mendaki naik ke atas dan keluar dari dalam lubang itu? Buntu. Yusman hampir buntu. Kalau Asmadi, lebih lagilah kebuntuannya. Otak jadi beku bila berada dalam lubang maut seperti itu. Fikiran orang pandai atau genius sekalipun, kadang kala terkunci rapat jika dihimpit saat-saat segenting itu.

Tapi Yusman tidak boleh membiarkan fikirannya terus kaku dan beku untuk menghadapi situasi buruk itu. Dia perlu terus berfikir. Mencari kaedah dan cara untuk mengatasi masalah terbaru itu. Kehadiran teman seperti Asmadi terlalu penting untuk menguatkan semangatnya.

“Kau ada idea bagaimana nak naik semula ke atas Madi?” Tanya Yusman menduga.

Asmadi melopong. Seketika kemudian, dia memetik ibu jarinya, meletup bunyinya. “Aku ada idea Man.”

“Apa dia Madi...”

“Kita korek-korek bahagian tepi lubang ini untuk dibuat takah. Lepas itu, kita boleh panjat melalui takah-takah itu dan terus naik ke atas.”

“Itu susah Man. Kalau korek lubang takah, dengan apa kita nak korek? Satu alat pun tak ada. Dan sampai bila nak selesai kerja korek mengorek itu?” Yusman sengaja membakar minda rakannya.

Asmadi menarik nafas panjang. Baru dia sedar betapa susahnya keadaan mereka sekarang. Tadi, dialah yang terkinja-kinja mahu cepat menemui lelaki hutan’ itu. “Oh Tuhan,” jeritan hati Asmadi bergema kuat dalam dirinya sendiri.

Mentari pagi mula menyimbah sinaran. Panas mula membahang di dalam ‘lubang maut’ itu. Peluh panas dan dingin mula mercik di dahi Yusman dan Asmadi. Saat seperti itu benar-benar menggugat pemikiran dan perasaan. Sesudah hampir setengah jam berada di dalam ‘lubang maut’ itu, perasaan cemas mula mencengkam seluruh tubuh badan mereka.

Ketika itu, Yusman merasai ada sesuatu yang asing mula menjalar dalam urat nadinya. Air liur ditelan hampir tidak mahu melepasi tekak. Hati mula berdebar-debar. Perut terasa seperti memulas-mulas. Tapi tidak ada najis yang mahu keluar.

Tapi Yusman tidak boleh menunjukkan wajah yang lemah kepada Asmadi. Yusman hampir pasti Asmadi akan lumpuh dan luluh dalam lubang

maut itu jika dia mempamerkan kelemahan semangat untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Namun, masalahnya amat nyata. Di dalam lubang maut itu segalanya bagaikan buntu belaka. Yusman buntu. Asmadi lagilah buntu. Kebuntuan berada di mana-mana di dalam lubang itu.

Yusman tidak sanggup membiarkan imaginasi buruk terus memekung dalam benaknya. Dia tidak mahu memikirkan bagaimana rupa pengakhiran kembara sejarah mereka itu. Tapi rasa-rasanya, jika mereka tidak berdaya keluar daripada 'lubang maut' jahanam itu, peristiwa hitam itu akan mencatat sejarah diri mereka sendiri yang mungkin tidak sempat dibaca lagi.

Pada saat-saat segenting itu, Yusman menyimpan setitik kekuatan dalam dirinya - zikrullah. Hanya Allah jua yang mampu mengirimkan bantuan kepada makhluk-Nya yang daif. Diam-diam dalam hatinya, Yusman memanjatkan doa yang terlalu syahdu kepada Allah SWT. "Tuhan, selamatkanlah hamba-hamba-Mu yang terlalu daif ini."

9

Penemuan



*D*alam doa yang syahdu itu, Yusman dan Asmadi dikejutkan dengan suatu keajaiban lagi. Mereka terperanjat apabila tiba-tiba saja seutas tali sebesar lengan terjulur perlahan-lahan di tepi ‘lubang maut’ itu. Mereka terpinga-pinga melihat tali yang pada setiap jarak kira-kira sekaki ada ketulan sebesar dua gengaman penumbuk lelaki yang sasa. Pada ketulan hasil daripada belitan yang terpintal di tali itu boleh pula dijadikan tempat berpijak untuk memanjat naik ke atas.

Buat beberapa ketika, Yusman dan Asmadi terus terpinga-pinga. Tali itu menjadi tanda tanya yang menakjubkan. Dari mana pula datangnya? Siapa yang menghulurkannya? Tapi sesudah melihat ‘tali ajaib’ itu, mereka tidak mahu berlengah lagi. Peluang itu mungkin juga datang hanya untuk seketika saja. Lalu Yusman cepat mengambil peluang keemasan itu.

“Madi, cepat. Kau panjat dulu...naik ke atas, cepat!” Tanpa berfikir panjang lagi, Asmadi terus saja memanjat ke atas diikuti Yusman dari bawahnya.

Dengan tali sedemikian, mereka mudah saja memanjat ke atas. Ketika sampai ke permukaan lubang itu, mereka terpinga-pinga sekali lagi. Telinga terasa bengang. Kepala seperti pening-pening lalat dibuatnya. Yusman dan Asmadi memandang kawasan sekeliling – tiada siapa di situ.

Hairan.

Dua hati peneroka sejarah itu segera mengesyaki: Tali itu mesti dimiliki lelaki hutan’ itu. Tapi di mana pula dia berada waktu itu? Siapa pula yang menghulurkan tali ke dalam lubang itu? Empat mata mereka terus menyelongkar kawasan sekeliling. Tapi segalanya sunyi sepi. Pokok kayu terus berdiri kaku di mana-mana.

Tidak seekor binatang dapat dilihat di situ sedang mentari semakin meninggi.

Sayup-sayup di kejauhan sana terdengar segala macam bunyi siulan binatang-binatang hutan. Seseekali terdengar pula ranting kayu kayan reput yang luruh dari pepohon tinggi.

Yusman dan Asmadi bingung. Mereka terus berdiri di tepi lubang maut itu. Mahu terus berjalan ke depan, mereka berasa fobia kalau-kalau ada ‘lubang maut’ yang lain di depan. Mereka takut jatuh ke dalam lubang seperti itu buat kali kedua.

Tapi satu keanehan wujud di sekitar mereka ketika itu. Yusman melihat tali yang dihulur ke dalam lubang maut agak panjang. Matanya melirik tali itu hingga ke puncanya yang hilang terselindung di sebalik rimbunan pokok-pokok hutan di sebelah depan kira-kira 10 atau 15 ela lagi.

Ketika itu bulu romanya meremang-remang. Dia pasti di sebalik pohon-pohon itulah tempat lelaki hutan itu berada. Di situlah barangkali terletak tempat tinggal, rumah atau pondok atau dangaunya.

“Madi, tengok tali itu, panjang hingga ke hujung sana, mari kita jejak tali ini.” Yusman percaya, lelaki itu pasti ada di penghujung tali itu. “Kali ini

kita mesti berhati-hati Man. Nanti kita jatuh sekali lagi.” Asmadi terasa serik.

Langkah mereka berdua kali ini ternyata cukup berhati-hati. Setiap gerak langkah Asmadi diatur satu demi satu.

Demikian juga Yusman. Sekali melangkah ke depan, kaki mereka pasti menguis-nguis ke tepi segala sampah sarap yang bersepah-sepah di sepanjang lorong itu, mencari kepastian kalau-kalau dibawahnya ada lubang maut seperti tadi.

Sedar tak sedar, mereka akhirnya sampai juga ke kawasan penghujung tali itu. Saat itu mereka perlu menumpukan seluruh perhatian terhadap kemungkinan yang akan menjelma. Boleh jadi ‘lelaki hutan’ ada senjata tajam. “Hati-hati Man.” bisik Asmadi.

Memikirkan tali yang dihulur ke dalam ‘lubang maut’ itu, Yusman tidak fikir ‘lelaki hutan’ itu seorang yang ganas. Kalau dia tidak berhati perut, kenapa tali itu dihulurkan kepada mereka? Fikir Yusman sendirian.

Sekalipun lelaki itu mungkin ‘orang hutan’ asli tapi nampaknya dia bukan sebarang ‘orang hutan’. Ini kerana di tengah belantara begitu, dia memiliki peralatan yang terkini. Dia memiliki tali sebesar tali sauh kapal. Dan dia juga tidak menyerbu

mereka yang jatuh ke dalam lubang maut tadi. Sebaliknya dia cuba menyelamatkan mereka dengan menghulurkan bantuan kepada mereka berdua.

“Ya, lelaki ini bukan sebarang orang. Dari apa yang kita lihat setakat ini, dia bukan orang hutan yang ganas Madi. Kalau ganas, kenapa dia tolong kita...tali ini, siapa yang hulurkan pada kita?” Yusman menyampaikan isi fikirannya kepada Asmadi.

Tapi Asmadi bagaikan tidak percaya pula pada kata-kata Yusman. Dia tetap sangsi sekalipun apa yang diperkatakan Yusman mengandungi fakta yang boleh diterima akal.

“Kita masih perlu berhati-hati, sentiasa bersiap sedia. Bagaimana kalau kita diserang? Betulkah ‘orang’ ini seorang diri Man?” Ternyata kesangsian masih membelenggu Asmadi.

Asmadi mengangkat tangan kanan ke atas. Yusman berhenti. Asmadi menguak-nguakkan sampah sarap dengan kaki kanannya. Dia mengesyaki ada bahaya di situ. Tapi sejurus kemudian dia mengangguk-nganggukkan kepala tanda ‘keadaan selamat’.

“Betulkah dia seorang diri? Buat apa dia tinggal dalam hutan ini sorang-sorang? Nak mampus?” Asmadi masih tidak puas hati.

Pertanyaan Asmadi agak munasabah. Tapi ia sukar dijawab selagi mereka sendiri tidak menemui lembaga manusia yang kemudian ternyata sebagai lelaki berambut panjang yang mereka lihat kelibatnya itu.

“Aku pun hairan. Barangkali orang ini menuntut ilmu batin agaknya.” Yusman cuba meneka.

Apa pun pada waktu itu mereka sudah benar-benar ke penghujung tali itu. Mereka mahu melihat apakah tali itu masih bersambung di sebalik pokok-pokok besar di situ.

Waktu Yusman dan Asmadi cuba melangkah lagi ke depan, mereka terperanjat besar sekali lagi apabila terdengar suara yang besar dan garau berbunyi: “Berhenti! Jangan bergerak lagi!”

Mereka tersentak. Langkah mereka mati di situ. Tapi Yusman cuba menjengah di sebalik pokok besar di tepinya. Ternyata di sebalik pokok itu ada sebuah pondok yang dibina menggunakan kayu kayan hutan itu. Asmadi memegang tangan kiri Yusman. Dia hampir terkencing mendengar suara garuk dan garau yang terbit dari dalam pondok tidak jauh dari mereka.

Mereka berdiri kaku di situ. Diam. Cuaca cerah-redup. Cahaya mentari bersinar terik di luar hutan. Namun cahaya itu hanya tirih di sana sini

melalui celah-celah rimbunan daun pepohon kayu kayan dalam hutan itu.

Sejurus kemudian, kesunyian itu terpecah sekali lagi oleh suara garuk dan garau tadi. “Siapa kamu? Kenapa datang ke sini?” Suara itu terdengar berbunyi tegas.

Kekaguman Yusman terletak pada bahasa Melayu yang digunakan. Dari kata-katanya, ternyata orang itu pasti Melayu. Yusman merasakan dia bukan sebarang Melayu. Dan dari caranya bertutur, dia bukan orang asli. Dia juga bukan bekas tentera Jepun yang tidak mahu pulang ke negaranya selepas Peperangan Dunia Kedua.

Asmadi mencuit tangan Yusman memberi isyarat supaya menjawab soalan dari dalam pondok di tengah belantara itu. Yusman cepat mengerti kehendak rakannya lalu dia berkata:

“Maafkan kami tuan. Nama saya Yusman. Yang ini kawan saya, Asmadi namanya. Kami datang dari Bandar Kuala Lanyau. Kami sebenarnya peneroka sejarah. Kami sedang mengesan makam Panglima Nayan tapi tersesat sampai ke sini. Maafkan kami tuan.”

Suasana sunyi sepi semula. Yusman dan Asmadi menunggu jawapan dari manusia di dalam pondok itu. Tapi segalanya menyepi. Tiada sebarang kata-kata.

Mereka terus berdiri di situ. Berdiri tanpa sebarang kata-kata. Terasa sekali gerunnya. Suasana sekeliling yang sepi dan hanya sesekali di selang seli oleh siulan unggas-unggas belantara menjadikan hati masing-masing terasa bagai disayat-sayat dengan sembilu.

Berdiri dalam sepi itu menyebabkan mereka menjadi tidak tentu arah. Fikiran masing-masing terus diserang pelbagai kemungkinan. Kenapa pemilik suara garuk dan garau itu tidak bertanya lagi? Kenapa dia berdiam diri?

Sesekali timbul keinginan Yusman untuk bertanya sesuatu semula. Tapi dia tidak berani. Kalau ikutkan hati, Asmadi mahu saja menjerit bertanyakan sesuatu. Namun Yusman menarik-narik bajunya yang lusuh itu, memberi isyarat agar tidak berbuat demikian.

“Kita di tempat dia sekarang, jangan buat pasal Madi.” bisik Yusman.

Mereka benar-benar bingung dengan keadaan seperti itu. Barangkali orang dalam pondok itu mahu ‘psiko’ mereka, fikir Yusman. Tapi kenapa dan untuk apa dia berbuat demikian? Barangkali orang itu meragui keikhlasan dan kehadiran mereka di situ. Barangkali orang itu perompak atau penjenayah besar yang sedang melarikan diri

dan dia menyangka mereka berdua anggota polis yang sedang memburunya? Barangkali lagi dia melarikan diri daripada pihak berkuasa kerana melakukan rasuah? Seribu satu persoalan menerpa masuk ke dalam fikiran Yusman.

Fikiran Asmadi juga pernah dihinggap gejala seperti itu. Tapi bagi Asmadi dia hanya mengharapkan mereka selamat dan tidak diapa-apakan oleh 'orang Melayu' dalam hutan itu.

"Sekarang kamu boleh duduk di situ!" Sesudah beberapa lama, mereka terdengar semula suara garuk dan garau dari dalam pondok itu.

Yusman dan Asmadi berasa sedikit lega. Lama juga mereka terpaksa berdiri seperti patung-patung. Akhirnya baru boleh duduk bersila di atas tanah. Mereka menarik nafas lega. Namun kedua-dua peneroka sejarah itu masih menyimpan perasaan ingin tahu yang mendalam. Paling kurang pun mereka kepingin sekali melihat wajah manusia yang hanya setaka itu memperdengarkan suaranya saja.

Kenapa dia tidak mahu tampil berdepan dengan mereka? Gelagat itu bagaikan 'Melayu hutan' itu seorang yang pemalu atau takut untuk berdepan dengan kenyataan sedangkan Yusman

dan Asmadi sanggup berdepan dengan risiko mencari kelibat manusia hutan itu hingga berjaya menemuinya sekarang.

Mereka terus duduk di situ dengan penuh harapan. Keinginan untuk melihat wajah orang Melayu hutan itu meluap-luap dalam diri mereka. Bagaimana agaknya rupa paras orang itu. Lebih jauh, mereka ingin sekali mengetahui ceritanya. Kenapa dia boleh berada dalam hutan itu?

Mungkinkah dia dilahirkan di situ? Mungkinkah dia ini cucu cicit Panglima Nayan yang disebut sebentar tadi kepadanya? Jika benar dia suku sakat Panglima Nayan, sudah pasti Yusman dan Asmadi akan membawa pulang sebuah kisah yang kelak akan menjadi riwayat tersohor seorang pahlawan bangsa?

Tapi bukankah Panglima Nayan juga digelar sebagai ‘perompak’ yang melarikan harta benda orang kaya untuk dicambahkan kepada golongan miskin? Bolehkah kerjaya Nayan itu dikatakan kerjaya seorang panglima yang sejati?

Sekalipun niatnya baik, merompak harta orang lain untuk diberikan kepada orang miskin, apakah perbuatan itu dilihat sebagai Islamik? Kisah Panglima Nayan terus menjadi persoalan sepanjang zaman dalam masyarakat Melayu.

Kisah Panglima Nayan telah mengheret dua peneroka sejarah muda itu hingga ke tengah belantara itu. Di luar sana, kebimbangan mungkin mencengkam sebahagian sanak saudara Yusman dan Asmadi. Kembara sejarah yang mereka lakukan terlalu penuh tepu dengan pelbagai risiko.

Namun tidak siapa yang tahu apa yang berlaku sebenarnya. Mereka belum bertemu dengan makam Panglima Nayan yang diimpikan. Sebaliknya mereka bertemu sesuatu yang di luar dugaan dan jangkaan masing-masing.

Mereka bertemu seorang Melayu hutan yang entah sudah berapa lama tinggal di situ. Dia bukan orang Asli. Tapi dia boleh bertutur bahasa Melayu yang fasih. Siapa dia sebenarnya?

Jiwa Asmadi terus menggelegak ingin tahu siapa lelaki itu? Segala tekaan dan jangkaan mereka sudah dibuat. Mungkin salah satu daripada dugaan mereka itu benar. Tapi sehingga saat itu, lelaki Melayu itu masih membisu. Dia juga belum menunjukkan dirinya kepada mereka.

Setakat itu dia hanya wujud dalam bayangan mereka semata-mata. Wajahnya mungkin penuh janggut dan jambang. Rambutnya sudah tentu panjang berjela-jela. Pakaiannya mesti compang

camping dan matanya mesti liar seperti mata harimau belang sedang memerhati mangsa.

Jangan-jangan, fikir Asmadi, manusia ini ada siong seperti cerita Raja Bersiong di negeri Kedah. Kalau dia ada siong, alamat mereka berdua tidak akan selamat. Bagaimana sehingga waktu itu, Asmadi belum pernah lagi mendengar ada manusia yang memakan sesama manusia. Kisah Raja Bersiong pun, hanya setakat raja meminum darah manusia.

Pada waktu menunggu-nunggu begitu, perut pun mula terasa lapar. Tapi apa yang hendak dikatakan. Yusman dan Asmadi terpaksa menahan diri dengan lapar dan dahaga.

Kekadang perangai lama Asmadi datang semula. Sese kali fikir, mahu saja dia bangun dan melangkah masuk ke dalam pondok usang itu. Apa yang hendak ditakutkan? Mati hanya sekali.

Tapi dia 'kalah' sendiri bila merenung wajah Yusman yang terus tenang. Yusman masih terus begitu. Pada wajahnya tidak terlihat sebarang masalah. Dia selamba saja.

Sekalipun begitu, Asmadi mahu bersuara juga: "Macam mana Man. Kalau boleh, biar saja aku menjengah ke dalam pondok itu," bisiknya kepada Yusman.

Yusman sedikit terkejut. Tidak habis-habis lagi perangai lama Asmadi. Dia masih mahu bertindak serupa ‘buldozer’. Mahu menyorong saja tanpa berfikir baik dan buruk sesuatu perkara itu.

“Nanti dulu Madi. Sabar. Jangan bertindak membuta tuli. Kita dapat sampai ke sini pun sudah besar rahmat. Jangan kau buat perangai lama tu!” Yusman berbisik kembali.

Sesudah itu, Asmadi mengalih cerita. “Perut aku dah laparlah Man. Mana boleh tahan, asyik makan roti saja berapa hari ini.”

Yusman tersenyum sendiri. Dia juga lapar. Tapi keadaan tidak mengizinkan mereka menjamah sebarang makanan. Justeru, bersabar sajalah.

“Insya-Allah, ada rezeki kita nanti. Biarlah orang dalam pondok itu meneliti keadaan kita dulu. Aku percaya dia bukan orang jahat. Kalau dia sudah puas hati, dia mesti membantu kita. Kita pun bukan berniat jahat sampai ke sini.”

Kata-kata Yusman sedikit membantu Asmadi agar tidak bertindak gelojoh. Asmadi masih ingat bagaimana mereka terjerlus ke dalam ‘lubang maut’ gara-gara sikapnya yang tidak sabar awal pagi tadi.

10

Wajah Yang Disembunyikan



Entah berapa lama mereka duduk di depan pondok usang itu, mereka tidak tahu. Entah kenapa pula lelaki Melayu di dalam pondok itu tidak bersuara sekian lama. Mereka tidak pasti sama ada dia masih berada di dalam pondok atau sudah berpergian ke mana-mana melalui pintu belakang.

Di sekeliling kawasan itu penuh dirimbuni pokok kayu kayan. Kekadang Yusman dan Asmadi tertanya-tanya diri sendiri: Tidak pernahkah binatang buas melintasi kawasan itu dan mengacau segala tumbuhan di situ?

Setakat itu, ternyata sekali manusia yang fasih berbahasa Melayu itu hanya tinggal seorang diri di dalam pondok itu. Pondok itu hanya sebuah pondok yang kecil. Dindingnya diperbuat daripada buluh dan mungkin juga batang-batang bertam. Bumbungnya mungkin daripada daun-daun atau pelepah nipah. Tiangnya mungkin daripada kayu merbau yang banyak terdapat di hutan itu.

Walaupun kecil mungkin boleh diisi empat atau lima orang. Pondok itu kelihatan tegap dan mantap. Ada sebuah tingkap yang terbuka. Tapi tingkap itu jelas ada penutupnya yang ditongkat dengan sebatang kayu sebesar dan sepanjang lengan.

Di hujung sebelah kanan dinding pondok itu ada sebuah pintu kecil dan di depannya terbina tangga kayu yang mempunyai lebih kurang empat lima penggalang untuk dipijak kalau mahu ke atas pondok. Keadaan pondok itu memperlihatkan ia dibina oleh tangan seorang tukang yang mahir. Siapa pernah menyangka di tengah hutan belantara begitu, ada sebuah pondok seperti itu?

Kalau di zaman darurat, pondok itu mungkin dibina oleh puak komunis yang menjadi penghuni hutan. Tapi pada dekad ini, komunis pun sudah tidak sanggup tinggal di tengah belantara. Komunis pun sudah menyerah diri sekarang.

Mungkin orang ini pengikut setia komunisme dan tidak rela keluar daripada hutan. Lalu dibinanya pondok itu untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam belantara yang dicintainya. Itu pun hanya agakan Yusman dan Asmadi sedang fakta yang sebenar hanya diketahui oleh manusia Melayu itu sendiri. Mereka menganggap dia manusia Melayu kerana bahasa Melayunya amat fasih. Tidak terdengar pelat China, Arab, Siam atau India. Sudah pasti dia orang Melayu.

Sebentar tadi dia hanya mengucapkan beberapa perkataan saja. Dan semua istilah yang disebutkannya itu dapat didengar dengan jelas ia sebutan orang Melayu. Apa lagi suaranya begitu garuk dan garau.

Sesuatu yang dibenci oleh Asmadi ialah menunggu atau menanti. Penantian yang tidak kunjung tiba seperti itu cukup menyeksakannya.

Mahu saja dia bangun dan ‘mengamuk’ untuk masuk ke dalam pondok itu lalu menjamah apa saja makanan yang ada.

“Aku lapar! Lapar!!” Pekik hati Asmadi.

Kalau diikutkan hati, dia tidak mahu peduli kepada sesiapa lagi. Tapi ‘gurunya’ - Yusman - tidak mungkin dilangkahnya. Aduh, dia terpaksa

akur kepada tata susila kehidupan ini sekalipun laparnya tidak terkira.

Sebaliknya, senyuman Yusman masih berkerak di bibirnya. Asmadi menjadi hairan bagaimana pada saat sesulit itu, Yusman masih boleh mengukir senyuman. Dia tidak mengerti.

Ketika memikirkan soal senyuman Yusman, Asmadi cuba mendongak ke langit. Dilihat mentari semakin condong ke petang. Nampaknya mereka sekali lagi terpaksa bermalam di dalam hutan. Dihitung-hitung, campur dengan malam yang akan tiba nanti, sudah tiga malam berturut-turut mereka berada di dalam hutan Kepelu.

Apa yang akan terjadi kepada mereka, Asmadi tidak tahu. Bahkan Yusman sendiri tidak dapat menelah segala kemungkinan yang akan menimpa mereka beberapa hari akan datang. Hari esok hanya di tangan Tuhan. Manusia tidak pernah tahu cerita masa depan mereka, sekadar boleh meramalkannya sahaja berpandukan jejak-jejak silam.

Mereka semakin letih. Letih sekali. Dalam keletihan itu, fikiran mereka mulai kosong. Akhirnya dalam kekosongan mental yang melampau, kedua-dua peneroka sejarah itu tertidur dan terdampar di situ.

Sedang nyenyak di situ, tiba-tiba pintu pondok itu terbuka. Waktu itu Yusman dan Asmadi tidak lagi sedar apa yang berlaku di sekeliling mereka. Di pintu pondok usang itu, berdiri seorang lelaki yang berpakaian Melayu tanpa sampung, tanpa songkok. Di tubuhnya yang sederhana itu hanya tersangkut baju dan seluar saja. Tapi pakaiannya kelihatan lusuh sekali dan di sana sini ia berlubang-lubang serta carik-carik pula. Baunya hapak dan meloyakan.

Barangkali kalau Yusman dan Asmadi belum tertidur, mereka pasti akan terkejut besar sekali lagi apabila melihat orang itu. Nasib baik ketika itu mereka sudah tertidur.

Mungkin sudah menjangka kedua-dua 'tetamu' tanpa diundang itu akan terkejut besar jika mereka melihat dirinya, maka lelaki berbaju lusuh itu tidak mahu menunjukkan dirinya lebih awal kepada Yusman dan Asmadi.

Lelaki itu cuma berkaki ayam. Dia melangkah perlahan-lahan dan penuh hati-hati menuju kepada mereka. Sewaktu berjalan, kaki kanannya kelihatan terjengkek-jengkek seperti orang cacat. Ada sejalur parut luka yang besar di betisnya.

Dia berjalan ke arah Yusman dan Asmadi. Ketika berada di sisi mereka, dia pasti kedua-dua 'tetamu tidak diundang' itu tidak mungkin

akan terjaga daripada tidur. Mereka terlalu letih. Kelusuhan tubuh badan itu jelas terpamer pada wajah mereka sewaktu nyenyak tidur. Mulut mereka berdua ternganga luas. Dan bunyi dengkurannya mengalahkan siulan burung-burung di hutan itu.

Lelaki itu membelek-belek sebuah beg yang berada di sisi Yusman. Beg itu kempis saja menandakan isinya yang tidak seberapa. Selepas itu dia meneliti pakaian mereka - baju, seluar dan kasut yang masih dipakai sewaktu mereka nyenyak tidur.

Dia pasti di sisi mereka tidak ada sebarang senjata. Dari pemerhatiannya, mereka bukan anggota tentera. Mereka juga bukan anggota polis. Tapi ketika meraba-raba beg gelas di sisi Yusman, dia terasa ada sesuatu benda yang keras di dalamnya.

Dia membuka beg itu. Dan ketika mengeluarkan benda keras itu didapati ia sebuah kamera kecil. Lelaki itu kelihatan seperti sedikit terkejut. Dahinya berkerut-kerut.

Sejurus, dia mengambil kamera itu lalu dihumban jauh-jauh ke tengah rimba. "Mungkin mereka ini wartawan!" Lelaki itu membuat telahan sendiri.

Sesudah pasti apa yang dibawa dua 'tetamu tidak diundang' itu, dia kembali ke pondok.

Sebelum melangkah ke dalam, dia menggaru-garu janggut dan jambang yang tumbuh berselerak di mukanya. Gatalnya menjadi-jadi hingga garuan itu berkeruk-keruk bunyinya. Lelaki itu terus melangkah masuk ke dalam pondok semula. Di luar, Yusman dan Asmadi masih berdengkur.

Mentari terus bergerak ke ambang petang. Mereka terus nyenyak di bawah pepohon yang rendah. Udara kembali sejuk. Melempi pepohon kayu kayan itu, langit kelihatan mendung. Beberapa ketika kemudian hujan mula merintik-rintik. Yusman mengecap-gecap bibir dan lidahnya menyapu bibir yang terjurus air hujan. Dia bagaikan bermimpi sedang meminum air zam-zam yang diberikan seorang saudara yang baru pulang dari Makkah.

Asmadi sebaliknya melunjur-lunjurkan kaki dan tangan. Kemudian menyapu matanya yang pejam tetapi berair selepas dibasahi rintik-rintik air hujan. Asmadi juga terasa bagai bermimpi sedang menyapu air matanya kerana sedang berpisah dengan bekas kekasihnya yang memilih jejak lain yang lebih tampan dan berharta.

Sayup-sayup di cuping telinganya, Asmadi bagaikan terdengar lagu “Semut Merah” dinyanyikan

oleh seorang penyanyi populer di atas sebuah pentas. Penyanyi itu sendiri benar-benar menitikkan air mata sewaktu menyanyi.

Asmadi turut menangis terisak-isak. Dan hujan itu semakin galak merintik-rintik. Waktu itu, Yusman terjaga. Dilihatnya Asmadi sedang terisak-isak menangis.

“Eh, Madi...Madi...Bangun! Bangun!” Dia menggoncang-goncang badan Asmadi. Nyenyak sungguh tidurnya. Asmadi terjaga. Dia bingkas bangun. Di pandang kawasan sekeliling. Rupa-rupanya dia masih di tengah belantara. Rupa-rupanya bekas kekasihnya juga tidak ada di situ.

Kawasan sekeliling semakin muram. Siulan beburung juga kian galak berbunyi. Unggas-unggas mungkin sedang mencari sarang semula. Di luar sana, keadaan masih cerah. Tapi di dalam belantara, begitulah warna cerah hanya sekejap tetapi warna gelap lebih lama dan panjang sifatnya.

Hujan semakin galak merintik. Mereka cuba lari ke bawah seponon pokok yang rimbun. Di situ nampaknya keadaan lebih selesa. Mereka berdiri di situ. Di depan mereka masih tersergam pondok usang itu. Mereka tidak sedar sewaktu tertidur tadi, lelaki itu sudahpun meninjau keadaan

diri mereka. Yusman masih belum tersedar kameranya sudah tidak ada di dalam beg. Ia sudah dihumban jauh ke tengah rimba oleh lelaki berjambang tebal itu.

Sekalipun di bawah pohon rimbun itu agak selesa tapi Yusman dan Asmadi tidak dapat menghindarkan diri daripada terkena rembesan air hujan. Air hujan tetap tersimbah ke mana-mana.

Yusman menghimpit ke tepi batang pokok yang besar. Ketika dia mahu mengajak Asmadi berteduh di bawah dahan pokok itu, matanya terpandang pintu pondok itu terbuka sedikit.

“Madi, kau tengok pintu pondok itu.”

Asmadi segera menolehkan mukanya ke arah pondok itu. Dia juga terpegun melihat pintu itu sudah terbuka. Tapi di mana orangnya? Mereka tidak nampak sesiapa di pintu itu.

Asmadi kemudian memandang Yusman semula. Dia mengangkat-ngangkat kedua-dua belah tangan sambil mulutnya mencebik, keningnya terjungkit-jungkit ke atas seolah-olah bertanya: “Mana dia? Tak nampak pun?”

Yusman menggeleng-gelengkan kepala seolah-olah memberi isyarat dia tidak tahu apa yang sedang berlaku di situ. Bagaimanapun, pintu itu sudah pun terbuka.

“Barangkali dia suruh kita masuk ke dalam pondok itu, Man?” Asmadi cuba mendorong rakannya supaya melangkah masuk ke pondok itu untuk berteduh di dalam.

Tapi Yusman tidak mudah terpengaruh dengan keadaan sekeliling. Dia sentiasa berwaspada dan mengambil sikap penuh hati-hati. Mereka bagaikan terus berbalah. Asmadi nampaknya mahu terus saja masuk ke dalam pondok. Dan Yusman mahu menunggu dan melihat dulu sebelum bertindak sesuatu.

Ketika mereka mencongak-congak keadaan semasa, tiba-tiba pintu itu terbuka lebih luas. Di tengahnya berdiri seorang lelaki berbaju Melayu yang lusuh tadi. Tapi penampilannya kali ini berbeza daripada sewaktu Yusman dan Asmadi sedang nyenyak tidur.

Kali ini dia berdiri di situ dengan wajah yang tertutup. Dan lebih menyeramkan, wajah itu ditutup dengan sehelai guni kecil yang berlubang pada bahagian mata dan mulut. Topeng begitu sering dilihat Yusman dan Asmadi dipakai oleh perompak-perompak bank dalam filem jenayah di Barat.

Mereka terpegun melihat lelaki bertopeng itu. Perompakkah dia? Sejurus berdiri di pintu, lelaki

itu menggamit-gamit, memanggil Yusman dan Asmadi supaya mendekatnya di tangga pintu pondok.

Yusman dan Asmadi melangkah tertakut-takut dan terketar-ketar ke arah lelaki itu. Ketika sampai di tangga, lelaki itu bersuara: “Naik ke atas.” Suaranya yang garuk dan garau itu terdengar seperti berkulum-kulum dalam topeng guni.

Mereka mematuhi arahannya. Yusman dan Asmadi memijak anak tangga untuk ke atas. Keadaan di dalam pondok itu biasa saja. Pelengkap lantainya dibuat daripada buluh-buluh yang licin dan kemas. Sesudah berada di dalam pondok, lelaki itu memberi isyarat supaya mereka duduk. Ketika duduk, rantai buluh berkeriuk bunyinya. Tapi ia tetap utuh.

Mata Asmadi yang segar semula selepas tertidur tadi menjelajah ke seluruh isi dalaman pondok. Di dalamnya tersangkut sehelai dua baju kemeja dan seluar yang semuanya lusuh-lusuh belaka. Ada sebiji bantal usang dan sehelai kain gebar. Mungkin digunakan sebagai kain selimut.

Di celah dinding buluh itu terselit sekeping gambar yang juga sudah koyak rabak. Entah gambar siapa. Insan dalam gambar itu seorang pemuda sedang tersenyum lebar. Di tepi gambar itu ada sebiji dua periuk kecil yang sudah kemek-kemek

dan sebiji dua pinggan plastik yang uzur benar.

Selain itu tidak ada apa-apa yang menarik dalam pondok itu. Sedang melihat-lihat itu, Asmadi terpandang sepinggan ubi kayu rebus di atas lantai pelenggar itu. Menitik air liurnya.

Lelaki bertopeng itu mengerti apa maksud pandangan mata Asmadi yang terbelalak ketika melihat ubi kayu. Yusman sendiri tidak berkata apa-apa sebaik-baik matanya melihat ubi kayu yang putih bersih.

“Makan!” kata lelaki itu sepatah.

Dan Asmadi menerkam bagaikan harimau lapar. Yusman sempat menepuk bahu sahabatnya. Isyarat itu membawa maksud: “Jangan gelojoh!” Dan Asmadi segera mengubahsuai perangnya yang cepat melatah itu. Ketika lapar begitu, apa yang ada dalam ingatan hanyalah makanan. Mereka tidak kira lagi walau ia hanya ubi kayu.

Lelaki bertopeng hanya memerhati gelagat dua ‘tetamu tidak diundang’ itu menjamu selera. Hatinya turut berasa belas melihat dua tetamu itu mengunyah-ngunyah dan menelan ubi kayu. Tapi dia sendiri tidak boleh terpesona dengan sikap belas dan kasihan.

Dia tidak mengenali dua pemuda yang masuk ke kawasan itu. Dari mana asal usul mereka?

Mereka mungkin pengintip yang sedang menjejaki dirinya. Yusman dan Asmadi pula bagaikan hilang pertimbangan untuk seketika. Mereka hampir terlupa untuk bertanya siapa lelaki bertopeng itu. Dia mungkin seorang perompak paling ganas di seluruh negara. Pada saat kelaparan, orang boleh saja terlupa pada tanggungjawab yang penting sekalipun yang dimakan itu hanya ubi kayu.

Ubi kayu memang mengenyangkan. Sesudah perut agak sendat, mereka diberi minuman. Air yang diminum mungkin divedok dari telaga atau sungai. Ia dituang ke dalam botol plastik yang dipotong bahagian atasnya. Air itu dirasa sungguh nyaman ketika mengalir melalui tekak masing-masing.

Sepinggian ubi kayu itu hampir selesai dikebas mereka berdua. Sesudah makan, Yusman dan Asmadi tersandar di tepi dinding pondok usang itu. Ketika itu Yusman bagaikan tersedar, mereka berada di sebuah pondok lelaki bertopeng yang tidak dikenali. Mereka bukan datang melancong. Mereka tersesat hingga ke situ kerana menjejaki makam Panglima Nayan.

Melihat mereka agak tenang, lelaki bertopeng itu mendongakkan kepala sambil memandang tepat ke wajah mereka. Cuaca di luar kian redup dan kegelapan kian menjelma.

Lelaki itu bangun dan mencapai sebatang lilin. Dia terus menyeluk saku seluar. Dikeluarkannya sebuah pemetik api lalu dinyalakan lilin itu.

Yusman dan Asmadi benar-benar terkejut. Lelaki itu boleh memiliki pemetik api dan lilin di tengah-tengah hutan belantara itu? Adakah dia juga pernah atau sering keluar ke kota? Rupa-rupanya cahaya api dari pelita itu atau bakaran yang lain hasil daripada pemetik api itulah yang pernah mereka lihat semalam dua yang lalu.

Lelaki itu tidak banyak bercakap. Sebaliknya jika sesekali berkata-kata, suaranya terdengar seperti orang yang cukup berperikemanusiaan. Nada suaranya rendah dan sayu saja kedengarannya.

Dia pasti bukan penjahat. Tapi kenapa dia perlu memakai topeng begitu? Kenapa dia tidak mahu mempamerkan rupa parasnya yang sebenar kepada mereka berdua? Mengapa mesti menyembunyikan wajahnya di dalam topeng yang menggerunkan itu?

Topeng itu bukan untuk orang baik-baik, fikir Asmadi. Kalau di layar perak, topeng itu cuma dipakai oleh perompak, penyamun atau penculik. Ia lambang kejahatan dan keganasan antarabangsa.

Lelaki ini benar-benar aneh. Dia memiliki segala keanehan yang amat ketara di tengah sebuah belantara bernama hutan Kepelu. Bagaimana dia boleh hidup seorang diri di tengah rimba begitu? Dan bagaimana pula dia mendapat bekalan pemetik api, bahan bakar, lilin. Dia memang manusia misteri.

Yusman sendiri kini terpanggil untuk mengetahui lebih mendalam mengenai lelaki itu. Sepanjang masa tadi, lelaki itu hanya berdiam diri. Dia hanya melihat gelagat dua orang muda yang tersesat masuk ke kawasannya asyik makan ubi kayu.

Yusman dan Asmadi mulanya memang terlalu gementar untuk berdepan dengan lelaki itu. Tapi aroma kemanusiaan lelaki itu cepat terhidu kepada mereka lalu mereka berasa seperti selamat berada di dalam pondok usang itu.

Masuk sudah, makan pun sudah. Sesudah sekian lama, mereka membawa hal masing-masing, tiba-tiba Yusman bersuara: “Maafkan kami tuan...kami sebenarnya tersesat ke sini...”

Lelaki itu merenung wajah mereka berdua. Dia masih tidak mengeluarkan sebarang kata-kata.

“Kami sebenarnya pengkaji sejarah... Kononnya di dalam hutan ini ada makam Panglima Nayan...” Belum sempat Yusman meneruskan, lelaki itu menyampuk: “Kamu sudah terangkan tadi!”

Yusman terdiam. Tidak disangka suara lelaki itu begitu tegas. Yusman pasti daya ingatan lelaki itu cukup kuat. Barangkali dia tidak mahu mendengar sesuatu kisah yang diceritakan berulang kali.

“Tuan...maafkan, kami tidak tahu adat di sini. Tuan ini siapa sebenarnya?” Tiba-tiba pula Asmadi mencelah.

Bedilan soalan itu menyebabkan lelaki itu mendongak dan membeliakkan matanya ke arah Asmadi. Waktu itu, Yusman mencuit paha Asmadi. Isyaratnya: “Jangan gelojoh dan celupar!” Dan wajah Asmadi sedikit berubah. Dia selalu terlajak dalam tindakan.

Lelaki itu menghembuskan nafas kuat seolah-olah mendengus. Tapi matanya masih tepat memandang Asmadi. Yusman amat bimbang kalau-kalau soalan itu menimbulkan kemarahan lelaki itu.

Beberapa waktu berlalu, lelaki itu tidak terus menjawab. Tapi dia masih menarik dan menghembus nafas beberapa kali. Yusman tidak sedap duduk dibuatnya. Berdepan dengan seorang lelaki bertopeng dalam sebuah pondok seusang itu di tengah hutan banat, Yusman kadang berasa seperti sedang diculik pengganas saja layaknya.

“Kenapa mahu tahu diri saya??” Tiba-tiba lelaki itu bertanya kembali. Soalan balas itu menjadikan Asmadi panik. Dia tidak dapat mencari jawapan segera kerana dia tidak menyangka lelaki itu akan bertanya demikian. Asmadi terkebil-kebil.

“Maaf tuan! Kami tidak bermaksud apa-apa...Maafkan kami. Kalau soalan kawan saya itu menyinggung perasaan... Kami tidak bermaksud apa-apa...” Yusman cepat-cepat menyulam penjelasan agar lelaki itu tidak tersalah anggap.

Seluruh isi pondok itu sunyi semula. Tiada suara yang kedengaran. Hanya api lilin itu terus menyala menerangi ruang yang sebesar pondok pengajian agama di kampung. Dalam kekeluan kata bicara itu, Yusman berasa perlu meminta pertolongan lelaki itu. “Kami cuma tersesat. Kalau boleh tuan beri pertolongan...”

“Tolong apa?” suara lelaki itu tetap tegas, garuk dan garau.

“Kami hanya mahu mencari jalan keluar. Itu saja. Itu saja tuan.”

Lelaki itu tidak menjawab. Sebaliknya dia cuma menyelukkan tangan kanannya ke dalam topeng, kemudian menggaru-garu di bahagian dagunya. Bunyinya berkeruk-keruk.

Dia terus diam. Sikapnya membingungkan Yusman. Lelaki itu tidak mahu berbicara banyak. Kalau bercakap hanya sepatah dua. Apa yang perlu saja diucapkannya. Asmadi pula, langsung tidak berani bersuara lagi. Anak muda itu kini dibelenggu kebimbangan. Dia takut terlajak cakap lagi.

Melihat sikap lelaki itu yang aneh, Yusman tidak begitu berani mengemukakan sebarang pertanyaan lain. Biarlah. Kalau dia sering bertanya, nanti lelaki itu tersalah mengerti. Dia tidak mahu disangka sebagai pengintip yang berpura-pura tersesat di hutan.

Tidak ada sebarang faedah baginya mahu menimbulkan syak wasangka begitu. Tujuan dia dan Asmadi menjelajahi hutan itu semata-mata kerana mahu menjejaki makam Panglima Nayan. Tidak ada tujuan lain daripada itu. Tapi bagaimana dia mahu menerangkan persoalan itu kepada lelaki berkenaan. Lelaki itu mungkin seorang yang memiliki 'rahsia' tersendiri hingga sanggup hidup seorang diri dalam belantara setebal itu. Dan kisah lelaki itu bukan menjadi matlamat mereka berdua.

Yusman kemudian mencapai begnya. Perbuatan itu menarik perhatian lelaki itu. "Apa itu?" Dia bertanya selamba.

“Beg. Saya mahu mengambil buku, buku tulis.” Lelaki itu diam lagi. Dan ketika Yusman menggagau tangannya ke dalam beg dia sedikit terkejut kerana kamera kecilnya tidak ada lagi di dalam beg itu.

Tapi dia tidak mahu bersuara langsung mengenai kehilangan itu. Biarlah ia hilang. Yusman sedar, kamera itu memang penting tapi ia mungkin boleh menimbulkan kemarahan lelaki itu. Lelaki itu pasti tidak menyukai kamera.

Sangkaan itu memang tepat. Ketika melihat beg itu, lelaki itu sendiri teringat bagaimana dia mengesan kamera di dalamnya dan kemudian menghumbankan kamera itu jauh-jauh ke tengah rimba itu. Kamera itu mungkin punca bahaya bagi orang seperti lelaki itu. Sewaktu mengambil buku catatannya, sehelai kertas keratan akhbar terkeluar dan terjatuh dari celah-celah buku itu.

“Apa itu?” Mata lelaki itu cepat menangkap keratan akhbar yang jatuh melayang ke lantai pondok.

“Ini keratan surat khabar.” Yusman terus memberikannya kepada lelaki itu.

Selepas melihatnya, lelaki itu berkata: “Kamu pengkaji sejarah?” Dia menyerahkan semula keratan akhbar yang memaparkan kisah Yusman dan Asmadi mahu mengadakan kembara sejarah

mencari makam Panglima Nayan di hutan Kepelu.

Yusman mengangguk-ngangguk kepala. Dia mendengar nada suara lelaki itu sudah berubah. Ada sedikit kelainannya dibandingkan dengan waktu awal tadi.

Sesudah membaca keratan akhbar itu, keraguannya terhadap mereka berdua mungkin semakin berkurangan. Mereka bukan pengintip. Tapi mereka hanya pengkaji sejarah.

Mulai saat itu, Yusman mula mengesyaki, lelaki itu mungkin seorang pelarian. Setakat itu dia tidak pasti dia pelarian dari mana. Mungkin dari kawasan yang bergolak di tanah seberang.

Tapi Yusman pasti lelaki itu bukan dari tanah seberang. Pelat pertuturan bahasanya Melayu jati. Dia orang sini, bisik hati kecilnya. Dari pelat pertuturannya, Yusman dapat mengagak, lelaki itu berasal dari selatan tanahair.

“Mana tahu makam Panglima Nayan ada di hutan ini?” Tiba-tiba lelaki itu bertanya. Kesempatan itu segera disambut Yusman dengan lapang dada.

“Ada beberapa penulis sejarah menyebut kisah ini. Tapi saya lebih cenderung pada penulis Buyong Ariff yang menyatakan sebelum meninggal, Panglima Nayan membawa diri ke kawasan

hutan Kepelu ini” Lelaki itu asyik mendengar.

Yusman meneruskan: “Panglima Nayan sebenarnya digelar *bandit* oleh penulis-penulis sejarah penjajah. Zamannya dulu memang Inggeris masih memerintah Tanah Melayu. Panglima Nayan merompak kekayaan yang dibolot penjajah untuk diberikan kepada orang Melayu yang hidup miskin dan melarat di kampung-kampung.”

Lelaki itu asyik sekali mendengar cerita sejarah Panglima Nayan. Dia kini bagaikan yakin Yusman dan Asmadi adalah dua pengkaji sejarah muda yang sanggup bergadai nyawa kerana mahu menjejaki makam seorang panglima Melayu yang sejarahnya cuba diputarbelitkan oleh orientalis Barat.

“Sebenarnya, banyak lagilah kisah-kisah Panglima Nayan yang sudah kami berdua kumpulkan. Sekiranya kami bertemu dengan makamnya di dalam hutan ini, kami kira itulah kemuncak kerjaya kami yang boleh dibukukan nanti.” Yusman terus bercerita.

“Hebat! Kamu berdua memang hebat!” Sekonyong-konyong lelaki itu bersuara. Dan kata-kata itu nampaknya menjadi sekeping sijil bagi Yusman dan Asmadi meneruskan kelangsungan

hidup dalam belantara itu untuk beberapa hari akan datang.

Lelaki itu mendongakkan mukanya. Dia memandang kepada Yusman. “Bagaimana kamu mahu mencari makam itu dalam hutan yang begini luas?”

Yusman berfikir seketika. Kemudian dia berkata: “Sebenarnya kami membawa bersama kami semua peralatan, peta, kompas dan lain-lain bagi memudahkan pencarian kami. Tapi semua peralatan dalam sebuah beg itu terjatuh ke dalam gaung sewaktu kami baru mula memasuki hutan ini.” Lelaki itu semakin meyakini mereka.

“Kawan kamu ini bagaimana?” Dia menundingkan telunjuk ke arah Asmadi. “Dia lebih muda daripada saya, tuan. Tanpa dia, kembara sejarah ini tidak mungkin saya lakukan seorang diri.” Yusman cepat-cepat mencelahkan penjelasan.

Asmadi berasa lega sekali. Dia tidak payah lagi membuka mulut. Asmadi amat bimbang dengan dirinya sendiri. Kalau membuka mulut, bimbang perkataannya tersentuh sensitiviti lelaki itu.

Malam baru merangkak tiba. Perbualan mereka dalam pondok itu semakin memberangsangkan. Lelaki itu bagaikan semakin yakin terhadap mereka. Tapi setakat itu, dia belum mahu membuka topeng.

Sesekali Asmadi pula teringin memberikan jawapan sendiri. Dia mungkin terpaksa memakai topeng kerana kecacatan wajahnya. Mungkin ada tragedi yang menimpa diri lelaki itu. Sekiranya cacat, kenapa dia mahu terus menyembunyikan wajahnya?

“Kamu!” Lelaki itu bagaikan menyedari apa yang difikirkan Asmadi yang sejak tadi mendiamkan diri.

Mendengar suara lelaki itu memanggilnya, Asmadi berasa dirinya ‘terangkat’ dari tempat duduk. “Kamu tak ada cerita?”

“Maaf tuan. Boleh saya bertanya?”

“Apa?”

“Gambar lama di celah dinding itu gambar siapa?” Asmadi bertanya selamba saja. Tidak disedarinya soalan itu mengembalikan sebuah nostalgia yang tidak tertanggung di dalam diri lelaki itu. Lelaki itu kelihatan menundukkan kepala. Tangannya meramas-ramas kepala yang diselubungi topeng.

Yusman mengangkat-ngangkat kepala sambil memandang Asmadi yang terkaku di tempat duduknya. Dia menyesal lagi. Kenapa semua soalnya selalu saja menjadi bedilan yang sensitif kepada lelaki itu? Mulut Asmadi kelu.

Lidahnyanya bagai terjerut ke dalam kerongkong. Yusman sendiri berasa tidak senang duduk. Hatinya berbisik: Asmadi, Asmadi...kenapa kamu suka mencari masalah?

Lelaki itu terus tunduk. Badannya seperti bergetar-getar. Apakah dia menangis? Asmadi menjadi lebih kalut. Yusman berasa lelaki ini memang aneh sekali. Dia terlalu banyak menyimpan rahsia. Emosinya mudah terganggu. Kalau emosinya sekeping kaca, ia mungkin sudah lama pecah berderai. Patutlah dia membawa diri ke tengah rimba belantara yang sunyi sepi.

11
Citra Di Sebalik Topeng


“**Tuan**, maafkan kami...Kami sebenarnya tidak bermaksud apa-apa. Kami cuma bertanya. Maafkan kami kalau pertanyaan kami menyentuh perasaan tuan.” Asmadi memberanikan diri dengan suaranya yang perlahan dan rendah sekali.

Lelaki itu masih tunduk. Sedunya sesekali berbunyi pilu. Sesekali tangannya dijolok ke dalam topeng untuk menyapu air mata dan menyeka hidung yang berair.

Detik waktu terus bergerak. Mereka tidak tahu entah jam berapa waktu itu. Yusman memerhati batang lilin yang tinggal separuh saja lagi. Sayup-sayup

di luar, Asmadi terdengar suara katak kuang yang berbunyi tidak putus-putus.

“Maafkan kami tuan.” Yusman turut merayu. Suaranya sendiri terlalu perlahan hingga hampir ditenggelami bunyi katak-katak kuang di luar.

Beberapa detik terus berlalu lagi. Sejurus kemudian lelaki itu mendongakkan mukanya yang masih bertopeng itu semula. Dia memandang tepat ke arah Yusman dan Asmadi. Mereka berasa gelabah.

Tiba-tiba dia bingkas bangun. Yusman dan Asmadi bertambah gusar. Lelaki itu melangkah ke tepi dinding. Sewaktu kakinya memijak lantai buluh itu, terdengar bunyi buluh yang bergeselan antara satu sama lain.

Lelaki itu mencapai gambar yang terselit di celah dinding buluh pondok. Kemudian dia melangkah ke depan Yusman dan Asmadi lalu memberikan gambar itu kepada mereka.

Yusman menyambut pemberian itu. Dia membelek-belek gambar itu di tepi cahaya lilin. Sesudah itu, Yusman memberikannya kepada Asmadi. Lama juga Asmadi merenung gambar itu. Mereka tidak mengenali wajah di dalam gambar yang sudah lusuh itu. Tapi tidak seorang pun antara mereka berdua yang berani bertanya lagi.

“Itu, sebenarnya itu gambar anakku, Sulai...man...” Ketika menyebut nama anaknya, ternyata lelaki itu menjadi sebak benar.

Tapi Yusman dan Asmadi tidak berani lagi bertanya apa-apa. Mereka bimbang pertanyaan masing-masing akan menjadi bebanan kepada lelaki itu.

Yusman tidak dapat mengagak berapa usia lelaki itu kerana wajahnya masih ditutup dengan topeng. Tapi daripada suara dan emosinya yang mudah terganggu, Yusman boleh mengagak – lelaki itu mungkin sudah berusia lebih 50 tahun.

Setakat itu mereka baru mengetahui gambar lusuh yang diselit di dinding pondok itu rupa-rupanya gambar anak lelaki bertopeng itu. Tapi apakah cerita sebenar di sebalik gambar anaknya yang bernama Sulaiman? Naluri ingin tahu Asmadi sebenarnya melonjak-lonjak semula. Tapi dia terpaksa mengawal diri dan perasaan dengan lebih cermat. Sudah berkali-kali tindakannya menimbulkan keresahan Yusman dan lelaki itu.

Sekarang dia terpaksa membina sikap baru lebih banyak bersabar. Biarkan lelaki itu sendiri yang memulakan segala-galanya. Asmadi tidak perlu mendesak. Lelaki itu sendiri mungkin merasa bertuah kerana menemui mereka. Mungkin lelaki

itu sudah tidak tertahan lagi membendung dan menanggung segala penderitaan di dalam jiwa sendiri.

Dia tentu memerlukan seseorang untuk bercerita. Sekian lama, dia mungkin hidup bersendirian. Lelaki itu nampaknya benar-benar memerlukan seseorang untuk meluahkan seluruh isi hatinya.

“Itu gambar anakku...Sulaiman.” Lelaki itu menyebut lagi nama anaknya. Kemudian dia memandang ke arah Yusman dan Asmadi, “Semuanya sudah menjadi abu...semuanya hanya mimpi..”katanya.

Yusman dan Asmadi tidak mengerti. Mereka bingung. Apakah sebenarnya yang mahu diceritakan oleh lelaki itu? Mungkinkah dia tidak begitu siuman? Perasaan bimbang menjalar dalam tubuh dua orang muda itu. Tapi mereka hanya diam. Tidak berani menyampuk walau sepetah kata pun. Biarkan saja dia yang bercakap. Itu lebih mudah. Lebih selesa.

“Anakku Sulaiman...” Lelaki itu menyebut lagi nama anaknya. Hati Asmadi menggerutu. Pantang sekali dia kalau orang bercerita tersekat-sekat begitu. Kenapa tidak diteruskan saja. Tapi dia terlupa soal emosi manusia. Lelaki itu mungkin

sedang dibelit emosi dan kenangan silam yang terlalu mengesankan.

“Anakku Sulaiman...Dia sudah tidak ada lagi di dunia ini...” seiring kata-kata itu, lelaki itu sekali lagi menjadi sebak.

“Sabar tuan...” Yusman cuba memujuk. Tapi sekadar itu saja. Yusman tidak berani menokok tambah pujukannya. Dia bimbang kata-katanya akan lebih menyentuh perasaan lelaki itu.

Asmadi terus membelek-belek gambar lusuh itu. Dia sengaja berbuat demikian. Tujuannya semata-mata mahu lelaki itu terus meluahkan segala yang tersimpan dalam hatinya. Melihat gambar itu terus dipegang oleh Asmadi, lelaki itu teringat perisitwa itu.

“Segalanya sudah berlalu. Semuanya hanya mimpi...” Yusman dan Asmadi hanya memasang telinga.

“Dosaku mungkin terlalu banyak. Ampunilah aku ya Tuhan...” Lelaki itu tersedu lagi.

Yusman dan Asmadi melihat aksi itu seperti sebuah lakonan drama. Mereka terpinga-pinga. Apa sebenarnya yang telah berlaku terhadap lelaki itu? Jiwa mereka sendiri kini teronta-ronta ingin tahu. Tapi mereka bagaikan sudah memahami tabiat lelaki itu. Jangan ditanya apa pun soalan. Biarkan dia sendiri yang bercerita.

Sejurus sesudah sedunya reda, lelaki itu berkata: “Suatu ketika dulu, aku seorang ahli akademik yang baik di sebuah pusat pengajian tinggi.”

Dahi Yusman dan Asmadi semakin berkerut. Lelaki itu mungkin seorang profesor? Pensyarah? Ah, siapa dia sebenarnya? Mereka tidak boleh tahu segala-galanya.

“Aku bukan Panglima Nayan yang kamu cari. Aku hanya seorang ahli akademik biasa. Cuma, aku pernah dikenali sebagai seorang pakar dalam bidang sains, fizik dan kimia.”

“Kepakaranku itu menyebabkan aku sering dijemput ke luar negara. Terakhir sekali, kira-kira empat tahun dulu, aku dijemput menyampaikan syarahan sains dan teknologi di sebuah negara di Timur Tengah.”

Yusman dan Asmadi terasa diri mereka seperti terapung-apung di awang-awangan. Bolehkah mereka percaya di tengah belantara seperti itu ada pendeta sehebat itu yang berbicara mengenai sains dan teknologi di peringkat antarabangsa? Dan lebih hebat, dia yang bercerita itu adalah seorang lelaki Melayu dalam sebuah pondok usang di tengah hutan Kepelu?

Yusman terfikir, kisah ini sudah semestinya terlalu hebat. Lebih hebat daripada kisah Panglima

Nayan. Dan kehebatan itu mungkin sukar dipercayai oleh khalayak ramai di seluruh negara. Kisah ini bukan kisah sejarah. Tapi ia sedang melorek sejarah bangsa dan negara untuk generasi akan datang.

“Segalanya bermula ketika aku berada di Timur Tengah.” Lelaki itu terus bercerita, “Di sana aku dibawa menemui beberapa tokoh besar. Merekalah yang bertanggungjawab menukar jalan fikiranku...dari hanya ahli akademik biasa kepada seorang yang menanam sebuah matlamat suci.”

Tangannya dimasukkan ke dalam topeng itu semula. Terdengar berkeruk-keruk dia menggaru wajahnya di dalam topeng. Mungkin wajahnya sudah dirosakkan oleh segala jenis penyakit kulit.

“Selepas kembali dari Timur Tengah, aku bukan lagi ahli akademik biasa seperti dulu. Tapi aku telah bertukar menjadi seorang pakar...pakar ilmu yang dianugerahkan Tuhan kepadaku.

Aku terpengaruh kepada ajaran seorang alim di Timur Tengah. Segala ilmu yang dimiliki manusia hakikatnya adalah milik Allah. Manusia hanyalah meminjam...

Jatuh berdosa hukumnya seorang pakar sepertiku jika tidak menyertai sebuah harakah

dalam perjuangan yang dipanggil 'Jihad'. Apakah seorang pakar sepertiku lakukan ketika bumi Palestine sedang dimusnahkan oleh al-kafirun? Aku berdosa jika tidak menggunakan segala teori kepakaranku untuk perjuangan itu.

Aku pernah bertanya diriku sendiri: Jika aku turuti harapan mereka yang rapat denganku ketika di Timur Tengah, apakah jalan baru yang akan kupilih nanti itu merupakan jalan ke syurga atau panggilan ke neraka?

Ketika keraguan mula bertunas, mereka yang kutemui segera menyatakan kepadaku: Orang yang berjihad bukan penganas. Istilah penganas hanyalah rekaan Barat dan seluruh keparat imperialisme.

Orang yang sanggup membunuh diri dan megebom orang yang tidak mereka kenali atas nama jihad mesti percaya apa yang mereka lakukan tidak sia-sia kerana ia akan diganjar dengan mati syahid serta bidadari dari syurga..."

Sampai ke tahap itu, Asm0adi terasa tekaknya meloya. Terasa seperti ada angin yang menumbuk-numbuk dadanya dari dalam. Sesekali mulutnya terbuka seperti mahu menghamburkan muntah.

"Eh, kenapa Madi.."

Asmadi tidak bersuara. Hanya bunyi "wekkk!!"

terbit daripada mulutnya. Tapi tiada sesuatu yang keluar daripada mulut Asmadi. Lelaki itu segera bangun. Dia melangkah keluar. Seketika dia masuk kembali ke pondok membawa sehelai daun limau purut. Daun itu dipatah-patahkan dan dilayur ke hidung Asmadi. Aroma daun itu yang menyerap ke dalam tubuh memberikan kelegaan kepada orang muda itu.

Melihat Asmadi kian stabil semula, lelaki itu mula berbicara kembali “Aku telah berubah. Sesudah kembali dari Timur Tengah, aku bukan lagi seorang pembicara teori fizik. Tapi aku menjadi pengguna semua teori itu. Akhirnya aku benar-benar menjadi seorang pakar letupan yang terkenal...di seluruh Asia Tenggara...dan mungkin di Asia...dan seluruh dunia, mungkin...” Dia berhenti seketika.

Beberapa saat selepas itu, terdengar guruh berdentum di langit. Hari mungkin sudah jauh malam. Terdengar juga kilat berdesing-desing. Tapi hujan belum kedengaran jatuh ke bumbung atap nipah di pondok itu.

“Boleh aku teruskan?” Lelaki itu merenung ke wajah Yusman.

“Silakan tuan!”

“Akhirnya aku telah termasuk ke dalam kumpulan setiakawan jihad antarabangsa. Kamu

tentu pernah mendengar insiden pengeboman berani mati di lebih 25 negara di seluruh dunia...

Afghanistan, Algeria, Argentina, Chechnya, China....mana lagi? Columbia, Croatia, Mesir, India, Indonesia, Iraq, Israel, Kenya, Kuwait, Lebanon, Maghribi...

Mana lagi? Pakistan, Palestine, Panama, Filipina, Qatar, Rusia, Arab Saudi, Sri Lanka, Tanzania, Tunisia, Turki, Britain, Uzbekistan, Yaman, Amerika Syarikat - semuanya pernah dilanda pengeboman berani mati...jihad.”

“Tuan...” Tiba-tiba Yusman mencelah.

“Aaaak?” Lelaki itu mencangak ke arah Yusman.

“Maaf tuan...bagaimana anak isteri tuan...?”

“Nanti. Akan kuceritakan. Selepas balik dari Timur Tengah, aku berubah sama sekali. Sebelum itu, aku juga mengasihi anak dan isteri, keluargaku. Tapi sesudah itu, aku menjadi manusia asing. Aku hanya berfikir tentang jihad...”

Jihad itu bererti mati. Kematian pasti datang. Tapi soalnya, bagaimana cara untuk mati. Mati yang mendapat keredhaan Allah atau mati dalam kerugian?

Orang di Timur Tengah berpesan: Lakukan jihad kerana takut akan ancaman Tuhan. Justeru, aku juga mahu mati syahid kerana mati cara itu adalah mati paling mulia.

Orang di Timur Tengah juga berpesan: Jangan hanya mementingkan dunia. Tapi berjihadlah. Mereka juga katakan, apabila aku mati syahid, bererti aku akan membawa 70 keluargaku ke syurga. Sebelum ke Timur Tengah, aku hanya seorang pemburu pendidikan dunia. Aku memang pakar sains, fizik dan teknologi. Ketika bersama rakan-rakan cendekiawan sufi di Timur Tengah, kurasa jiwaku terlalu kosong....

Merekalah yang bertanggungjawab memenuhi kekosongan jiwaku itu hingga akhirnya aku kembali sebagai manusia baru. Aku melihat kehidupan ini dari dimensi yang berbeza. Aku tinggalkan anak dan isteri, rumah tangga, kampung halaman dan pekerjaanku di pusat pengajian tinggi...semata-mata untuk berjihad.

Sejak itu aku tidak pernah mengambil tahu apakah yang berlaku di rumahku. Tapi aku turut bersama perjuangan jihad bersama-sama rakan-rakan baru di tanah seberang.

Kamu berdua mungkin pernah mendengar berapa ramai pelancong yang terbunuh di sebuah pulau di tanah seberang? Ketika menyertai misi itu, aku masih ingat...

Beberapa tahun lalu, aku masih muda. Aku menggunakan peralatan yang dibekalkan oleh

rakan-rakan dalam kumpulan. Entah dari mana mereka mendapatkan segala bekalan peralatan, aku kurang periksa. Aku juga tidak peduli semua itu. Apa yang perlu bagiku hanya mengadunkan peralatan itu untuk dijadikan beberapa butir alat letupan yang mampu membunuh beratus-ratus manusia lain. Aku masih ingat. Dalam misi di pulau itu, hampir 30 orang asing terbunuh. Semuanya menggunakan bahan letupan buatanku. Malang di situ, seorang rakan kami ditangkap oleh pihak yang berkuasa. Aku dan beberapa rakan lain menjadi risau.

Tapi esoknya aku mendapat bekalan akhbar yang memaparkan berita tangkapan rakanku itu. Aku merasa amat lega bila terbaca komentar rakanku yang berbunyi kira-kira begini:

“Sekarang saya sudah berada di syurga jannah.” Aku bangga kerana rakanku itu tetap setia pada kepercayaan jihadnya. Malang juga, seorang rakanku yang lain terpenggal kepalanya dalam aksi pengeboman di sebuah pusat pelancongan. Seorang kawanku yang lain pernah menyatakan seseorang yang mati syahid itu berada dalam perut burung hijau yang terbang di jannah.

Aku sendiri tidak pasti dari mana semua ajaran itu diperolehi. Tapi aku berasa seperti terpukau

saja dengan ajakan untuk berjihad. Apa lagi selama hidupku, aku hanya mengenali fizik, kimia, sains dan teknologi.

Aku tahu ada beberapa ulama menyatakan pengebom berani mati seperti yang kami lakukan itu keliru dan ajakan kami untuk berjihad juga salah tempat kerana majoriti rakyat tempat kerja jihad dijalankan itu beragama Islam.

Sebelum ke Timur Tengah dulu, jiwaku kosong. Tapi selepas berada di sana beberapa bulan, berdamping dengan kumpulan itu, aku berasa jiwaku seperti terisi kembali. Kamu fikirkan. Kalau kamu sendiri, mudahkah mahu meninggalkan jawatan tinggi? Gaji puluhan ribu? Segala kemewahan dunia? Sanggupkah kamu berjihad sepertiku?" Suaranya sedikit tinggi dan garang. Mungkin semangat "*jihad*" yang pernah diturunkan oleh rakan-rakan sekumpulannya di timur tengah dulu muncul semula dalam dirinya sekarang.

Gaya dia bertutur dan berbahasa masih bertenaga. Memang memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang berpendidikan tinggi. Memang gaya bicaranya bukan sebarangan.

Yusman dan Asmadi akur kepada kebolehan tinggi lelaki itu. Tapi mereka tidak mengerti kenapa

seorang yang berilmu seperti itu sanggup mencari kemusnahan untuk orang lain dan diri sendiri?

Lelaki itu mungkin tidak sedar di luar sana, ramai manusia sebangsa dan seagama dengannya yang tidak berdosa sedang menderita kerana dilabel sebagai penganas. Yusman terfikir, sedarkah lelaki itu Barat telah dan sedang mengambil kesempatan untuk memomokkan masyarakat dunia dengan perilaku keganasan yang berleluasa sekarang sebagai salah satu daripada ajaran Islam? Disebabkan perilaku ini juga, kini timbul istilah “*islamphobia*” di kalangan masyarakat bukan Islam.

Asmadi pula begitu gemar memikirkan soal-soal yang terlalu mendalam. Baginya, kisah lelaki itu kadang membuai-buai perasaan dan fikirannya hingga ke peringkat hampir meloyakan tekak.

Lelaki itu bangun lagi. Dia mengambil sedikit air dalam sebuah bekas plastik. Diminumnya tanpa menanggalkan topeng di muka. Belum habis air diminum, dia terbatuk-batuk kecil. Lelaki itu melangkah ke tingkap. Dia menolak sedikit tingkap pondok dan membuka bahagian bawah topeng untuk meludah liur keluar. Kemudian dia kembali bersila di depan Yusman dan Asmadi.

“Aku tidak begitu pasti kenapa aku boleh berubah

secara drastik selepas balik dari timur tengah. Tapi kejadian itu...peristiwa itu...telah mengubah semula diriku hingga aku menjadi seperti sekarang.” Katanya perlahan-lahan. Sepi malam terus melanda. Guruh yang tadi berdentuman tidak lagi bergema. Hujan tetap tidak turun. Lilin di depan mereka semakin pendek. Dengan suara yang gementar, lelaki itu terus menyorot kembali peristiwa silam.

12

Aku Pengganas



*S*elepas menyampaikan kuliah di universiti hampir tujuh atau lapan tahun lalu, aku dipelawa seorang ahli fikir asing untuk menyertai suatu seminar di Timur Tengah.

Mulanya aku malas menyertai seminar itu. Selama aku di universiti, aku sudah terlalu banyak berseminar. Keluar negara juga, tidak pernah henti-henti.

Tapi ahli fikir asing itu menyatakan mereka amat menghargai penyertaan orang sepertiku yang memiliki keupayaan tinggi dalam ilmu fizik dan kimia.

Aku bertanya dia dari mana dia mengetahui data peribadiku. Katanya, ah siapa tidak kenal saudara. Nama saudara cukup terkenal di kalangan ahli akademik di luar negara, bahkan hingga ke Timur Tengah juga.

Aku tidak pernah menyangka diriku dikenali sampai ke Timur Tengah. Aku seorang lulusan dari negara barat. Bagaimana namaku boleh muncul di Timur Tengah. Ini yang aku tidak begitu pasti.

Tapi aku tidak mahu membuang terlalu banyak masa memikirkan soal remeh temeh itu. Ahli fikir itu terus mengajakku menyertai Seminar Kemanusiaan Sejagat yang dianjurkan oleh sebuah badan di Timur Tengah.

“Saudara bisa memberikan sumbangan yang cukup besar kepada perjuangan kemanusiaan....” katanya.

Aku masih tidak berminat kerana kerja-kerjaku di bilik kuliah terlalu banyak. Tapi dia terus memujukku. “Saya kira saudara tidak boleh menolak lagi buat kali ini. Saya menjangka bapa presiden panitia sendiri akan menyambut ketibaan saudara di lapangan terbang di sana nanti.”

Aku kalah dengan kesungguhan ahli fikir itu. Lalu aku beritahu pada anak isteri mahu ke Timur Tengah beberapa hari lamanya. Mereka juga

tidak pernah ragu pada diriku kerana bukan itu kali pertama aku keluar negara. Tapi rutin diriku itu sudah menjadi kebiasaan kepada anak-anak dan isteri.

Aku masih ingat anak sulungku, Sulaiman, yang waktu itu sedang merancang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Kesusasteraan Multimedia di sebuah universiti di Kota Seberang berkata kepadaku, “Ayah seharusnya menghadiri seminar di Timur Tengah itu kerana ia adalah untuk kemanusiaan sejagat. Ayah lihatlah dunia kita sekarang... kemanusiaan semakin pupus di mana-mana.”

Anakku Sulaiman...dia satu-satunya anak lelaki dan abang kepada dua anak perempuanku yang lain, memang anak yang hebat sekali. Aku kagum dengan keupayaannya menguliti kesusasteraan bangsa sendiri meskipun aku sebenarnya buta sastera kerana aku dicampakkan ke dunia fizik dan kimia sejak awal.

Kekagumanku kepada Sulaiman meningkat tinggi apabila dia menyatakan mahu melanjutkan pengajian dalam bidang Kesusasteraan Multimedia.

“Mana ada bidang seperti itu?” Aku katakan kepada anakku itu kerana aku sendiri tidak pernah mendengar jurusan yang mahu diambilnya. “Ada ayah...tapi hanya di sebuah universiti saja di dunia ini.

Universiti Nusantara di Kota Seberang sana, ayah.” Aku kagum dengan kemahuan kuat Sulaiman yang ingin mempopularkan semula kesusasteraan bangsanya di tengah kehangatan sains dan teknologi yang disebut di merata-rata dunia hingga hampir semua insan di bumi ini menjadi kaku dan beku.

Sulaiman, anakku. Dia masih terlalu muda. Tapi fikirannya mungkin mencecah Utopia pemikiran seni yang cukup asli. Sayang, anakku Sulaiman...”

Lelaki itu menyedut nafas yang dalam sekali. Dia mungkin terkenang wajah anaknya yang tertera dalam gambar lusuh yang diselit pada celah dinding buluh pondok itu.

Mata Yusman dan Asmadi terus terbuka luas. Tiada riak mengantuk yang menghinggapi mereka meskipun yang dimakan hanya ubi kayu dan air sejuk.

Pada Yusman, kisah lelaki itu lebih hebat daripada kisah Panglima Nayan. Ia lagenda yang masih hidup dan bergerak. Tapi siapa mahu percaya ada seorang lelaki sehebat itu di tengah hutan belantara itu?

Yusman tidak peduli. Apa yang penting dia dan Asmadi sedang melalui suatu adegan hidup yang bukan kepalang hebatnya. Lelaki itu sudah pasti lebih hebat daripada Panglima Nayan.

“Tuan!...Tuan...!” Yusman cuba memanggil lelaki itu beberapa kali setelah dilihat dia hanya tunduk dan berdiam diri seperti orang tertidur layaknya. “Barangkali dia tertidur...,” ujar Asmadi.

Seketika kemudian lelaki itu bersuara kembali: “Maafkan, kepalaku pening sikit. Tapi sekarang sudah baik...di mana aku tadi?”

“Sulaiman...tuan,” kata Yusman.

“Anakku Sulaiman...aku ke Timur Tengah selepas dia meminta aku ke sana.” Dia memicit-micit kepalanya, “Di Timur Tengah aku memang menghadiri seminar itu dan ada kertas kerja yang aku sampaikan mengenai *Kemanusiaan Sejagat*.”

Tapi selepas beberapa hari seminar itu tamat, aku dibawa melawat beberapa tokoh jihad di Timur Tengah. Setiap kali aku temui mereka, fikiranku benar-benar tergugah. Aku diberi pengertian jihad yang berbeza daripada apa yang pernah aku dengar diperkatakan oleh penceramah di negara ini yang biasanya lembut dan berkisar pada soal yang serupa.

Di sana segalanya berbeza sekali. Mereka tunjukkan kepadaku bagaimana umat kita dianiaya dan dibunuh. Bumi kita dirampas tanpa sekat. Tapi mereka tidak pernah dikatakan kejam atau zalim sedang kita yang menuntut kembali hak dan kebenaran sentiasa dituduh radikal.

Saat itu Yusman dan Asmadi baru makin merasai sesuatu. Rupa-rupanya mereka bagaikan terjebak dalam pondok seorang lelaki yang dikatakan “pengganas”. Hati mereka berdua mulai kecut. Patutlah dia memakai topeng. Patutlah dia sanggup hidup di tengah belantara itu “

Aku bukan terpengaruh dengan orang Timur Tengah. Tapi apa yang aku lihat...segala kezaliman terhadap umat kita. Aku terfikir masa itu, kenapa tidak kepakaranku disumbangkan untuk berjihad bersama mereka?

Orang Barat memang mengatakan aku pengganas. Tapi aku bukan pengganas. Aku hanya memperjuangkan keadilan. Mengapa apabila mereka membunuh, mereka dikatakan melakukan tindakan itu kerana mahu menegakkan keadilan? Mengapa apabila kita menuntut bela di atas kematian saudara kita lalu membunuh mereka kembali, kita dikatakan pengganas? Mengapa?

Aku terlalu pilu apabila rakan-rakan di Timur Tengah merayu kepadaku agar kepakaranku disumbangkan untuk jihad. Akhirnya aku memutuskan untuk meninggalkan segala kemewahan dunia ini. Aku sanggup bersama mereka.

Lelaki itu berhenti. Dia memicit-micit kepalanya lagi. Beberapa ketika kemudian, lelaki itu menyambung lagi.

Selepas seminar itu, fikiranku semakin berubah. Entah kenapa ketakutanku selama ini hilang dan aku akhirnya meninggalkan universiti dan anak-anak dan isteriku untuk berjihad di Tanah Seberang.

Lokasi Tanah Seberang bukan pilihanku sebenarnya. Ia dipilih buatku oleh barisan atasan kumpulan jihad di Timur Tengah yang hingga sekarang aku tidak tahu di mana pejabat operasinya.

Mereka merasakan aku layak menjadi ketua kumpulan itu di Tenggara Asia. Kamu tahu, aku dan rakan-rakan pernah menyeludup masuk ke Tanah Seberang bahan-bahan letupan yang boleh digunakan untuk membuat bom.

Satu ketika hampir tiga tan bahan *amunium nitrat* yang kami bawa dalam sebuah kereta untuk ke rumah banglo yang kami sewa di satu wilayah di Tanah Seberang dirampas oleh tentera.

Beberapa rakan kami ditahan. Tapi aku bernasib baik dapat meloloskan diri. Bahan kimia itu memang boleh dibeli secara sah di Tanah Seberang tapi bila kami membelinya begitu banyak, pihak berkuasa di Tanah Seberang mengesyaki sesuatu. Lalu kenderaan dan rakan-rakan kami ditahan.

Kami tahu, dengan *amunium nitrat* aku telah membina beberapa bahan letupan dan beberapa

rakanku yang sanggup berjihad menggunakan bahan itu di beberapa pusat pelancongan.

Kamu pernah dengar bukan? Dua tahun lalu, berpuluh orang asing terbunuh dalam serangan bom bunuh diri di sebuah hotel di Tanah Seberang? Rakan-rakan di timur tengah tahu aku juga boleh membina bahan letupan dengan bahan-bahan yang mengandungi *potasium klorida* dan *amunium nitrat* yang mudah diperolehi di Tenggara Asia.

Aku disanjung oleh rakan-rakan di seluruh nusantara dan di seluruh dunia kerana kepakaranku membina bahan letupan. Setiap kali bahan-bahan yang aku bina itu diletupkan, ratusan atau ribuan jiwa manusia asing bergelimpangan di kota-kota besar di Tanah Seberang dan di kota-kota lain juga, ada yang menggunakan kepakaranku. Ketika aku sedang asyik membina bahan-bahan letupan, aku pernah bertemu seorang ustaz di Tanah Seberang. Aku tidak tahu kenapa ustaz itu terlalu sinis melihatku. Dalam perbualan kami, ustaz itu pernah menyatakan:

“Radikalisme agama pada umumnya berakhir dengan kegagalan, apa lagi jika falsafah yang digunakan adalah kebencian dan fanatisme. Merempuh jalan radikal sama maknanya dengan harakiri.”

Ustaz itu banyak mengeluarkan ayat itu ayat ini. Aku bukan tidak percaya. Tapi hidup ini mesti praktikal sifatnya. Kita tidak boleh terlalu banyak berteori. Dulu aku sendiri begitu, banyak berteori. Dunia tidak hanya wujud kerana teori semata-mata. Praktikal itu penting.

Kenapa apabila mereka membunuh, halal. Kenapa apabila kita membunuh kembali, haram? Di mana keadilannya? Cuba kamu beritahu.

Yusman terkulat-kulat memandang lelaki atau tokoh yang bertopeng itu. Asmadi langsung hanyut dalam lautan kata bicara lelaki itu. Kekadang Asmadi sampai ke peringkat tidak mengerti apa yang diperkatakan lelaki itu.

Terlintas dalam fikiran Yusman beberapa persoalan yang ingin disebut kepada lelaki itu. Tapi dia tidak berani meluapkannya. Takut nanti lelaki itu merasa tercabar.

“Kenapa kamu tidak menjawab soalanku?” Lelaki itu menuding telunjuknya ke arah Yusman.

Persoalan yang ditimbulkan lelaki itu terlalu hebat tetapi amat sensitif dan terlalu negatif bagi Yusman. Tapi Yusman merasakan waktunya tidak kena kalau mahu berdebat pada saat itu. Hari sudah terlalu jauh malam. Dan dia serta Asmadi boleh dikatakan sedang “berdagang” di pondok itu.

Lelaki itu nampaknya semakin ‘garang’ menjelang dinihari. Yusman merasakan perasaan lelaki itu perlu ditenteramkan semula.

Lalu dia berpura-pura menguap beberapa kali. Sebaik-baik melihat Yusman menguap, mata Asmadi juga mula merasa berketat-kelat mengantuk.

“Kamu sudah mengantuk rupanya,” kata lelaki itu, “Tapi tidakkah esok kamu mahu mencari jalan keluar dari hutan ini?”

“Ya. .ya. .Tuan” hampir serentak Yusman dan Asmadi mengeluarkan kata-kata.

Lelaki itu tersenyum sendirian di dalam topeng. Dilihat mata dua anak muda itu kembali segar. Mereka tentu tidak mengantuk kalau mendengar kata-kata “mencari jalan keluar dari hutan ini”.

“Betulkah kamu mahu balik?” Dia cuba menguji mereka.

“Ya, tuan.” Sahut Asmadi cepat sekali.

“Kamu bagaimana?” Dia menoleh kepada Yusman.

“Saya juga tuan. Cukuplah beberapa hari ini dulu di dalam hutan ini. Nanti kalau ada kemampuan, kami datang lagi.”

“Huh, kamu fikir di sini tempat melancong..?”

Mereka berdua terdiam. Memang lelaki ini seorang yang amat sensitif. “Aku boleh bantu

kamu mencari jalan pulang, tapi sesudah pulang, kamu mungkin tidak akan berjumpa jalan ke sini lagi? katanya tegas.

Yusman dan Asmadi terdiam lagi. Mereka tidak tahu apa yang patut diucapkan. Lelaki itu bagaikan yakin sekali dengan kata-katanya.

Mereka sendiri mengakui: Terlalu sukar untuk sampai ke situ. Dan kehadiran mereka di situ hanyalah kerana takdir semata-mata.

Panglima Nayan, entah di mana makamnya. Lelaki itu pun tidak pernah menyebut kisah makam panglima itu. Dia mungkin tahu atau sekurang-kurangnya pernah mendengar nama Panglima Nayan. Tapi bagi orang seperti lelaki itu, Panglima Nayan mungkin suatu nama yang terlalu kecil. Dia pernah menyertai kumpulan jihad antarabangsa. Kisah Panglima Nayan hanya sekelumit citra silam saja baginya.

Terlalu banyak persoalan yang melintasi fikiran Yusman dan Asmadi. Mereka kekadang pening memikirkan penemuan 'ajaib' yang tidak pernah diduga atau dirancang untuk mencarinya.

Kembara sejarah mereka kini bertukar menjadi kembara penuh 'rahsia'. Siapa mahu percaya di tengah hutan banat itu, ada seorang cendekiawan sedang mengejar sebuah pelangi hidup.

“Ilmunya terlalu tinggi. Orang ini pasti satu-satunya *genius* Melayu. Tapi tentunya dia sesat...sesat hingga sekarang di dalam hutan yang tebal ini. Apa yang dicarinya kalau sisa-sisa hidup dihabiskan dalam belantara ini.

Yusman terseksa seketika dihujani lintasan pemikiran itu. “Bagaimana orang sepertinya boleh jadi begini?”

Sakit kepala Yusman memikirkannya. Asmadi sudah tidak boleh bertahan lagi. Mulutnya terbuka dan tertutup berkali-kali. Menguap dan menguap. Mata lelaki itu meneliti keadaan diri Asmadi. Dia tidak mahu menyakat atau mengganggu orang muda itu. Biarkan dia. Seketika lagi, Asmadi terlentok di tepi dinding buluh.

“Kamu juga mengantuk lagi?” Lelaki itu bertanya Yusman.

“Tidak, tidak, tuan,” Yusman memaksa dirinya supaya tidak tertidur seperti Asmadi.

“Kamu mungkin tidak berminat mendengar kisah orang sepertiku” lelaki itu menikam soalan yang boleh memaksa Yusman berfikir.

Sepantas kilat dia terus menjawab, “Kisah tuan cukup dahsyat. Kami tidak pernah menduga akan bertemu tuan....cuma...cuma...maafkan saya..”

“Apa dia?”

“Kalau saya boleh bertanya...?”

“Apa dia?” Suara lelaki itu sedikit tinggi.

“Di manakah keluarga tuan berada sekarang?
Anak tuan, Sulaiman...”

Belum sempat soalan itu dihabiskan, terdengar nafas lelaki itu ditarik ke dalam dan dihembus keluar begitu panjang sekali. Yusman menjadi gusar. “Maaf tuan...saya cuma bertanya...”

“Tak mengapa...” Lelaki itu menghembuskan nafasnya yang berjela-jela. Di fikirannya terbayang suatu peristiwa silam yang meninggalkan titik hitam dalam sebuah kehidupannya.

13
Anakku Sulaiman



Seorang lelaki itu masih ingat, pagi Jumaat itu cerah sekali. Dia dan dua rakannya tiba di perkarangan sebuah kompleks membeli belah di tengah Kota Seberang dengan sebuah kereta.

Dia sendiri yang memandu kereta itu. Selepas memasuki kawasan tempat meletak kereta, mereka terus keluar dan berdiri di depan bangunan kompleks yang tersergam indah itu.

Ketika itu keadaan di kawasan kompleks berkenaan belum sibuk. Namun keadaan di sekelilingnya ternyata nyaman dan selesa. Sekitar kawasan itu juga dihiasi pohon-pohon yang

ditanam begitu teratur, berbaris dan berbondong-bondong, cantik dan indah sekali.

Itulah antara kompleks membeli belah terbesar di Kota Seberang. Ia jadi tumpuan pelancong dari seluruh dunia. Beberapa hari sebelumnya, lelaki itu sudah menyiapkan plan tindakan yang dirancang sejak beberapa minggu lalu untuk dilaksanakan di kawasan kompleks itu.

Dan setakat itu segalanya berjalan lancar. Dua rakan yang berada di sisinya itu merelakan diri untuk melakukan suatu tindakan yang mereka namakan 'jihad'.

Berhari-hari sebelum itu, dua rakan itu tidak ada kerja lain, selain daripada melakukan pelbagai solat. Mereka asyik menangis dan bertaubat tidak berhenti-henti.

Itulah saat-saat yang bagi mereka paling istimewa. Mereka berzikir. Beratib tanpa henti. Makan dan minum pun hampir tidak dijamah. Kekadang dalam keadaan itu, khayalan mereka hilang 'ghaib' dan ghuyub entah ke alam mana.

Saat-saat yang mereka anggap 'suci' begitu, mereka merasakan seperti diri berada di syurga. Lintasan 'syurga' juga berlegar-legar dalam mata hati mereka.

“Perjuangan ini untuk menebus maruah umat kita...percayalah anda semua akan berada di syurga selepas melakukan pengorbanan ini untuk kebangkitan umat kita.” Lelaki itu masih ingat pada suatu sesi pertemuannya dengan seorang alim di Timur Tengah.

Dia masih ingat kata-kata tokoh yang alim di Timur Tengah itu, “Ilmu apa pun tidak berguna, kecuali digunakan untuk mengembalikan umat kita.”

Seruan itu meresap ke dalam urat sarafnya. Seruan itu bagaikan mengingatkan dirinya tentang ilmu yang dimilikinya. Selama ini ia masih tidak digunakan untuk mengembalikan maruah umat.

Seruan itu melekat kukuh dalam seluruh urat saraf tubuhnya. Ia menjadi satu landasan perjuangannya yang baru. Dunia, kata alim yang ditemuinya, hanya sementara. Ia bukan sesuatu yang kekal. Ilmu apa sekalipun jika tidak digunakan untuk perjuangan umat, hanya sia-sia belaka.

Setiap hari selama beberapa bulan selepas dia menyertai Seminar Kemanusiaan Sejagat di Timur Tengah dulu dia sentiasa diasak dengan peringatan tentang kepentingan ilmu untuk kebangkitan umat. Semua ilmu hanya perhiasan dunia jika ia tidak digunakan ke jalan kebangkitan umat.

Itulah ilmu tambahan yang baru dibawa pulang selepas dia menyertai Seminar Kemanusiaan Sejagat. Dan itulah ilmu yang disulamkan ke dalam pemikiran rakan-rakan yang sedang bersamanya sekarang. Mereka juga tidak lagi membazirkan waktu dengan segala ilmu dunia yang tidak bermakna langsung. Mereka tidak lagi melihat rumah besar, kereta besar, gedung perniagaan besar dan segala-gala yang besar di dunia ini sebagai sesuatu yang berguna.

Semua tidak ada maknanya lagi bagi mereka. Apa makna segala kemewahan dunia ini? Ia hanya pinjaman sementara sedang yang kekal abadi itu hanyalah segala amalan yang dibawa ke akhirat.

Berjihadlah. Selendangkan alat-alat yang aku ciptakan ini dari ilmu yang dianugerahkan Tuhan kepadaku, untuk memusnahkan golongan itu. Tanpa persoalan yang rumit, kedua-dua rakannya itu merelakan diri untuk melakukan pengorbanan itu.

Sekarang mereka sedang berdiri di depan kompleks itu. “Pak Andy kami mohon permisi dulu...ampunkan dosa-dosa kami. Bapak perlu meneruskan perjuangan ini selepas kami tiada lagi di dunia. Ilmu bapak diperlukan untuk kebangkitan

umat kita.” Salah seorang daripada dua rakan itu bersuara dengan tegas.

Yusman dan Asmadi sebenarnya tidak pernah tahu. Lelaki bertopeng yang mereka temui di tengah hutan Kepelu itu adalah Andy Ahmad yang selama ini menjadi buruan beberapa negara di Asia Tenggara kerana pembabitannya dalam siri pengeboman berani mati.

Sebenarnya Andy sendiri mahu turut bersama rakan-rakan yang sudah ‘pergi’ lebih awal. Tapi setiap rakan yang ditemuinya merayu dan memohon agar Andy terus menyimpan nyawanya. Biarlah mereka yang lain mendahuluinya kerana kepakaran Andy tidak ada pada orang lain.

Kumpulan pimpinan Andy di Asia Tenggara, berjanji dan berikrar, walau apapun yang terjadi, perjuangan mereka pasti diteruskan. Mereka akan terus melancarkan serangan berani mati terhadap seluruh sasaran yang ada kepentingan ‘musuh agama’.

“Kami memberi peringatan, selagi mereka - musuh agama ini – terus menjajah bumi umat kita, khususnya di Timur Tengah dan selagi mereka menakut-nakutkan umat kita, mereka akan merasai ketakutan dan keganasan.”

Itulah sumpah dan janji setia kumpulan mereka.

Andy melihat jarum jam di tangannya. Sudah hampir 12 tengah hari. Khalayak yang membanjiri kompleks membeli belah utama di pusat Kota Seberang sudah terlalu ramai. Di sana sini orang berpusu-pusu masuk ke dalam kompleks dan kebanyakan mereka adalah pelancong berkulit putih.

Andy mengangkat keningnya sedikit. Dahinya berkerut. Dua rakan itu hanya menunggu arahan terakhir Andy. Sesudah matanya bekerdipan beberapa kali, Andy mengangkat kedua-dua belah tangannya dan membaca suatu doa secara perlahan-lahan. Kedua-dua rakan itu turut mengaminkan doa itu.

Mereka kemudian berpeluk-pelukan seperti gaya pelukan orang di Timur Tengah. Tidak ada kesedihan di situ. Tidak ada kecengkilan. Tidak ada perasaan. Semua suiz perasaan sudah dimatikan sejak beberapa hari lalu. Saat itu pusat pemikiran mereka hanya bertakhta dengan impian ke syurga. Bahkan, bayangan bidadari juga sudah menjelma pada sudut sanubari masing-masing.

Tumpuan mereka hanya kepada sasaran. Mereka membayangkan juga ketika itu diri mereka adalah tentera Tuhan yang akan menggempur medan peperangan yang mereka

panggil 'jihad'. Kompleks membeli belah itu dilihat seperti kubu maksiat terbesar seluruh alam.

Dan pelancong-pelancong berkulit putih yang sedang berpusu-pusu masuk ke dalam kompleks membeli belah itu dilihat seperti tentera musuh Islam zaman jahiliyyah. Mereka perlu digempur berhabis-habisan. Kalau boleh biar seluruh kompleks itu runtuh dan ranap menyembah bumi. Ketika itu nanti barulah pemimpin-pemimpin besar mereka di seluruh dunia akan tersentak dan terperanjat besar. Pemimpin mereka di seluruh dunia akan kelam kabut menghitung berapa orang rakyat mereka yang terkorban.

Saat itu air mata pemimpin mereka itu akan menangis terisak-isak. Mereka akan lumpuh luluh melihat tubuh dan kulit rakyat masing-masing hancur bersepai-sepai di merata sudut kompleks membeli belah itu.

Pada pandangan mata mereka, pelancong-pelancong itu bukan lagi orang awam. Mereka adalah 'tentera-tentera' musuh yang harus diserang dan digempur.

Jihad! Jihad! Jihad!

Itulah laungan hati sanubari mereka. Entah kenapa, Andy yang dulunya seorang ilmuan tulen

dan berhati penuh kasih sayang, tiba-tiba sanggup melakukan semua kerja itu. Dia mungkin memerlukan seorang sarjana lain untuk mengkaji pergolakan jiwanya.

Andy sendiri tidak tahu. Apa yang dirasakan sekarang. Dia merasa terlalu bahagia setiap kali berjaya menggempur dan menyerang ‘musuh-musuh’ agama dalam siri pengeboman yang kini diterajunya di seluruh Asia Tenggara.

“Kami bergerak sekarang ya pak?” Salah seorang rakannya bertanya tanpa ragu.

“Baik...pastikan alat itu diikat pada pinggang dan dadamu. Pastikan sasaran yang tepat,” Andy memberikan arahan terakhir.

“Siap pak!”

“Bergerak sekarang. Selamat jalan dan selamat tinggal!!” Kata-kata itu diucapkan dengan nada yang keras.

“Jihad!!” Kedua-dua lelaki itu berpekok.

Kedua-dua rakannya melangkah ke arah kompleks yang sedang dibanjiri ramai pelancong berkulit putih. Namun antara itu, seluruh pekerja di situ tentunya manusia-manusia yang berkulit sawo matang. Anak-anak gadis tempatan yang mencari makan, mencari sesuap nasi untuk keluarga.

Andy berpatah balik dan masuk ke dalam kereta. Dari dalam kereta dia menggunakan teropong untuk melihat kedua-dua rakan itu berjalan dan bergerak masuk ke dalam kompleks itu. Mereka bergerak perlahan-lahan dan penuh keyakinan. Khalayak ramai di situ juga berculing caling pergerakannya. Semua asyik melayani perasaan dan tujuan masing-masing.

Sewaktu kedua-dua rakan itu sampai ke pintu masuk kompleks itu, mata Andy yang melihat mereka melalui sebuah teropong terbeliak besar, Matanya terbelalak liar. Mulutnya ternganga besar sekali.

“Sulaiman!!!” Melalui teropong itu Andy nampak anaknya sedang melangkah seiring dengan dua pengebom berani mati itu.

Sesaat kemudian Andy tidak lagi nampak mereka. Dia memusing-musing pemutar teropong itu untuk melihat mereka dari jarak lebih dekat. Tapi hanya orang ramai berpusu-pusu di pintu masuk ke kompleks yang tersergam indah itu.

Andy bingkas menerjah keluar dari kereta dan berlari kencang menuju ke arah kompleks itu sambil memekik, “Sulaiman! Sulaiman! Sulaiman!”

Orang ramai di sekitarnya bertempiaran lari mengelakkan diri daripada laluan yang tidak

mengira tata susila di jalan raya lagi. Ketika melihat Andy berlari kencang begitu, beberapa wanita menjerit-jerit kerana sangka mereka Andy seorang penjenayah yang membawa senjata api. Pada hal di tangannya tiada apa-apa pun. Teropong tadi pun sudah dilemparkan entah ke mana.

Kira-kira dua atau tiga ratus ela daripada kompleks itu, larian kencang Andy terhenti dengan sendirinya apabila satu letupan besar yang menggegarkan kompleks itu terdengar di mana-mana. Jeritan ribuan manusia di dalam dan di luar kompleks melahirkan suatu gema paling menggerunkan, Andy tertiarap di bumi. Hanya sesaat rasanya, hampir seluruh bangunan itu ranap. Serpihan batu batan dan sampah sarap berserakan di mana-mana. Daging manusia juga kelihatan bersepai-sepai.

Darah mengalir seperti air hujan. Kawasan kompleks itu dipenuhi warna merah. Tubuh Andy sendiri luka di mana-mana. Tapi kulit di bahagian betisnya tersiat dan terkoyak. Itulah tanda yang terus kekal sepanjang hayatnya. Itulah parut paling tragis dalam hidup Andy.

Ketika manusia lain banyak yang terkorban, Andy masih boleh bergerak. Dia menggagahkan diri untuk bangun. Lalu dia terhoyong hayang menuju ke kawasan pintu masuk ke kompleks itu.

Matanya terbuka sehabis luas. Itulah kali pertama dia menyaksikan sendiri mangsa-mangsa pengeboman bikinannya sendiri. Selalunya dia hanya membaca berita kematian mangsa-mangsa letupan itu melalui akhbar atau menyaksikannya menerusi siaran televisyen. Tapi hari itu dia menyaksikannya dengan mata kepala sendiri.

Di depannya mayat-mayat yang masih panas bergelimpangan di merata ceruk dalam bangunan yang dindingnya habis punah ranah. Segala anggota tubuh badan manusia berserakan di mana-mana. Ada mayat yang tertindih pecahan batu yang besar. Mata tersembul keluar dan darah menitik-nitik, mengalir membasahi lantai yang memang sudah basah dengan darah manusia.

Hanya dia seorang berdiri di tengah-tengah ratusan atau ribuan mayat dan seluruh isi kompleks yang musnah itu. Badan Andy terketar-ketar menghampiri ke bahagian tengah sedikit dalam ruangan depan kompleks malang itu.

Dia cuba melangkah lebih cepat, tapi kakinya tidak mengizinkan. Dikuis-kuis ke tepi segala sesuatu yang menghalang perjalanannya ke dalam. Dia menyelongkar ke sana sini. Tiba-tiba untuk pertama kali dalam hidupnya, seluruh tubuhnya terasa seperti tidak berdaging.

Wajahnya yang penuh kekotoran itu menyebek-nyebek, badannya bergegar-gegar. Dia melutut di tepi kepala anaknya yang hampir terputus dari badan yang koyak rabak di sana sini. Tiada perkataan yang terkeluar. Hanya tangisan yang memanjang berjela-jela.

Memang benar. Itulah Sulaiman anaknya. Sulaiman yang sedang melanjutkan pengajian di Tanah Seberang. Andy tidak menduga Sulaiman akan sampai ke situ pada saat dia sedang menjalankan suatu operasi yang dinamakan 'Jihad'. Dia memeluk kepala anaknya dengan penuh kasih sayang. Air matanya menitis bagai air hujan. Perasaannya remuk redam.

Mulanya dia mahu menanggung jenazah Sulaiman untuk dibawa pergi. Tapi sayup-sayup jauh di sana Andy terdengar bunyi siren. Itu petanda pihak berkuasa sudah semakin hampir. Tanpa berfikir lagi, Andy terus bergerak meninggalkan kompleks itu. Tinggallah jenazah Sulaiman. Tinggallah anak tersayang. "Kamu menjadi mangsa letupan bom yang bapa cipta sendiri. Kamu turut terkorban dalam jihad bapa untuk memerangi musuh kita."

Andy lari selagi boleh dan sempat memandu kereta untuk ke suatu destinasi baru. Baginya Tanah

Seberang menyimpan sebuah kisah nestapa yang paling mengazabkan.

Dia tidak pernah berfikir tentang ribuan nyawa yang terkorban oleh bahan letupan bikinannya. Mereka, baginya tidak penting. Mereka juga dianggap musuh bersama.

Dia hanya mahu anaknya terus hidup dan menyambung cita-citanya untuk menghidupkan kesusasteraan bangsa melalui multimedia seperti yang dicita-citakan.

Peristiwa itu bagaikan suatu kejutan elektrik dahsyat yang menggegarkan seluruh urat saraf Andy. Dia terus memandu hingga hampir kehabisan petrol. Di sebuah perkampungan, dia menghampiri sebuah sungai. Di tepinya ada beberapa perahu nelayan kecil di situ. Dan tanpa berfikir panjang Andy terus mendayung sebuah daripada perahu itu tanpa pengetahuan pemiliknya. Andy berhenti di situ. Dia memandang tajam ke wajah Yusman. “Apakah kau mendengar semua ceritaku tadi?” Tanya Andy.

“Ya tuan. Sungguh dahsyat pengalaman tuan!”

“Kamu boleh mengingati ceritaku. Tapi jangan cerita kepada sesiapa. Biarlah aku menghabiskan sisa usiaku di tengah belantara ini.

Aku mahu mati di tanahairku sendiri sebab itu aku pulang ke sini.”

“Ya tuan, bagaimana tuan dapat kembali ke sini?”

“Cukuplah. Kisahku kembali ke tanahair tidak penting. Aku cuma ingin kamu tahu betapa perjuangan ‘jihad’ ku telah mengorbankan anakku sendiri. Sekarang tidurlah, esok aku hantar kamu ke jalan keluar dari hutan ini.”

14
Selamat Tinggal



*M*entari belum terbit. Tapi Yusman dan Asmadi merasa ada orang mengejutkan mereka. Asmadi merasa belum puas tidur. Dia mengalihkan badan ke sebelah kanan. Tapi dia digerakkan lebih kasar.

“Bangun! Bangun!”

Yusman membingkas bangun lebih dulu. Dilihat rupa-rupanya lelaki bertopeng itu yang mengejutkan mereka. Entah bila dia tidur, mereka tidak tahu. Lalu Yusman mengejutkan Asmadi yang masih liat untuk bangun.

Beberapa malam lalu, mereka hanya tidur dalam semak samun. Hanya baru malam itulah mereka merasai nikmat tidur dalam sebuah pondok. Meskipun ia hanya pondok usang, tapi tentunya ia lebih selesa daripada tidur di hutan belantara. Kekadang pada waktu darurat begitu, tidur dalam pondok usang itu pun dirasakan seperti tidur di rumah sendiri.

“Hari baru nak cerah. Perjalanan kamu terlalu jauh. Mari aku hantarkan kamu ke jalan keluar.” Lelaki itu terus melangkah turun ke tanah.

Dalam terpinga-pinga, Yusman dan Asmadi merasa seperti pening-pening lalat. Di luar pondok, lelaki itu masih memakai topeng. Sejurus, lelaki itu memberikan mereka seorang sehelai sarung kepala berwarna hitam. Bentuknya sama seperti topeng yang dipakai lelaki itu. Sekadar sarung itu tidak berlubang pada bahagian mata dan mulut.

Yusman dan Asmadi terpinga-pinga. “Tutup muka kamu dengan sarung itu!” perintah lelaki itu.

Antara mahu dengan tidak, mereka terpaksa menyarungkan sarung hitam itu menyelubungi wajah mereka sendiri. Sesudah itu pandangan mereka kelam gelemat.

Lelaki itu menghulurkan kepada Yusman dan Asmadi seutas tali. “Kamu pegang tali ini.”

Dia menyentuhkan tali itu ke tangan Yusman, kemudian ke tangan Asmadi.

“Ayuh, ikut aku.” Dia terus berjalan dan mengheret Yusman dan Asmadi yang terkapai-kapai mengikuti lelaki itu.

Mereka berjalan mendaki tanah yang tinggi, menuruni lurah, melalui semak samun. Jika rebah, tali disentak supaya lekas bangun. Begitulah keperitan perjalanan pulang yang tidak pernah diduga begitu sekali jadinya.

Sekalipun waktu berjalan seluruh rupa mereka ditutup, fikiran masing-masing menerawang ke merata ceruk yang pernah mereka lalui dalam kehidupan.

Yusman pasti kisah ini suatu kisah yang menakjubkan. Tidak diduga kembara sejarah mengimpikan penemuan dengan sebuah makam seorang panglima legenda silam bertukar kepada sebuah episod yang menggerunkan. Siapakah lelaki itu sebenarnya?

Asmadi tidak pasti. Tapi Yusman merasakan lelaki itu mungkin lelaki yang pernah dipaparkan dalam media di seluruh negara. Benarkah orang yang sedang membawa mereka ini Andy atau Pak Andy yang dikenali di Tanah Seberang.

Tapi bagaimana dia meloloskan diri kembali

ke sini, ke bumi Panglima Nayan ini? Yusman pernah cuba mengetahui kisah lelaki bertopeng ini lebih lanjut tapi dia memang terlalu aneh. Dia manusia yang aneh. Jika benar dia seorang ilmuan, masakan hutan ini menjadi pilihannya untuk melanjutkan kehidupan yang sangat berharga ini?

Yusman dan Asmadi terus diheret seperti binatang ternakan. Mereka terpaksa mengikut ke mana jua arah yang hendak dibawa. Kalau mahu dibuang ke dalam gaung sekalipun, apakan daya.

Tiada makanan yang dijamah selepas mereka menelan ubi kayu di pondok lelaki itu. Badan Yusman kian lemah. Apa lagi Asmadi. Mereka terpaksa menguatkan semangat untuk kelangsungan hidup.

Yusman menanam keinginan untuk datang lagi ke kawasan itu. Dia pasti mahu mencari jawapannya siapakah lelaki itu sebenarnya.

Lama mereka berjalan. Lapar, haus, tidak terkira. Pada suatu ketika, lelaki itu berkata: "Berhenti di sini dulu!" Mereka patuh kepada arahan itu.

Seketika, Yusman dan Asmadi terdengar suara lelaki itu perlahan sekali, "Kamu hantarkan budak-budak ini sampai ke Bukit Hantu.

Sesudah itu mudik dengan perahu hingga ke kuala. Lalu lepaskan mereka dekat perkampungan orang asli di sana.”

Diam seketika. Kemudian terdengar lagi suara lelaki itu, “Jangan lupa, bikin mereka lupa saja apa yang dilalui di sini.”

“Baik pak!” sambut seseorang.

Hati Yusman dan Asmadi terasa berdebar-debar. Badan mereka seram sejuk. Beberapa waktu kemudian, mereka diseret lagi.

Tapi dalam perjalanan seterusnya, mereka tidak lagi mendengar suara lelaki itu. Ke mana dia? Dan siapa pula yang menyeret mereka sekarang?

Yusman dan Asmadi tidak tahu kerana karung hitam yang menutup muka mereka tetap kekal di situ. Mereka tidak berani membuka atau bertanya sesuatu. Hanya berjalan dan berjalan. Perjalanan diteruskan. Mereka terus diseret dalam kegelapan pandangan yang hitam pekat.

Lama kemudian mereka diseret menaiki perahu. Entah sungai entah laut. Mereka tidak tahu. Demikianlah kembara sejarah yang akhirnya bertukar menjadi begitu rupa.

Ketika sampai di suatu tempat, telinga mereka menangkap bunyi suara manusia yang ramai.

Apabila ada suara yang meminta karung hitam itu dibuka, mereka terperanjat kerana mereka hanya dikelilingi masyarakat orang asli.

“Di mana kita Man?” Asmadi berasa terlalu letih.

Yusman beristighfar panjang. Kemudian dia bersyukur. Air matanya menitis tanpa disedari.

“Sabar Madi. Nanti kita minta tolong orang asli di sini tunjukkan jalan keluar.” Yusman tersandar di tepi sepohon pokok kelapa dekat dengan pondok orang asli di situ.

Selesai.

Daftar istilah dan makna:



- | | | |
|----|------------------|---|
| 1 | gon | - tanah tinggi; jalan berbukit |
| 2 | tertenyeh | - tergesel |
| 3 | gelabah | - cemas |
| 4 | kalut | - kelam kabut; tidak tentu arah |
| 5 | gigilan | - menggigil |
| 6 | reti | - mengerti |
| 7 | 'ndak | - hendak |
| 8 | menyelar | - menjalar |
| 9 | pisau belit | - pisau cukur |
| 10 | gabra | - gelabah; cemas |
| 11 | kanyiar | - belum baliqh |
| 12 | denai | - lorong kecil |
| 13 | kuyu | - mala letih hampir tertutup |
| 14 | berkelat | - melekat-lekat |
| 15 | roti benggali | - roti buku |
| 16 | langsai | - selesai; habis |
| 17 | kuih kering | - kuih-muih yang boleh disimpan lama |
| 18 | ralit | - khayal |
| 19 | bergembut-gembut | - bara api yang sekejap menyala dan malap |
| 20 | ghuyub | - hilang ghaib |
| 21 | bengang | - marah |
| 22 | toslet | - lampu suluh |

- | | | | |
|----|--------------|---|--|
| 23 | tikus keturi | - | tikus yang mulutnya muncung di bahagian depan. |
| 24 | bentan | - | bengkak yang bisa |
| 25 | lipan bara | - | lipan besar dan bisa |
| 26 | iodin | - | sejenis ubat luka |
| 27 | menyirip | - | mengesat |
| 28 | diketis | - | dibuang |
| 29 | demam kura | - | malaria |
| 30 | kaget | - | kagum |

MENGEJAR PELANGI



"Mustahil. Di tengah hutan di tengah rimba, mana ada pelita. Tapi cahaya apakah itu? Yusman sukar membuat tafsiran yang tepat. Kekadang dia seperti tidak mahu mempercayai matanya sendiri."

Mengejar Pelangi merupakan sebuah novel remaja yang berkisar tentang pengalaman yang dialami oleh dua orang rakan karib yang berminat dengan sejarah dan bercita-cita untuk menjadi pengkaji sejarah. Mereka telah menerokai hutan Kepelu untuk mencari bahan sejarah yang boleh dijadikan bukti tentang kesahihan cerita Panglima Nayan seorang yang dianggap pejuang keadilan sosial di utara pada suatu masa dulu.

Pelbagai dugaan yang terpaksa diharungi di dalam hutan apabila beg bekal yang dibawa jatuh ke dalam jurang diikuti dengan perjalanan tanpa panduan hingga mereka sesat jauh ke dalam hutan. Apakah yang bakal mereka hadapi? Berjayakah mereka dalam misi mereka mencari bukti wujudnya Panglima Nayan atau berjayakah mereka keluar daripada hutan Kepelu dengan selamat?

Mengejar Pelangi merupakan karya kreatif yang menarik untuk dibaca oleh para remaja dengan bahasa yang mudah dan olahan cerita yang saspens agar dapat menambah kecekapan berfikir untuk meramal apakah yang akan berlaku seterusnya.

ISBN 978-983-042-388-3



9 789830 423883